

Amanah

UNTUK AHLI SAHAJA



LANGGAN AKHBAR AMANAH SEGERA!
PERCUMA T-SHIRT

untuk urusan Langganan
☎ 011 3233 4322



Azam 2018: Tukar kerajaan perompak Umno BN

SELAMAT TAHUN BARU 2018
Parti Amanah Negara

→ ms2



Konvensyen PH bakal umum tawaran 'kerajaan menanti'

→ ms6




PM sementara atau kekal bukan isu dalam Perlembagaan

→ ms9

CURI SOKONGAN RAKYAT

PROF Redzuan membentangkan apa dibuat terhadap kawasan pilihan raya di seluruh negara melalui persempadanan semula. Bagi beliau ini tindakan mencuri kemenangan, bukan kerana sokongan rakyat tetapi kerana design (rekabentuk sempadan pilihanraya) dan mapping (pemetaan).



SELEPAS mencuri wang 1MDB, kini usaha dibuat untuk mencuri keputusan pilihan raya pula melalui persempadanan semula kawasan pilihan raya.

Kajian mendapati Barisan Nasional (BN) akan mengambil alih Selangor dan mengembalikan kuasa dua pertiga BN di negara ini dalam pilihanraya umum akan datang jika persempadanan semula kawasan pilihan raya digunakan dalam pilihan raya umum ke 14 nanti.

Ia boleh berlaku jika ia berjalan tanpa tentangan menyeluruh dari rakyat terhadap BN dalam pilihan raya umum akan datang.

Bagaimanapun di Kelantan, persempadanan ini tidak akan jejaskan hasrat rakyat untuk menukar kerajaan, dakwa AMANAH.

➔ **Laporan penuh muka 2**

PROMOSI TERBARU!!
DAPATKAN SEGERA
01132334322 untuk urusan pembelian

<p>HANYA RM 49</p> <p>MEMORANDUM HUBUNGAN ANTARA SHARIAH DAN POLITIK</p> <p>PROF. DR. JASSER AUDA</p>	<p>HANYA RM 39</p> <p>DUA DEKAD DIA DIZALIMI</p> <p>DR. JASSER AUDA</p>	<p>HANYA RM 29</p> <p>KEBEBASAN & PEMBEBASAN</p> <p>PERBAHASAN DALAM KONTEKS MAQASID SHARIAH</p> <p>Sheikh Dr. Ahmad al-Raisuni</p>	<p>HANYA RM 22</p> <p>POLITIK & DEMOKRASI</p> <p>Sheikh Dr. Rasid Channachi</p>	<p>HANYA RM 19</p> <p>Panduan Pemula MAQASID AL-SHARIAH</p> <p>Dr. Jasser Auda</p>
---	---	---	---	--

Azam 2018: Tukar kerajaan kleptokrat Umno BN

KEHADIRAN tahun baru 2018 yang bakal berlangsung di dalamnya Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) tidak lama lagi, merupakan peluang terbaik bagi seluruh rakyat Malaysia untuk menyelamatkan negara dari segala masalah yang sedang membelenggu rakyat ketika ini.

Masalah rasuah, rompakan khazanah negara, salah guna kuasa, telah menyebabkan ekonomi Malaysia semakin buruk dan kesanya sedang menimpa rakyat terbayak ketika ini.

Menyampaikan Perutusan Tahun Baru 2018, Presiden AMANAH Mohamad Sabu berkata setiap rakyat Malaysia tanpa mengira kaum perlu berazam untuk menukar kerajaan Umno BN pada pilihan raya akan datang ini dan mengembalikan semula kegemilangan negara ini.

Katanya, seorang pakar ekonomi di Eropah, telah membuat jangkaan berdasarkan kajiannya bahawa perkembangan ekonomi dunia pada tahun 2032, iaitu 12 tahun daripada sekarang di mana kuasa utama ekonomi dunia akan jatuh kepada China, sementara kedua adalah Amerika Syarikat.

Paling mengejutkan adalah negara India akan berada dalam kedudukan 10 teratas bersama sebuah lagi negara di rantau ini iaitu Indonesia, katanya.

"Bagaimana China boleh melonjak begitu rupa sedangkan negara tembok besar

itu sangat miskin pada tahun 60 an lalu?" soal beliau.

Indonesia juga, katanya, serupa dengan menjadi negara yang mengeksport pekerja-janya ke luar negara termasuk ke Malaysia dan Timur Tengah dan jurang kaya miskin sangat tinggi.

India pula, tambah beliau, hampir separuh penduduknya berada dalam kemiskinan dan duduk di rumah-rumah setinggalan di persisiran jalan keretapi dan di tepi jalan raya.

Bagi beliau, perkara paling utama untuk mengubah ekonomi dalam sebuah negara ialah kesanggupan rakyat dan pemimpin negara tersebut melawan rasuah.

"Rakyat dan pemimpin kerajaan China melawan rasuah bersungguh-sungguh sehingga pesalah rasuah dihukum tembak mati," katanya.

Hong Kong, tambah beliau, telah membangunkan satu sistem melawan rasuah sehingga kerajaan Malaysia mengambil model Hong Kong dalam menubuhkan struktur Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan kuasa polis, namun barangkali perlaksanaannya tidak mengikut Hong Kong.

Kerana sikap rakyat dan kerajaan China bersungguh-sungguh melawan rasuah, negara itu muncul sebagai gergasi ekonomi dan bakal meninggalkan Amerika Syarikat jauh ke belakang.



Azam tahun baru Presiden AMANAH adalah mahu menukar pemerintah yang korup.

Begitu juga Indonesia selepas reformasi di bawah Presiden B.J. Habibie, mereka mengukuhkan badan pencegah rasuah di negara itu dengan beberapa menteri, gabenor dipenjarakan.

Mereka sekarang ini, katanya, sedang muncul sebagai negara membangun dan dijangka 10 tahun lagi akan berada dalam kedudukan 10 negara teratas dunia dan mengatasi negara-negara Eropah lain.

"Apakah rakyat Malaysia tidak ingin membuat perubahan? Malaysia yang setaraf dengan Korea di tahun 70an kini jauh ke

belakang," katanya.

Puncanya, kata beliau, adalah kerana rasuah berleluasa oleh pemimpin negara, pegawai kerajaan, pemimpin politik yang menyebabkan khazanah negara lesap dirompak, nilai mata wang jatuh merudum dan rakyat tersepit dengan kos kehidupan meningkat.

"Ayuh! Marilah berzama pada 2018 ini bahawa kita ingin melawan rasuah. Salah satu caranya adalah dengan menumbangkan kerajaan Umno BN pada PRU14 akan datang yang sudah terkenal dengan amalan rasuah yang begitu teruk dan diketahui oleh seluruh dunia.

"Kita rakyat Malaysia berbilang kaum dengan hasil negara yang melimpah ruah perlu bangunkan pemerintahan baru di bawah Pakatan Harapan," katanya.

Pakatan Harapan berzama untuk memperbetulkan kepincangan tadbir urus negara menjadi lebih baik dan sekaligus melawan rasuah habis-habisan untuk menjelmakan semula Malaysia di persada dunia sebagai negara utama melawan rasuah dan rakyat menikmati kemewahan hidup di negara yang aman damai ini.

Untuk itu, katanya, langkah awal tidak lain dan tidak bukan adalah dengan menukar pemerintah korup kleptokrasi Umno BN ini pada pilihan raya yang akan berlangsung tidak lama lagi.

Selepas curi 1MDB, kini curi sokongan rakyat pula

SELEPAS mencuri wang 1MDB, kini usaha dibuat untuk mencuri keputusan pilihan raya pula melalui persempadanan semula kawasan pilihan raya.

Kajian mendapati Barisan Nasional (BN) akan mengambil alih Selangor dan mengembalikan kuasa dua pertiga BN di negara ini dalam pilihanraya umum akan datang jika persempadanan semula kawasan pilihan raya digunakan dalam pilihan raya umum ke 14 nanti.

Menurut kajian yang dibuat oleh Institut Darul Ehsan (IDE) ber-

dasarkan keputusan pilihan raya 2013, BN akan boleh menambah lapan kerusi negeri menjadikannya 19 kerusi melalui persempadanan baru itu hatta melalui pertandingan satu lawan satu.

Lapan kerusi lagi pula akan berlaku perebutan sengit antara BN dan pembangkang dan jika berlaku pertandingan tiga penjuror atau lebih antara BN, Pakatan Harapan (PH) dan PAS di kerusi itu, BN akan menang di kerusi itu.

"Ini bermakna, BN akan menang bukan kerana sokongan rakyat

tetapi kerana design (rekabentuk sempadan pilihanraya) dan mapping (pemetaan)," kata Profesor Datuk Dr Ridzuan Othman, Timbalan Pengerusi IDE, badan kajian yang terletak di bawah kerajaan negeri Selangor.

Usaha kerajaan negeri Selangor untuk membantah persempadanan ini telah ditolak oleh mahkamah termasuk Mahkamah Rayuan.

Pada 7 Disember lalu, Mahkamah Tinggi memutuskan bahawa kerajaan negeri Selangor tidak boleh mencabar pelaksanaan pers-

empadanan semula Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

Hakim Mahkamah Tinggi Azizul Azmi Adnan berkata, mahkamah tidak boleh campur tangan dalam pelaksanaan persempadanan semula, yang menurut beliau ia adalah bidang kuasa eksklusif badan perundangan itu.

Menurut Ridzuan, persempadanan ini akan menyebabkan kerusi Chempaka yang kini diwakili Naib Presiden PAS, Iskandar Samad bukan lagi kerusi PAS kerana kebanyakan pengundi PAS di situ telah dibawa keluar manakala pengundi DAP di bawa masuk ke situ.

"Bila ini berlaku, akan berlaku perebutan ke atas kerusi ini antara PAS dan DAP dan akhirnya berlaku pertandingan tiga penjuror atau lebih dan BN akan menang," katanya.

Dalam PRU 13, Iskandar menang dengan majoriti 9,608 dalam pertandingan satu lawan satu antara calon PAS dari Pakatan Rakyat dan calon Umno Muhammad Faizal Bin Sufar dari BN itu.

Menurutnya lagi, undi BN sentiasa solid dan tidak berpecah manakala yang berubah adalah

pengundi atas pagar yang kini bersama pembangkang.

Kerusi Sri Andalas yang kini diwakili oleh PKR, Xavier Jayakumar juga sudah bertukar kepada kerusi majoriti Melayu.

Dalam PRU 13 lalu, kerusi ini hanya mempunyai 39% pengundi Melayu, Indian (35%) manakala Cina (24%) dan dimenangi oleh Xavier dengan majoriti 15,633 undi.

"Melalui design baru ini, kerusi ini juga akan dimenangi oleh BN," katanya.

Kerusi Bangi yang dimenangi PAS dalam PRU 13 lalu juga bakal jatuh ke tangan BN. Selepas persempadanan, ia telah ditukar nama kepada Sungai Ramal.

Semua keputusan ini diperolehi berdasarkan kajian yang dibuat oleh IDE terhadap data pengundi yang dibeli dari SPR dan dibuat analisa dengan menggunakan teknologi moden.

"Melalui teknologi setelite ini kita boleh mapping (membuat peta) setiap rumah dengan error (kesilapan) tidak sampai 3 meter," kata Ketua Pegawai Eksekutif IDE itu.



Tun Mahathir usaha betulkan kesilapan

Oleh **ARIF ATAN**

SHAH ALAM: Tun Dr Mahathir Mohamad yang dipanjangkan usia bukan sekadar melihat impak daripada pemerintahannya sebelum ini tetapi sedang berusaha untuk membetulkan kembali kesilapan yang dilakukan, kata Timbalan Ketua Pemuda AMANAH Nasional, Faiz Fadzil.

Menurutnya, tekad bekas Perdana Menteri itu untuk bersama Pakatan Harapan perlu disambut dengan tangan terbuka dalam usaha menumbangkan rejim pemerintah Umno-BN.

"Tun Mahathir sedar tentang sistem yang beliau rangka dulu memberi kesan kepada rakyat apabila pemimpin selepasnya membuat perkara jauh lebih teruk.

"Bila Tun Mahathir bersama kita, kalau niat dia nak membetulkan apa yang beliau lakukan dulu, itu satu kebaikan kepada rakyat juga akhirnya.

"Beliau sendiri pun sudah tegaskan hal untuk merombak kembali segala

institusi di negara ini agak adil kepada rakyat sebaik Pakatan Harapan nanti diberi mandat di Putrajaya," ujarnya ketika ditemui dekat sini, baru-baru ini.

Faiz berkata demikian ketika diminta mengulas tentang ayahnya, Allahyarham Ustaz Fadzil Noor yang pernah mendoakan Tun Mahathir dipanjangkan usia agar dapat melihat sendiri kesan pemerintahannya.

Beliau berpendapat sesiapa sahaja yang hendak bersama gabungan pembangkang diterima lantaran perjuangan

membebaskan rakyat daripada cengkaman Umno-BN bukan milik mana-mana individu atau parti.

"Itu yang berlaku pada zaman APU (Angkatan

Perpaduan Ummah) dan Barisan Alternatif apabila Ustaz Fadzil menyambut perjuangan Tengku Razaleigh dan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Mereka berdua juga adalah bekas pemimpin Umno. Yang penting kita fokus untuk menjatuhkan Umno-BN. Ketepikan persepsi buruk yang sedang ditimbulkan. Kita fokus terlebih dahulu untuk jatuhkan BN," tegasnya.

RAKYAT BIASA

Mengulas lanjut, beliau berkata Tun



FAIZ FADZIL

Mahathir pada usia 93 tahun itu adalah rakyat biasa sama seperti rakyat Malaysia yang lain.

"Tun Mahathir bersama dengan perjuangan kita. Adalah

lebih baik kita membentuk gabungan pembangkang yang konkrit.

"Kita perlu lihat sebuah kerajaan jadi zalim, rejim yang wujud disokong sangat kuat oleh orang atau anggota kabinet di sekelilingnya.

"Sebab itu kita lihat dulu, Tun Mahathir dan sekarang Najib Razak menjadi diktator kerana sokongan tidak berbelah bahagi oleh anggota kabinet.

"Apabila Tun mengambil pendirian untuk membuang Datuk Seri Anwar Ibrahim, kabinet menyokong. Apabila Najib mengambil tindakan membuang Muhyiddin, kabinet tidak membantah," jelasnya.

Sehubungan itu, Faiz memberi jaminan bahawa sikap menyokong secara melulu walaupun mengundang mudarat tidak akan berlaku apabila Pakatan Harapan mendapat mandat pada PRU-14 ini.

"Itu tidak akan berlaku dalam Kabinet Pakatan Harapan. Kita berpegang pada semangat konsensus. Kita berpegang pada amalan berbincang terlebih dahulu," tambahnya lagi.

Persempadanan semula tidak jejas tekad tukar kerajaan

Oleh **ZIKRI ABDULLAH**

PASIR MAS: Tindakan pemerintah BN memeralatkan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) bagi melakukan persempadanan semula kawasan pilihan raya tidak akan mampu menghalang tekad rakyat untuk mengubah kerajaan pada pilihan raya umum (PRU) akan datang.

Pengerusi AMANAH Kelantan Datuk Wan Abdul Rahim Wan Abdullah berkata, kesedaran rakyat untuk menolak kerajaan klepto-

krasi dengan pelbagai dasar yang menyusahkan kini jelas dirasai di semua peringkat.

"GST sebagai satu bentuk cukai yang begitu membebaskan kini menjadikan peniaga dan pengguna mangsa yang semakin terbeban.

"Di pusat-pusat perniagaan utama seperti KB Mall dan bazar-bazar lain dapat dilihat kedai-kedai ditutup.

"Pengguna pula terpaksa mengikat perut dan mengehadkan jumlah pembelian kerana

harga barang terus melambung sedangkan pendapatan tetap sama malah ada yang menghadapi situasi pemberhentian kerja," katanya di program Dialog Kedai Kopi (DKK) di Kampung Gertak Serong, Tendong, dekat sini, baru-baru ini.

Katanya, taktik terbaharu BN menghadapi kemaraan rakyat adalah dengan memeralatkan SPR.

"Dalam makluman terbaharu, Parlimen Pasir Mas ini akan dikeluarkan dari Dun Chetok dan

dimasukkan Dun Meranti.

"Dengan itu Parlimen Rantau Panjang akan menerima masuk Dun Chetok untuk dilengkapkan bersama Dun Bukit Tuku dan Gual Periok," katanya.

Sementara itu Ketua Jawatankuasa AMANAH Dun Tendong Dr Rohani Ismail mahu semua parti anggota Pakatan Harapan (PH) terus meningkatkan komitmen untuk meraih kejayaan yang semakin jelas.

"Dulu semasa saya mula bertugas di sini, terasa kerdil kerana

bergerak sendirian tetapi dengan kebersamaan PH sekarang, keadaan jelas berbeza.

"Bagaimanapun saya suka mengingatkan supaya berfikir untuk menyumbang dan bukan berfikir apa yang kita akan dapat," ujarnya.

Turut berucap di majlis itu ialah Pengerusi PH Parlimen Pasir Mas Ir Ali Omar, Pengerusi wanita PH Negeri Norashidah Jaafar dan ahli jawatankuasa PH Dun Tendong Dr Wan Zulkhairie Wan Mohd Zain.

Kerajaan BN terus cari jalan haramkan PPBM

KUALA LUMPUR: PPBM berkata tindakan pemimpin kerajaan mempersoalkan sokongan akar umbi parti itu adalah satu lagi taktik untuk membatalkan pendaftaran yang diluluskan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM).

Ketua Penerangan PPBM, Datuk Kamarudin Mohd Nor, berkata kenyataan Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Nur Jazlan Mohamed bahawa PPBM tidak mempunyai sokongan akar umbi dan melanggar perlembagaan parti adalah alasan menghalang parti itu daripada terus menjadi ancaman kepada Umno dan BN pada pilihan

raya umum nanti.

"Dia nak cari alasan lain pula, saya percaya mereka akan cari alasan lain," katanya kepada FMT.

Menurutnya, PPBM sudah pun mendapat kelulusan, dan ia bukan mudah dibatalkan kerana parti itu sudah pun memenuhi semua tuntutan JPPM.

PPBM mengadakan mesyuarat tahunannya 30 Dis lalu, lebih setahun selepas didaftarkan pada September 2016.

Parti yang dipimpin Tun Dr Mahathir Mohamad dan Tan Sri Muhyiddin Yassin itu mendakwa mesyuarat itu dipaksa ke atasnya di sebalik ancaman pembatalan pendaf-

taran oleh JPPM.

Ia susulan masalah membabitkan penstrukturan cawangan dan bahagiannya yang tidak diiktiraf JPPM.

Kamarudin berkata mesyuarat agung pertama tersebut adalah bukti parti itu mendapat sokongan akar umbi untuk membentuk cawangan dan bahagian.

"Perhimpunan itu bukan satu bahagian sahaja yang datang, seluruh bahagian di Semenanjung datang dari Perlis sampailah ke Johor, cuma kita tidak ada wakil dari Sabah dan Sarawak sebab kita putus 2 negeri itu untuk tidak tubuhkan cawangan," katanya.

SAMBUT MAULIDUR RASUL... Setiausaha Agung AMANAH Mohd Anuar Tahir diberi peluang berkongsi pandangan dan menyampaikan tazkirah sempena Majlis Maulidur Rasul anjuran penduduk Pangsapuri Sri Intan, Ampang. Menariknya, program anjuran bersama ini turut dihadiri Pengerusi NGO Masih Ada Yang Sayang, Isa Saidi yang juga Ahli Jawatankuasa Umno bahagian serta Pengerusi Surau Al-Hidayah Ustaz Marzuki Abdullah. Turut serta pada program itu para pemimpin AMANAH Ampang, Ketua Cawangan AMANAH Sri Intan Mohd Yusof Saidi, wakil-wakil NGO dan penduduk setempat. Mohd Anuar yang juga Pengerusi Yayasan Pembangunan Ummah turut menyampaikan sumbangan barangan dapur kepada golongan asnaf.



Minda Pengarang

PH akan umum tawaran kepada rakyat

PAKATAN HARAPAN bersama komponennya, akan mengumumkan komitmen untuk menyahut serum rakyat untuk melakukan perubahan bagi membuktikan

ia sebuah gabungan yang bersedia menggantikan pentadbiran negara jika memenangi PRU14.

Pakatan Harapan meletakkan fokus utama untuk memulihkan ekonomi negara dan memulihkan nilai mata wang ringgit.

Pakatan akan membuat beberapa pengumuman penting bukan saja sebagai persediaan menghadapi PRU14, malah juga tawaran sebagai 'kerajaan menanti'.

Tentu sekali pengumuman ini dinantikan oleh rakyat sebelum PRU14 di samping beberapa pengumuman besar yang akan dibuat khasnya tawaran kepada rakyat yang mencerminkan bahawa Pakatan Harapan adalah kerajaan menanti bagi menggantikan Umno-BN.

Ini termasuk beberapa tawaran besar yang bakal dilaksanakan jika diberi mandat oleh rakyat.

Konvensyen ini bakal melakar sejarah dengan tawaran kepada rakyat yang dilihat mahukan perubahan dan keluar dari kemelut yang ada sekarang.

Di sinilah rakyat perlu mengikuti perjalanan konvensyen itu nanti supaya dapat mengetahui tawaran yang diumumkan.

Konvensyen akan berlangsung di Pusat Konvensyen Ideal (IDCC) Shah Alam bermula jam 9 pagi hingga 5 petang.

Kesemua pemimpin utama Pakatan Harapan termasuk pengerusinya Tun Dr Mahathir Mohamad, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, Mohamad Sabu, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Lim Guan Eng dijangka akan menyampaikan pidato masing-masing.

Selain pimpinan, konvensyen juga akan mendengar pidato daripada wakil masyarakat pelbagai latar belakang termasuk petani, bekas tentera, bekas

penjawat awam, wakil Felda, wakil artis dan lain-lain lagi melalui Pentas Rakyat.

Pakatan Harapan meletakkan fokus utama untuk memulihkan nilai mata wang ringgit jika berjaya mengambil alih pemerintahan kerajaan pada PRU14 nanti.

Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu), Tun Dr Mahathir Mohamad yakin Pakatan Harapan akan menimbang-nimbang sama ada konsep kawalan pertukaran akan diamalkan semula sekiranya perlu bagi menambah baik ekonomi negara.

Beliau telah menghuraikan bagaimana pengurusan kewangan akan lebih telus dari segi dasar dan amalan pentadbiran ekonomi negara dengan mengambil kira pandangan pihak terlibat seperti pemandu teks, penganggur dan dewan-dewan perniagaan.

Tun Mahathir memaklumkan bahawa budaya rasuah juga akan diberikan perhatian dan dihalang dengan tegas jika Pakatan Harapan memenangi PRU14 nanti.

Dalam melaksanakan perkara ini, katanya, semua pihak yang terlibat dengan budaya rasuah akan dibawa ke muka pengadilan tanpa ada sebarang pengecualian atau kekebalan.

Mereka yang tiba-tiba kaya akan dikunjungi oleh pegawai di dalam Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) selepas ini supaya mereka dapat memberi penjelasan mengenai kekayaan yang mereka miliki, kata beliau.

Ini dalam usaha Pakatan Harapan untuk mengurangkan perlakuan perkara curang, di mana semua pejabat akan menjadi pejabat terbuka. Demikian juga menteri dan pegawai akan dipantau. Sistem elektronik yang canggih akan diguna untuk membanteras rasuah, katanya.

Ini hasrat Pakatan Harapan dan tentunya rakyat yang mahukan perubahan akan menyokong.

Malaysia bukan Qatar

Malaysia bukan Qatar. Belum tentu undang-undang yang terlaksana di Qatar sesuai dilaksanakan di Malaysia, sekalipun undang-undang itu disandarkan kepada Islam. Kerana, Islam ada acuan-nya tersendiri, bukan acuan Qatar, Makkah dan Madinah.

Perbezaan tempat dan masa perlu diambil kira dalam penetapan sesuatu undang-undang termasuk undang-undang yang bersumberkan hukum al-Quran. Hukum potong tangan misalnya, tidak diperincikan oleh al-Quran tentang masa, keperluan, kaedah pelaksanaan dan halangannya.

Maka, pakar dalam pelbagai bidanglah yang perlu berijtihad untuk melaksanakan hukum itu pada tempat dan masa yang sewajarnya.

Pelaksanaannya di Malaysia adalah mengikut ijtihad pakar dari Malaysia, bukan dari Qatar.

Mengambil secara sembrono undang-undang dari Qatar untuk diaplikasikan di Malaysia tidak menepati semangat tertinggi undang-undang iaitu keadilan. Jika tidak adil, sekalipun ia datang dari Qatar, Makkah atau Madinah, itu bukan undang-undang Islam.

Qatar negara kaya, populasi penduduknya berbanding Malaysia kecil, bahkan sistem kerajaannya juga berbeza. Mana mungkin meng-Qatarkan Malaysia dalam



Pencerahan Mingguan
**TANWEER
USBU'II**

USTAZ ZOLKHARNAIN ABIDIN
Pengarah Hal Ehwal Syariah AMANAH

hal undang-undang.

Saya teringatkan suatu kisah kecil pada zaman Nabi Muhammad s.a.w, iaitu Nabi menyuruh Aisyah yang mengiringi pengantin perempuan yang berkahwin dgn seorang lelaki Ansar untuk menyediakan seorang penyanyi bersamanya, kerana menurut Nabi, orang Ansar sukakan nyanyian.

Lihat bagaimana Nabi men-

gambil kira realiti dan keperluan manusia walaupun dalam hal yang kecil, iaitu meraikan kesukaan masyarakat Madinah. Jika Nabi meraikannya, adakah kita pula lebih baik daripada Nabi sehingga mengabaikannya?

Bayangkan dalam hal yang lebih besar yang melibatkan tangan atau nyawa orang, takkanlah realiti setempat tidak perlu diraikan. Justeru, realiti Malaysia wajib diraikan dalam pelaksanaan apa sahaja undang-undang apatah lagi atas nama Islam.

Di sinilah 'Fiqh al-Waqi' berperanan besar. Meletakkan sesuatu peraturan yang disandarkan kepada Islam secara salah, sama ada dari sudut masa atau tempat adalah kezaliman. Sementara kezaliman pula wajib dibentaras walaupun pembawanya adalah agamawan.

Saya fikir kenyataan orang besar Kelantan untuk mengaplikasikan undang-undang Islam acuan Qatar di Malaysia adalah kenyataan yang mengheret negara kepada ke-Araban bukan kepada penghayatan syariah Islam sebenar.



Kenyataan Nik Amar yang dipetik di akhbar Sinar Harian

Di sinilah 'Fiqh al-Waqi' berperanan besar. Meletakkan sesuatu peraturan yang disandarkan kepada Islam secara salah, sama ada dari sudut masa atau tempat adalah kezaliman. Sementara kezaliman pula wajib dibentaras walaupun pembawanya adalah agamawan.



Pilihan anak muda dalam PRU14

“**Dunia** ini akhirnya milik anak muda”. Seringkali ayat ini dipetik, untuk membara semangat anak muda dalam perjuangan menuntut perubahan. Anak muda akan bangkit, mengambil alih tampuk kuasa daripada orang tua yang sedang mendominasi, kalau bukan memonopoli, dunia ini. Mahu atau tidak, suka atau tidak, detik saat ini tetap akan tiba. Ini kitaran alam semulajadi.

Bukan niat saya untuk membela golongan tua, tetapi agak naif untuk kita harapkan bahawa golongan tua ini akan menyerahkan tampuk kuasa secara sukarela kepada golongan muda, tanpa sebarang tekanan. Mereka mempunyai ego tersendiri yang pantang dicabar.

Hakikatnya, ruang dan suasana politik di Malaysia tidak subur untuk percambahan idea baru. Terlalu banyak sekatan yang disempadankan dengan akta atas nama “sensitif”. Lebih-lebih lagi, masyarakat kita masih terbelenggu dengan mitos bahawa orang tua tahu segala-galanya. Kesemua ini menyukarkan anak muda untuk bernafas dalam perjuangan, apatah lagi memberi nafas baru untuk politik negara kita.

Sementara anak muda mengadu segala keterbatasan yang menyekat potensinya, mereka juga perlu bermuhasabah diri, sejauh manakah ilmu yang tersarat dalam otak itu, diterjemahkan ke-



Siang-Malam
Lim Hong Siang

pada aksi politik untuk membawa perubahan? Dengan kata lain, bagaimana teori yang dikuasai, diterjemahkan kepada solusi untuk menyelesaikan masalah yang terpampang di depan mata?

Misi anak muda adalah merapatkan jurang antara idealisme dengan realiti. Sememangnya kita akan kelihatan gah ketika berbicara dengan memetik teori-teori hebat dari tokoh sayap kiri ke kanan, meminjam otak dari mayat yang sudah reput untuk berdekad-dekad, tetapi kita tetap “gagal” sendainya tiada satu penyelesaian yang ditawarkan kepada kemelut dunia nyata zaman ini. Senang sahaja untuk kita berkata “tidak” kepada benda-benda yang ditolak, tetapi sukar untuk kita jelaskan apa yang kita mahu, lebih-lebih lagi berusaha untuk membina apa yang dimahukan.

Ada kalanya kita terganggu apabila melihat sesetengah anak muda tidak mempersiapkan diri dengan kemahiran yang paling asas, misalnya bertanya soalan. Pernah saya terserempak dengan

anak muda yang nampak kritikal dalam forum. Beliau cuba melonggar pandangan panelis dalam sesi soal jawab, yang mana sangat dialu-alukan. Tiga minit diberikan tetapi beliau gagal mengolah pandangannya dengan tersusun. Lebih teruk, tiada sesiapa pun yang tahu apakah soalan sebenar yang ingin diajukannya. Kalau bab “bertanya soalan” pun gagal, apatah lagi bab “menawarkan jawapan”, malah mengubah dunia?

Saya tidak berniat untuk memperlekehkan anak muda, dengan penuh kesedaran bahawa tidak adil untuk menilai anak muda hanya dengan satu kes terasing dalam forum. Tetapi, kegagalan mengolah idea dengan tersusun sememangnya satu fenomena yang agak lumrah, jika diperhatikan. Bagaimana simpul politik

lama dalam minda masyarakat dileraikan, tanpa kita meleraikan terlebih dahulu kekusutan idea yang ada dalam otak diri kita?

Apapun, lebih penting, bagaimana gerak kerja disusun untuk membina asas kekuatan anak muda? Adakah mereka menggariskan KPI (indeks petunjuk prestasi) untuk dirinya, bagi jangka pendek dan jangka panjang? Bagaimana jikalau satu demonstrasi yang dianjurkan, gagal menarik penglibatan bilangan peserta yang diharapkan? Sejauh manakah sikap dan hujah perbincangan kita dalam laman sosial meyakinkan mereka yang tidak bersetuju dengan kita sebelumnya? Adakah post-mortem dijalankan, mencari kelemahan untuk diperbaiki masa depan? Atau sekadar melepaskan tangan dan shioik sendiri?

Paling penting, bagaimana anak muda membina muafakat dan menyatu-padukan semua tenaga, untuk merempuh status quo terkini? Zaman telah berubah. Generasi anak muda sekarang semestinya terdedah kepada jalur pemikiran politik yang pelbagai, dan akhirnya akan berpegang kepada ideologi masing-masing. Akan ada puak anarki, lib-

eral, sosialis, Islamis, sekular dan sebagainya, tetapi selagi mereka berpecah, bermusuhan sesama sendiri, buku mereka tetap akan diharamkan regim korup bernama Umno-Barisan Nasional.

Di sini kita terperangkap. Masyarakat kita tidak ketandusan anak muda yang berfikiran tajam. Agak lumrah juga untuk mereka saling menyanggah pandangan ketika membincangkan masa depan Malaysia yang diinginkan. Persoalannya, sebelum sampai ke destinasi yang dicita-citakan, apakah langkah yang harus diambil ketika berada di persimpangan zaman ini?

Tidak kurang yang bersikap kritikal dan sinis terhadap Pakatan Harapan, dan tidak kesemua daripada mereka salah. Apa yang harus diputuskan dalam PRU14 yang akan datang, apakah pendirian anak muda? Antara Barisan Nasional, Pakatan Harapan, kuasa ketiga (Pas, PSM dan sebagainya), atau undi rosak? Sejauh manakah pilihan anak muda dalam PRU14, merapatkan jaraknya dengan destinasi perjuangannya fahaman politik yang dianutinya?

Tiada makna untuk kita kelihatan hebat dengan retorik yang berapi-api, atau sindiran sinis sekadar untuk memperlekehkan orang lain. Akhir-akhirnya, kita semua mangsa di bawah regim Umno-BN dari dulu, kini dan selamanya.



Shahnon sangat akrab dengan rakyat

Di bawah rimbun pohon rendang depan rumahnya di Minden Hight, Pulau Pinang setahun lalu, saya memerhatikan burung-burung berkicauan, melompat dari dahan ke dahan seolah-olah memberitahu bahawa rumah itu dihuni oleh seorang sasterawan besar berjiwa rakyat.

Setelah memberi salam dan disahut segera, sasterawan itu – Profesor Emeritus Datuk Dr. Shahnon Ahmad – pun muncul menyambut saya dan isteri serta Dr. Rosli Yaakub dengan ramahnya mengajak kami masuk.

Sudah lama kami tidak berjumpanya dan mengetahui bahawa beliau uzur.

Tetapi pagi itu beliau kelihatan segar menyambut kami dan mengajak berbicara panjang, ditemani isterinya. Beliau seperti enggan melepaskan kami pulang segera, untuk berbual lagi. Kami memerhatikan buku-bukunya dan teringat peristiwa masa lalu di mana saya dan kawan-kawan penulis sering bertemu dengannya. Beliau menghadiahkan kami bukunya *Perjalananku Sejauh Ini: Sebuah Autobiografi*.

Dari pengamatan saya terhadap karyanya, Shahnon ternyata adalah sasterawan rakyat, yang menjadi jurubicara rakyat disebabkan sangat dekatnya beliau kepada rakyat.

Apabila kita membaca novelnya – umpamanya *Ranjau Sepanjang Jalan*, *Rentong*, *Srengenge* dan lain-lain, kita melihat Shahnon amat dekat dengan rakyat di desa dan di kota. Gambaran suasana di desanya di Sik, Kedah, yang dilukisnya dalam *Ranjau Sepanjang Jalan* (sudah difilemkan) sangat menarik. Segar dan real. Shahnon sangat kenal dengan dunia Lahuma, pesawah yang bergelut dengan sawahnya setiap hari, ditemani burung Tiak yang seolah-olah mengerti bahasa petani.

Tidak mungkin seorang novelis boleh menulis demikian ‘hidup’ akan suasana sawah padi, para petani yang bergelut dengan lumpur, lintah, burung-burung dan segalanya, kalau bukan pengarang



CETUSAN MINDA
ABDUL SHUKUR HARUN

yang benar-benar merasai denyut nadi para petani. Tetapi ini telah dilakukan oleh Almarhum dengan jayanya.

Di sinilah saya juga teringat akan Almarhum novelis Azizi Haji Abdullah di mana melalui karyanya, seperti *Orang Tua*

di Kaki Gunung menggambarkan dengan amat segar kehidupan para petani. Azizi juga adalah anak kelahiran Kedah yang dekat dengan denyut nadi para petani.

Kedua-dua novelis ini – Shahnon Ahmad dan Azizi Abdullah telah menemui Ilahi.

Ketika memerhatikan jenazah Almarhum Shahnon di Surau Madani, Bangi minggu lalu, saya terasa sebak, kepergian seorang teman, terkenang semuanya.

Kedua-duanya – Shahnon dan Azizi, adalah sasterawan yang sangat dekat dengan aspirasi rakyat. Kedua-duanya adalah jurubicara rakyat.

Memang ada beberapa novel Shahnon agak ‘keras’ seperti *Shit*, *Muntah* dan beberapa lagi. Tetapi ini adalah kritikan jujur

Shahnon terhadap kebobrokan pemimpin dan para pendukung mereka yang membiarkan kemungkar berlaku.

Demikianlah Almarhum Shahnon yang telah memberikan sumbangan besar kepada kemanusiaan.

Memang hanya sesekali dalam sesuatu zaman, tokoh seperti lahir untuk mewarnai zamannya. Mulanya memang ramai, tetapi dari yang ramai itu jumlahnya semakin kecil, kerana tewas oleh hambatan keadaan dan habuan. Maka dari jumlah yang sangat kecil itulah Shahnon yang berdiri gagah.

Untuk akhir, saya mengingat kembali pesan Shahnon seperti yang ditulis oleh A. Rahim Abdullah apabila ditanya siapa musuhnya:

“Pertama yang sentiasa ada ialah iblis dan syaitan. Kedua, nafsu, kecuali kalau ia boleh dikawal dengan taqwa. Ketiga adalah dunia, kecuali sekedar keperluan dan bukan tujuan. Keempat ialah sebahagian besar golongan manusia yang tidak layak lagi dipanggil manusia.”

Kebebasan bersuara lebih buruk di era Najib

KUALA LUMPUR: Dakwaan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Salleh Said Keruak bahawa kebebasan bersuara di era pentadbiran Datuk Seri Najib Razak lebih baik berbanding di bawah Tun Dr Mahathir Mohamad sebenarnya langsung tidak bersandarkan fakta atau rujukan.

Malah Pengarah Komunikasi Keadilan Fahmi Fadzil menyifatkan ia sebagai kenyataan terdesak menteri terbabit memandangkan Pakatan Harapan (PH) semakin kukuh dan bersiap sedia menghadapi pilihan raya umum (PRU).

"Dengan kata lain, ini hanyalah retorik

politik untuk menonjolkan kesetiaan Salleh terhadap bos beliau menjelang PRU14," kata Fahmi dalam satu kenyataan.

Fahmi turut merujuk Indeks Kebebasan Media Sedunia (World Press Freedom Index) terbitan Reporters Sans Frontier (RSF), sebuah NGO antarabangsa yang memantau tahap kebebasan media di Malaysia.

Menurutnya, bagi tahun 2003 Malaysia berada di kedudukan ke-104 dari 166 negara dengan skor 32.00 sedangkan pada 2016 berada di kedudukan 146 dari 180 negara dengan skor 46.57.

Pada tahun lepas, jelasnya Malaysia

berada di kedudukan 144 dari 180 negara dengan skor 46.89.

"Mana tidaknya, di bawah Najib begitu banyak media cetak dan online yang telah digantung atau diharamkan termasuk The Edge, Sarawak Report, The Malaysian Insider dan Asia Sentinel. Kebanyakan media ini ditekan kerana membuat laporan tentang penyelewengan wang dari 1MDB.

"Jika dibandingkan dulu dan sekarang, malah lebih-lebih lagi sejak Salleh menjadi Menteri Komunikasi dan Multimedia, berapa ramai rakyat biasa yang telah ditahan dan dihadapkan ke mahkamah hanya kerana

menulis komen atau mengkritik Najib di Facebook atau Twitter?

"Ini termasuklah pereka grafik Fahmi Reza, kartunis Zunar, bekas penerbit, peniaga, pemandu lori dan begitu ramai lagi," ujar beliau.

Fakta ini, katanya menunjukkan kebebasan bersuara rakyat Malaysia semakin parah kerana dihalang dari mengkritik pemimpin seperti perdana menteri.

Beliau turut menggesa Salleh agar mengurangkan aktiviti 'mengampuni' dan berusaha lebih gigih untuk memperbaiki dan mengukuhkan kebebasan bersuara dan kebebasan media di Malaysia.

Konvensyen PH bakal umum tawaran 'kerajaan menanti'

KUALA LUMPUR: Konvensyen Pakatan Harapan kali ke-2 yang akan berlangsung pada Januari 2018 akan datang bakal menerjemahkan komitmen bersama keempat-empat parti iaitu AMANAH, PKR, Bersatu dan DAP sebagai sebuah gabungan yang bersedia menggantikan pentadbiran negara.

Setiausaha Agung AMANAH, Mohd Anuar Tahir berkata, konvensyen yang bakal berlangsung di Shah Alam itu akan membuat beberapa pengumuman penting bukan sahaja sebagai persediaan menghadapi pilihan raya umum ke-14 (PRU14), malah juga tawaran sebagai 'kerajaan menanti'.

"Tentu sekali ia adalah konvensyen bagi menghadapi PRU14,

tetapi lebih mustahak daripada itu beberapa pengumuman besar akan dibuat khasnya tawaran kepada rakyat yang mencerminkan bahawa Pakatan Harapan adalah kerajaan menanti bagi menggantikan Umno BN," katanya.

Menurut Anuar, ini termasuk tawaran-tawaran besar yang bakal dilaksanakan sebaik sahaja



Mohd Anuar Tahir

Tentu sekali ia adalah konvensyen bagi menghadapi PRU14, tetapi lebih mustahak daripada itu beberapa pengumuman besar akan dibuat khasnya tawaran kepada rakyat yang mencerminkan bahawa Pakatan Harapan adalah kerajaan menanti bagi menggantikan Umno BN,"

Pakatan Harapan mengambil alih pentadbiran negara jika diberi mandat oleh rakyat.

"Konvensyen kali ini juga bakal melakar

sejarah dengan tawaran-tawaran kepada rakyat untuk kekal dengan regim sedia ada atau membuat perubahan politik ke arah sebuah negara yang lebih demokratik, i tambahannya sambil menyeru seluruh rakyat mengikuti perjalanan konvensyen itu nanti supaya dapat mengetahui tawaran-tawaran

yang diumumkan.

Konvensyen Pakatan Harapan yang dijadualkan pada 7 Januari 2018 itu berlangsung di Pusat Konvensyen Ideal (IDCC) Shah Alam bermula jam 9 pagi hingga 5 petang.

Kesemua pemimpin utama Pakatan Harapan termasuk pengerusinya Tun Dr Mahathir Mohamad, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, Mohamad Sabu, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Lim Guan Eng dijangka akan menyampaikan pidato masing-masing.

Selain pimpinan, konvensyen juga akan mendengar pidato daripada wakil masyarakat pelbagai latar belakang termasuk petani, bekas tentera, bekas penjawat awam, wakil Felda, wakil artis dan lain-lain lagi melalui Pentas Rakyat.

Agihan kerusi PH Selangor dimuktamad bulan ini

KUALA LUMPUR: Pengarah Komunikasi AMANAH, Khalid Samad memberitahu perbincangan berhubung agihan kerusi di Selangor dijangka dimuktamadkan pada akhir Januari ini.

Menjawab soalan penonton dalam slot Fokus yang disiarkan secara langsung di Oren TV, 27 Dis lalu, beliau berkata rundingan antara komponen Pakatan Harapan (PH) bagi menentukan calon bertanding kini melibatkan empat parti berbanding tiga sebelum ini.

"Masih lagi dalam proses (agihan kerusi). Dulu, kita mula tiga parti dalam Pakatan Rakyat. Sekarang ini dalam Pakatan Harapan, kita ada empat parti.

"Dulu agih kepada tiga, sekarang nak agih antara empat. Ia akan selesai sebelum akhir Januari," katanya.

Walau bagaimanapun, Ahli Parlimen Shah Alam itu berkata, rundingan tersebut perlu berjalan dengan pendekatan hormat-menghormati tanpa memperlekeh mana-mana parti.

Sehubungan itu, Khalid berkata, parti mana yang memperolehi banyak kerusi ditandingi pada pilihan raya umum lalu harus bertolak ansur meskipun mengakui hal itu bukan mudah dilakukan.

Beliau turut berkongsi pengalaman berhubung agihan kerusi antara parti pembangkang sewaktu berada dalam Pas ketika Keadilan baharu sahaja ditubuhkan.

"Mana dapat banyak kerusi yang ditandingi, dia kena serah (kerusi). Nak serah itu bukan satu yang mudah. Mula-mula waktu PKR (Keadilan) baru ditubuhkan, Pas pun



Khalid Samad

tidak mahu serah kepada PKR. Parti barulah, ahli baru, petugas tiada.

"Tetapi hasil perbincangan, perbincangan dalam kalangan pimpinan Pas dan saya juga ketika itu terlibat memang kita yakinkan kena serahkan kepada PKR.

"Banyak kerusi yang kita serahkan kepada PKR dan Dr Hatta (Ramlil) yang salah seorang pemimpin terlibat ketika itu dikutuk oleh sebahagian ustaz-ustaz muda sebagai pengkhianat Pas," dedahnya.

Tanpa menyebutkan nama pemimpin Pas yang sanggup mengerat jari sendiri jika Selangor dimenangi parti pembangkang, Khalid berkata, kesepakatan rundingan ketika itu terbukti membawa kejayaan.

"Pemimpin-pemimpin Pas kata kerusi-kerusi ini dipinjamkan kepada PKR tetapi kami yang sekarang ini semua berada dalam AMANAH kata, kita serah kepada PKR.

"Jangan kita tamak. Kita ada kekuatan di kawasan tertentu. Kawasan-kawasan lain kita serah

kepada PKR.

"Terbukti dengan kerjasama itu, kita boleh menang. Lalu, kita kena ada satu kejujuran dalam soal agihan kerusi. Kita tahu kita ada kekuatan. Jangan kita macam Pas anggap kita kuat di semua tempat," ujarnya.

Menegaskan kembali pentingnya semangat saling membantu dalam membincangkan agihan kerusi di Selangor, beliau menyifatkan AMANAH, Keadilan, PPBM dan DAP saling melengkapi.

"Kita perlu saling bantu-membantu. Setiap satu parti itu penting, ada kekuatan di mana kalau kita gembeleng (Pakatan Harapan) boleh menang.

"Hal ini ambil masa lagi untuk kita bincang dan percaya satu sama lain," tambah Khalid lagi.



Azam tahun baru 2018: Turun Najib, hancur Umno

Turun turun Najib Razak menjadi tema perhimpunan sambutan tahun baru 2018 di ibu kota.

Oleh **ARIF ATAN**
foto **MOHD SYAFIK**

Perhimpunan 'Turun Minyak Turun Najib' di ibu negara menjelang tahun baru 2018 menyaksikan peserta berazam untuk menjatuhkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak pada Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14).

Protes bertemakan warna putih itu menuntut supaya kerajaan mengembalikan subsidi minyak serta menetapkan harga siling petrol RON95 dan diesel masing-masing pada harga RM1.90 dan RM1.80 seliter.

Laungan 'Turun Najib, Hancur Umno' kedengaran sepanjang perarakan yang bermula jam 11 malam dari kompleks beli-belah Sogo di Jalan Tuanku Abdul Rahman menuju ke Dataran Merdeka.

Ketua Pemuda Pakatan Harapan, Nik Nazmi Nik Ahmad merangkap Ketua Angkatan Muda Keadilan (AMK); bekas ahli Bersatu, Datuk Seri Khairuddin Abu Hassan serta kumpulan aktivis Otai Reformis 1998 antara mereka yang berada di barisan depan perarakan.

Walau bagaimanapun, himpunan dihadiri kira-kira 1,000 peserta yang turut melaungkan 'Mansuh GST, Turun minyak' itu disekat oleh pihak polis daripada memasuki Dataran Merdeka.

Polis juga sebelum itu melarang peserta protes yang terdiri daripada penyokong Pakatan Harapan daripada menggunakan

pembesar suara dan kompaung selain mengingatkan supaya tidak mengganggu trafik.

Kira-kira 11.45 malam, seorang pegawai polis mengarahkan peserta protes yang juga membawa sepanduk berupa wajah mirip Najib itu supaya meninggalkan lokasi himpunan dalam tempoh 15 minit.

Sepanduk hitam putih dengan imej panahan kilat berwarna merah itu tertera ungkapan 'Koruptor Musuh Negara' dengan mata kiri bertutup berlambangkan lanun.

Namun, sebahagian peserta termasuk mewakili NGO dan mahasiswa masih tidak berganjak menantikan acara pertunjukan bunga api di Dataran Merdeka.

Sementara itu, seorang peserta yang turut membawa anaknya berusia 4 tahun memberitahu, beliau awal-awal lagi diarahkan anggota polis supaya segera meninggalkan lokasi himpunan.

"Encik, elok balik dulu. Ada orang buat kacau," katanya mengulangi kembali arahan anggota berkuasa tersebut.

Pihak polis memberitahu pemberita, mereka akan menyasat pihak penganjur atas alasan melanggar syarat-syarat dalam Akta Perhimpunan Aman 2012.

Perhimpunan 'Turun Turun' di ambang tahun baharu itu susulan daripada aksi protes Pemuda Pakatan Harapan berkampung di perkarangan Parlimen selama 42 jam mulai 23 November 2016.



Peserta perhimpunan yang berhimpun menjelang sambutan tahun baru 2018.



Ucapan anak muda yang penuh semangat mahukan perubahan kerajaan di tahun 2018.

PM sementara atau kekal bukan isu dalam Perlembagaan

Oleh KANUN

Datuk Takiyudin Hassan, Setiausaha Agung Pas yang juga Ahli Parlimen Kota Bharu melalui satu kenyataan rasmi bertarikh 29 Disember 2017 menyatakan bahawa Perdana Menteri 'Sementara' bukan amalan sihat.

Pas berpandangan bahawa perlantikan seorang Perdana Menteri akan dibuat menurut Perkara 43 dan Perkara 40 Perlembagaan Persekutuan.

Perkara 43(1) Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa "(1) Yang di-Pertuan Agong hendaklah melantik suatu Jemaah Menteri untuk menasihatinya dalam: penjalanan fungsinya.

Perkara 43 (2) pula menyatakan, "Jemaah Menteri hendaklah dilantik seperti yang berikut, iaitu: (a) Yang di-Pertuan Agong hendaklah terlebih dahulu melantik sebagai Perdana Menteri untuk mem-pengerusikan Jemaah Menteri seorang ahli Dewan Rakyat yang pada hematnya mungkin mendapat kepercayaan majoriti ahli Dewan Rakyat itu."

Perkara 40(2)(a) Perlembagaan Persekutuan pula menyatakan, "Yang di-Pertuan Agong boleh bertindak menurut budi bicaranya pada melaksanakan fungsi melantik seorang Perdana Menteri."

Kedua-dua peruntukan Perlembagaan itu memang benar berkaitan dengan perlantikan seorang Perdana Menteri tetapi telah silap ditafsirkan oleh Pas.

Pas mengatakan "Adalah menjadi amalan di Malaysia Perdana Menteri akan dilantik dari kalangan pemimpin parti yang mendapat majoriti kerusi di Parlimen. Namun demikian, sekiranya berlaku suatu keadaan selepas sesuatu PRU di mana tidak ada satu parti yang memperolehi majoriti ataupun bilangan kerusi yang diperolehi masih gagal membentuk kerajaan, Pas berpandangan pada masa tersebut Yang DiPertuan Agong akan menggunakan prerogatif baginda untuk memilih sama ada dari parti majoriti mahupun minoriti untuk dilantik sebagai Perdana Menteri."

Inilah persoalan pertama yang perlu dijawab bahawa YDPA sebenarnya tidak bebas secara mutlak untuk melantik seorang Perdana Menteri sesiapa yang disukainya. YDPA hanya boleh melantik seorang Perdana Menteri yang pada hematnya mungkin mendapat kepercayaan majoriti ahli Dewan Rakyat itu.

Pas telah tersasar apabila menggunakan per-

kataan 'prerogatif' seolah-olah YDPA bebas memilih mana-mana ahli Dewan Rakyat untuk menjadi Perdana Menteri tanpa memper-timbangkan siapakah yang dapat kepercayaan majoriti ahli Dewan Rakyat untuk mengepalai pentadbiran eksekutif di Malaysia.

Mungkin Pas lupa apa yang telah berlaku selepas pilihan raya umum 2009 di Perak apabila Paduka Tuanku Sultan Perak telah memilih Datuk Seri Nizar Jamaludin daripada Pas sebagai Menteri Besar Perak apabila beliau telah mendapat kepercayaan oleh majoriti ahli DUN padahal Pas pada ketika itu mempunyai kerusi DUN paling sedikit berbanding dengan PKR dan DAP. Begitu juga, selepas Datuk Seri Nizar ditumbangkan dengan kejadian lompat parti 3 ADUN, Paduka Tuanku Sultan Perak telah memanggil dan mendapatkan pengesahan tiap-tiap ADUN sebelum melantik Datuk Seri Zambry sebagai Menteri Besar bagi tujuan memastikan bahawa beliau mendapat kepercayaan majoriti ahli DUN.

Walau pun hal ini telah menjadi pertikaian yang panjang, akhirnya Mahkamah Persekutuan telah membuat keputusan bahawa tindakan Paduka Tuanku Sultan Perak itu adalah menepati peruntukan Perlembagaan. Oleh itu, berdasarkan prinsip yang diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan itu ianya akan menjadi prinsip yang mengikat (*binding precedent*) bagi kes-kes terkemudian.

Oleh itu, dalam hal keadaan wujud majoriti ahli Dewan daripada sesuatu parti masih belum menjamin bahawa ahli Dewan daripada parti itu yang akan dipilih oleh YDPA untuk menjadi Perdana Menteri. Dalam kata lain, ujian yang dilakukan sama ada seseorang itu akan menjadi Perdana Menteri atau tidak bukanlah dengan melihat ahli parti mana yang lebih ramai dalam Dewan tetapi apa yang dilihat adalah sokongan setiap individu yang menjadi ahli Dewan. Justeru, apa yang dikatakan oleh Pas itu adalah agak kurang tepat dan perlu diperbetulkan.

Persoalan kedua yang ditimbulkan oleh Pas adalah bahawa "Perdana Menteri 'locum' bukanlah amalan yang baik dan tidak mencerminkan Kerajaan yang dipimpinnya sebuah kerajaan yang stabil dan kuat."

Persoalan kedua ini membawa Pas lebih jauh tersasar daripada pemahaman sebenar kepada Perlembagaan dan politik. Hakikat yang perlu diterima



adalah bahawa Perlembagaan tidak pernah pun menyebut istilah Perdana Menteri 'locum' (sementara) atau tidak. Malah tidak juga disebutkan istilah Perdana Menteri 'kekal'. Perlem-

bagaan hanya menyebut bahawa 'Perdana Menteri' itu akan dilantik daripada ahli Dewan Rakyat yang akan mendapat kepercayaan majoriti ahli-ahlinya.

Isu ini timbul kerana Pas menentang usaha sebahagian pimpinan Pakatan Harapan untuk menamakan Tun Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri selepas PRU 14 kelak. Tun Mahathir dijangka akan dilantik sebagai Perdana Menteri interim kerana Datuk Seri Anwar Ibrahim masih belum layak untuk bertanding sebagai ahli Dewan Rakyat kerana telah dipenjarakan.

Tun Mahathir pun tidak menjangka bahawa dalam usianya yang sudah mencecah 92 tahun akan menjawat jawatan Perdana Menteri ini lebih daripada satu penggal. Rasional sebahagian pimpinan untuk memilih Tun Mahathir sebagai Perdana Menteri adalah kerana beliau adalah satu-satunya calon yang pernah memegang jawatan Perdana Menteri. Bayangkan jika kerajaan BN yang ada ini jatuh dan kalah PRU 14 kelak, maka pasti berlaku kekalutan dan orang yang paling berpengalaman dalam pemerintahan Malaysia serta masih mendapat kepercayaan sebahagian besar pengundi serta kakitangan kerajaan adalah Tun Mahathir. Masih ramai yang menghormati kewibawaan Tun Mahathir sebagai Perdana Menteri dan kejayaannya menaikkan nama Malaysia di persada dunia.

Maka jika Tun Mahathir menjawat jawatan Perdana Menteri meskipun untuk suatu tempoh yang singkat tidaklah bercanggah dengan mana-mana peruntukan Perlembagaan. Malah tiada suatu peruntukan Perlembagaan pun yang boleh menghalang seseorang Perdana Menteri untuk meletakkan jawatannya.

Jadi, penamaan Tun Mahathir sebagai calon Perdana Menteri Pakatan Harapan adalah strategi politik yang tidak kena-mengena langsung dengan apa yang termaktub dalam Perlembagaan berkaitan pemilihan seorang Perdana Menteri. Tidak

kiralah sama ada Tun Mahathir itu akan menjadi Perdana Menteri interim atau kekal ianya tidak bercanggah dengan Perlembagaan.

Mungkin Pas terlupa bahawa Tun Abdullah Ahmad Badawi telah mengangkat sumpah untuk penggal kedua sebagai Perdana Menteri pada 10 Mac 2008 dan kemudiannya telah menghantar surat perletakan jawatan kepada YDPA pada 2 April 2009 dan Datuk Sri Najib Tun Razak telah mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri keesokan harinya.

Bukankah Tun Abdullah juga hanya menjadi Perdana Menteri 'locum' untuk penggal kedua pemerintahannya? Mengapakah Pas tidak pula mencemuh kerajaan BN pada masa itu sebagai "kerajaan Perdana Menteri 'locum' yang bukanlah amalan yang baik dan tidak mencerminkan Kerajaan yang di'pimpin'nya sebuah Kerajaan yang stabil dan kuat?"

Bukankah Datuk Sri Najib terus kekal menjadi Perdana Menteri sehingga hampir 10 tahun? Bahkan Pas sekarang ini bukan main lagi memuji dan memuja Datuk Sri Najib atas alasan matang dan sejahtera. Tidak nampak langsung usaha PAS untuk menjatuhkan kerajaan Datuk Sri Najib ini? Apa yang dilihat rakyat adalah PAS telah memberikan tongkat sakti kepada Datuk Sri Najib untuk terus berkuasa dengan hasrat Pas untuk bertanding tiga penjur di lebih 100 kerusi Parlimen.

Justeru, bagi Pakatan Harapan usah khuatir dengan khayalan Pas ini dan tumpukan usaha kalian untuk menjatuhkan pemerintahan BN yang telah banyak menyusahkan rakyat. Pas hanya menjadi tongkat bagi BN bersandar pada PRU 14 nanti!

Surat Mahfuz untuk Pas

Dato' Hj Mahfuz Hj Omar
No 11 Taman Al Walid Jalan Langgar
05460 Alor Setar, Kedah

Yb Dato' Takiyuddin Haji Hassan
Setiausaha Agung Parti Islam Semalaysia
No 318A, Jalan Raja Laut
50350 Kuala Lumpur. 31 Dis 2017

Assalamualaikum Wrt. Wbt,

Tuan,
Per: PEMBERHENTIAN MENGANGGOTAI PARTI ISLAM SeMALAYSIA (PAS)

Merujuk perkara diatas, saya Mahfuz Bin Omar nombor kad pengenalan 570825-02-6067 dan ahli Pas yang bernombor 0166398 (ahli bagi Pas Ka-

wasan Pokok Sena) dengan ini memaklumkan untuk tindakan pihak tuan, berasaskan kepada peruntukan Perlembagaan Pas Fasal 15 (2) dengan ini berhenti dari menganggotai Pas berkuatkuasa jam 11.59 malam hari ini 31 Desember 2017.

Pemberhentian saya sebagai ahli Pas yang saya sertai selama 34 tahun sejak 12 Mac 1984 adalah ekoran dari tindak tanduk tidak sihat kepimpinan tertinggi Pas dalam menguruskan hal hal yang berkaitan dengan perjuangan Islam. Antaranya pengurusan RUU 355 yang dinyatakan oleh Pas sebagai nyawa Pas tetapi akhirnya dilihat memperlakukan RUU 355 untuk kepentingan politik semata-mata. Sikap berkecuali Pas dalam isu Bajet beberapa tahun mutakhir ini dan yang terakhir pendirian berkecuali Pas di Parlimen dalam pengundian Bajet 2018 dilihat sebagai satu pengkhianatan pada kesusahan, kesengsaraan dan penderitaan rakyat dari bajet yang mencekek kehidupan rakyat. Begitu

juga pendirian Pas yang hanya menyasarkan untuk menang 40 kerusi Parlimen sahaja pada pru14 nanti adalah menunjukkan ketidaksediaan Pas untuk mengambil alih urusan pemerintahan negara dari pemerintah klaptokrat Umno Bn.

Sedangkan rata rata ahli Pas di akar umbi mahukan peralihan kuasa pemerintahan berlaku pada pru14 akan datang untuk keluar dari beban kos sara hidup dan menyelamatkan negara dari klaptokrat Umno Bn yang menjadi sebahagian dari tuntutan Islam. Kini Pas sedang bertindak memencilkan diri dari rakyat terbanyak dalam mendepani arus perdana politik negara yang tak perlu saya huraikan satu persatu disini.

Saya mengucapkan jutaan terima kasih atas segala pengalaman dan tunjuk ajar sepanjang saya berada dalam organisasi Pas. Saya juga memohon

jutaan kemaafan dan keampunan atas segala kesilapan serta kekurangan sumbangan dan pengorbanan yang saya berikan sepanjang menjadi ahli Pas. Moga Allah SWT akan meneguhkan lagi Istiqamah saya bersama Islam walaupun selepas berhenti dari menjadi ahli Pas dan didoakan ikatan silaturrahim persahabatan dan ukhwh Islamiah sesama kita kekal teguh walaupun saya tidak lagi menjadi ahli Pas.

Sekian, Terima Kasih.
Yang Benar,

SPR perkukuh politik berasas kaum

KUALA LUMPUR: Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dilihat sengaja memperkukuh politik berasaskan kaum melalui proses persempadanan semula kawasan pilihan raya yang sedang dilaksanakan sekarang demi manfaat BN.

Ketua Sekretariat Pakatan Harapan (PH) Datuk Saifuddin Abdullah berkata, SPR cenderung menambah kawasan pengundi yang dikuasai satu-satu kaum pada ketika perlunya negara ini membangunkan pendekatan politik moderat dan menolak politik ekstrem.

"Malangnya persempadanan semula

yang sedang dijalankan SPR tidak membanayakan kawasan-kawasan yang pengundi-pengundinya bercampur kaum.

"Tetapi sebaliknya, memperbanyakkan kawasan-kawasan yang pengundi dominan satu kaum. Hakikatnya SPR memperkukuh politik ras," ujarnya dalam rencana disiarkan Sinar Harian, 1 Jan lalu.

SPR melaksanakan Kajian Semula Persempadanan bagi kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (Dun) bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu dan Sabah bermula 15 September 2016.

Setiausaha SPR Datuk Abdul Ghani Salleh

sebelum ini berkata, langkah itu dilakukan menurut Fasal (2) Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan dan pindaan kepada Fasal (2) Perkara 14 Perlembagaan Negeri Sabah yang diwartakan pada 18 Ogos 2016.

Mengulas lanjut, Saifuddin berkata, politik ekstrem yang sedang meningkat seperti isu dobi untuk muslim sahaja dan muslim dilarang mengundi calon bukan muslim berkaitan dengan putaran kebencian yang kemudiannya diperalat untuk mempengaruhi pengundi.

"Rakyat telah pun merasai impak negatifnya. Justeru kita memerlukan naratif politik

yang lebih baik. Naratif yang melambangkan sejarah, budaya, aspirasi dan semangat Malaysia," tegasnya.

Sehubungan itu, Pengarah Strategik dan Pembangunan Masyarakat, Institut Darul Ehsan itu berkata, pihaknya sedang membangunkan dwi-projek iaitu 'Fiqh Hidup Bersama dengan Ama'i yang berkaitan kaedah berinteraksi dan bekerjasama dengan 'orang lain' dan masyarakat majmuk.

Satu lagi dikenali sebagai 'Pemikiran Politik Berbilang Kaum dan Moderat' yang penting bagi menamatkan politik ras iaitu model konsosiasionalisme yang diamalkan kini.

Agensi keselamatan perlu berkecuali, pesan Patriot

KUALA LUMPUR: Persatuan Patriot Kebangsaan (Patriot) menyeru semua agensi keselamatan, pertahanan dan perisikan negara khususnya tentera dan polis supaya bersikap berkecuali dan profesional dalam menangani apa-apa kemungkinan sebelum dan pasca tempoh pilihan raya umum ke-14 (PRU14).

"Patriot ingin menyatakan keprihatinan kami dan mengambil pandangan berhati-hati tentang apa yang mungkin berlaku kepada negara, sebelum dan pasca tempoh PRU.

"Peranan utama agensi-agensi negara seperti yang disebut adalah untuk melindungi dan memper-

tahankan negara dan rakyatnya. Ia bukan untuk melindungi dan mempertahankan mana-mana parti politik," kata presidennya, Brig General(B) Datuk Mohamed Arshad Raji dalam satu kenyataan, baru-baru ini.

Menurut beliau, PRU14 yang dijadualkan berlangsung pada suku pertama 2018 akan menyaksikan pertembungan sengit di antara BN dan Pakatan Harapan (PH).

"Keadaan semasa negara hari ini, khususnya berhubung kenaikan kos sara hidup, nilai ringgit yang melemah berbanding mata wang serantau, kehilangan pekerjaan dalam sektor swasta dan lain-lain cabaran ekonomi dan so-

sial telah memberi tekanan besar kepada rakyat.

"Kini ia terserah kepada kerajaan untuk mencari jalan dan cara pemulihan untuk mengatasi tekanan ekonomi dan sosial yang dihadapi rakyat.

"Kegagalan untuk membendung masalah ini akan mengakibatkan malapetaka dalam keputusan pilihan raya buat koalisi (coalition) pemerintah dalam PRU yang akan datang," kata beliau.

Arshad menambah, skandal 1MDB yang telah menghantui negara sekian lama, masih belum menemui jalan penyelesaian dan mereka yang terlibat masih berada dalam mod penafian (denial

mode) sejak skandal itu muncul buat pertama kali.

"Rakyat amat prihatin terhadap masa depan ekonomi yang tidak menentu. Masalah ini dan ketidakpastian tentang masa depan yang dibebani oleh skandal 1MDB yang tidak diurus secara telus dan hutang besar yang masih belum dibayar. Kami tidak mahu negara kita menjadi seperti Greece atau Cyprus," katanya.

Tambah beliau, tuduhan 'gerry mandering' terhadap Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dan peningkatan mendadak jumlah pengundi pos, dilihat memihak kepada parti pemerintah.

"Dakwaannya sedemikian sekali-kali

tidak menyenangkan parti-parti politik yang bertanding. Hal ini boleh menyebabkan ketidakpuasan hati rakyat yang boleh menjurus kepada pergolakan politik dalam negara.

"Latihan yang dijalankan baru-baru ini oleh pasukan polis khas, kononnya satu latihan bertujuan mengantisipasi sebarang kemungkinan yang mungkin terjadi semasa PRU akan datang, telah menambah keraguan dalam fikiran rakyat bahawa sesuatu yang tidak diinginkan mungkin berlaku. Latihan sedemikian tidak pernah dilaksanakan pada masa lalu," kata beliau.

Majlis fatwa sudah isytihar 'Amanat Hadi' sesat

KUALA LUMPUR: Majlis Fatwa Kebangsaan sudah melaksanakan tugasnya apabila mengisytiharkan 'Amanat Hadi' sebagai sesat, kata Mufti Perlis Datuk Mohd Asri Zainul Abidin.

Beliau percaya 'Amanat Hadi' memainkan peranan membawa kepada tragedi berdarah Peristiwa Memali 1985 dan menyebabkan perpecahan orang Islam di negara ini.

"Amanat itu nyata sekali mengisytiharkan perlembagaan negara ini sebagai kafir dan rakyat harus berjihad terhadap mana-mana orang yang berpegang pada Perlembagaan.

"Kandungan amanat itu, jika ia dilaksanakan, akan menjadi lebih berbahaya daripada kepercayaan pengikut Islam (IS) sekarang," katanya dipetik akhbar tempatan.

Komen Asri itu menyusuli ucapan Presiden PPBM Tun Dr Mahathir Mohamad 31 Dis lalu bahawa kega-

galan mufti menyangkal fatwa ekstrem yang dikeluarkan Abdul Hadi membawa kepada tragedi Memali di Kedah.

Dalam tragedi itu, 4 anggota polis dan 13 penyokong seorang guru agama yang rapat dengan PAS, Ibrahim Mahmud, terkorban dalam operasi untuk menahannya di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, selepas beliau dituduh menyebarkan ajaran sesat.

Bekas perdana menteri itu berkata jika mufti mencabar dan menangkis 'fatwa' politik itu, tragedi berdarah itu boleh dielakkan.

Abdul Hadi dalam ucapannya itu mendakwa Pas menentang Umno kerana ia mengekalkan perlembagaan penjajah, undang-undang kafir dan peraturan jahiliah.

Amanat itu dituduh sebagai punca orang Melayu berpecah sehingga menyebabkan tuduhan kafir-mengkafir, solat dua imam dan pemulauan aktiviti masyarakat.

Datuk Mohd Asri



Tidak mustahil daftar pemilih 'dikitar semula'

SHAH ALAM: Bekas Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Tan Sri Abdul Rashid Abdul Rahman yakin daftar pemilih tahun 1994 dan 2004 yang didakwa telah dilupuskan 'dikitar semula' bagi memastikan kemenangan BN dalam pilihan raya umum (PRU) akan datang.

Sehubungan itu beliau menolak dakwaan bahawa daftar pemilih itu telah dihapuskan.

"Saya adalah pengerusi SPR dahulu, saya tidak pernah lakukan (memadamkan data pemilih)," ujarnya ketika menggulung perbahasan pada mesyuarat agung pertama PPBM, 30 Dis lalu.

Rashid yang kini Naib Presiden PPBM menerajui SPR dari 2000 hingga 2008 dan pernah dilantik Setiausaha SPR dari 1979 hingga 1995.

Sehubungan itu, beliau menyarankan Pakatan Harapan (PH) menerima cadangan Presiden PPBM Tan Sri Muhyiddin Yassin untuk mendesak kerajaan membenarkan pemerhati daripada agensi Pertubuhan Bangsa Bersatu (PPB) dan Sekretariat Koman-

wel memantau PRU akan datang.

Beliau juga menyarankan agar peti undi pos tidak lagi disimpan di markas tentera atau di lokap balai polis sehingga tempoh pengiraan undi sebagaimana kebiasaan dilakukan SPR.

"Tidak ada satu peti undi awal (undi pos) wajar disimpan di markas tentera dan di lokap balai kerana ia tidak dijamin selamat kerana peti undi itu boleh ditukar," tegasnya.

Beliau mencadangkan peti undi pos disimpan di dewan-dewan daerah di seluruh negara dan boleh dikawal wakil parti-parti yang bertanding.

Mahkamah Rayuan pada 20 Julai lalu, membenarkan rayuan SPR untuk tidak perlu memberikan kod lokaliti dan nama 136,272 pengundi dalam persempadanan semula 1994 dan 2003 kepada kerajaan negeri.

Peguam kerajaan, Amarjeet Singh memberitahu hakim bahawa data SPR yang diminta kerajaan negeri itu sudah dilupuskan kerana jabatan kerajaan tidak menyimpan rekod selepas 7 tahun.

TAWARAN ISTIMEWA

& 2018

PROMOSI

EZKEMBARA
NO. KPK/LN : 6814

**PELBAGAI
DESTINASI
MENARIK!**

SEOUL

TARIKH	HARGA(RM)	
	DEWASA	KANAK ²
NOVEMBER 09 - 13 NOV 2017	3,150	2,840
APRIL 13 - 22 APR 2018	3,150	2,840
FEB 01 - 05 FEB 2017 08 - 12 FEB 2017	2,990	2,680

TURKI

TARIKH	HARGA(RM)	
	DEWASA	KANAK ²
NOVEMBER 30 NOV - 9 DIS 2017	4,199	-
WINTER 07 - 16 FEB 2018 NOVEMBER DISEMBER	4,199	-
SPRING 13 - 22 APRIL 2018	3,999	-
SUMMER 21 - 30 JUN 2018	4,100	-
AUTUMN OCTOBER	4,100	-

PAKEJ JUMRAH

**PAKEJ
ZAAFARAN**

TARIKH	HARGA(RM)		HOTEL MEKAH	HOTEL MADINAH
	DEWASA	KANAK ²		
NOVEMBER 29 - 10 DIS 2017	7,950	7,650	MEKAH SAFWA TOWER (SETARAF) 50-10M	MADINAH CONCORDE HOTEL (SETARAF) 150M
FEBRUARI 14 - 25 FEB 2018	7,550	7,250		
MAC 14 - 25 MAC 2018	7,750	7,250		

**PAKEJ
RUMMAN**

TARIKH	HARGA(RM)		HOTEL MEKAH	HOTEL MADINAH
	DEWASA	KANAK ²		
DISEMBER 13 - 24 DIS 2017	7,150	6,800	MEKAH MALAK AT-TAQWA (SETARAF) 200-300M	MADINAH CONCORDE HOTEL (SETARAF) 150M
JANUARI 17 - 28 JAN 2018	6,890	6,590		
FEBRUARI 01 - 12 FEB 2018	6,890	6,590		
MAC 01 - 12 MAC 2018	6,890	6,590		
APRIL 04 - 15 APRIL 2018	6,890	6,590		

**PAKEJ
TAMAR**

TARIKH	HARGA(RM)		HOTEL MEKAH	HOTEL MADINAH
	DEWASA	KANAK ²		
DISEMBER 18 - 28 DIS 2017	6,790	6,490	MEKAH LU'LU'AT (SETARAF) 200-300M	MADINAH CONCORDE (SETARAF) 150M
APRIL 18 - 29 APRIL 2018	5,890	5,590		

Meniti cabaran memperkukuh Pakatan Harapan

“ PH punya tanggung ke pimpinan berpaksikan "dua tokoh legenda negarawan" yang mahu 'menyempurnakan tugas bertanggung' mereka, yang kini dirosakkan oleh sebuah kerajaan kleptokrat yang menjahanamkan khazanah kekayaan negara dan membebankan rakyat dengan cukai song-sang lalu memiskin rakyat teramai.”

SAYA kerap ditanya bolehkah Pakatan Harapan (PH) menang dan membentuk sebuah Kerajaan PH selepas pilihan raya umum ke-14 (PRU14) nanti.

Sebagai Pengarah Strategi parti dan ahli kumpulan pemikir yang melakar pelan strategi Pemukiman PH bulan lalu, ulasan saya tentunya dinanti-nanti. Kalau selama ini, saya mengelak, kali ini saya sendiri yang rasa terpanggil untuk berkongsi.

Ya, untuk memastikan kemenangan berpihak kepada PH, satu pelan strategi telah dirangka. Mustahak untuk pelan itu kemudiannya dilaksanakan secara berkesan oleh semua peringkat jentera PH terutama pimpinan tertinggi parti dalam koalisi PH. Gagal melaksana rancangan dengan berkesan adalah faktor kekalahan yang lazim ditemui dalam post-mortem.

Sememang potensi kemenangan adalah besar. Itu diakui umum. Tahap sokongan kerajaan Najib pernah merudum serendah 23% mengikut Merdeka Centre pada tahun 2015. Hanya 31% kaum Melayu yang berpuashati dengan kerajaan Najib pada ketika itu. Lambakan isu termasuk terpenting adalah kos sara hidup, pengangguran, rasuah dan skandal kewangan dan derita hidup rakyat.

Namun kajian mutakhir mendapati tahap kedudukan 'penerimaan' (approval) Najib hari ini adalah lebih baik, dalam lingkungan 45-50% sokongan Melayu contohnya. Sikap Pas juga merumitkan pertandingan politik kali ini.

Menjawab soalan awal tadi dengan lebih jelas dan tuntas lagi, saya boleh katakan sedemikian. Kalau 112 kerusi parlimen adalah 'majoriti mudah' yang perlu untuk 'menang', maka 'Pelan Strategi PH' telah pun mengenal pasti perkara tersebut.

Bahkan lebih dari 112 telah dijadikan 'sasaran' supaya lebih 'selesa'. Gred dan kategori kerusi-kerusi juga 'dirankingkan'. Saya tidak wajar mengulas dengan lebih teliti perihal kerusi. Hanya sedikit sahaja untuk saya butirkan bagi menyuntik 'excitement' atau 'ketegeraan' dalam PRU14 ini.

Dengan hanya 43 'kerusi selamat' BN di Sabah dan Sarawak, dan 53 'kerusi selamat' dari 119 kerusi majoriti Melayu di Semenanjung dan 4 kerusi campuran, Najib hanya ada 100 kerusi sahaja yang beliau agak selesa dan selamat.

PH pula mempunyai 50 'kerusi campuran yang selamat' di Semenanjung, 9 di Sabah dan Sarawak dan berpotensi menawan 47 kerusi dari 119 kerusi Melayu di atas. Ini menjadikan jumlah besar kerusi potensi PH ialah 106. Ini lebih menghampiri angka ajaib 112, berbanding 100 kerusi Najib yang ada dalam 'genggaman' Najib.

Seperkara lagi, ada 'pundit politik' atau penganalisis yang meramalkan suasana 'hung parliamen' atau 'keputusan parlimen terikat' yang akan mencetuskan semacam 'kegawatan' atau krisis juga. Itu mungkin saya bahaskan dalam penulisan yang lain.

Yang lebih penting dalam penulisan ini seterusnya adalah, 'Apakah yang akan menggagalkan PH'? Ini yang menjadi teras atau fokus penulisan ini.

Dua faktor penting

Untuk penulisan ini saya utarakan dua faktor kritikal. Pernah kedua-dua saya sebut dahulu. Kali ini saya ingin butirkan dengan lebih terperinci.

Pertama faktor 'Persempadanan Semula'. Kedua 'Keutuhan Koalisi PH'. Sementara faktor pertama adalah diluar lingkungan kuasa dan pengaruh PH untuk tentukan, faktor kedua adalah dalam keupayaan dan daerah pengaruh PH untuk memastikan.

Telah saya tuliskan dalam kolom lalu, bahawa Najib tidak akan berani membubar Parlimen selagi tidak dibentang dan diluluskan cadangan persempadanan baru SPR di Dewan Rakyat dan Dewan Negara dan kemudian diwartakan.

Najib hampir pasti akan bentang dan luluskan dalam sesi Mac nanti. Nah, seawal awal Mac dan selewat-lewatnya Ogos parlimen akan dibubarkan.

Yang lebih kritikal, hampir semua badan kajian politik termasuk Institut Darul Ehsan (IDE) berpandangan bahawa SPR telah

memberi 'advantage' yang besar dalam persempadanan baru ini dengan membuat helah 'gerrymandering'. Usaha ini akan memperkukuhkan posisi kerusi-kerusi Melayu.

Di Selangor, contohnya Umno-BN diramalkan atau dikatakan akan memenangi 20 kerusi negeri, menambah dari 12 sekarang ini. Kerusi-kerusi tersebut boleh juga disenaraikan. Persoalam besarnya, mampukah mereka lakukan?

Juga begitu, mampukah Pas kekalkan 13 kerusi mereka? Ataukah Pas akan kehilangan atau kalah semua kerusi kecuali satu (1)? Masakan Umno dapat bentuk kerajaan dengan Pas? Itulah beraneka tandatanya yang berlegar dalam fikiran rakyat.

Bayangkan kalauandainya berlaku 'tsunami rakyat' - Melayu, Cina dan India - gabungan 'tsunami 1999 dan 2013', maka 'persempadanan jahat' SPR tidak akan dapat menyelamatkan Najib dan kerajaan UBN.

Akhir sekali, komentar perihal faktor kritikal kejayaan (Critical Success Factor, CSF) 'Keutuhan Pakatan Harapan'. Pelan Strategi Kemenangan meletakkan ini sebagai 'teras strategi' paling utama dan kritikal. Bahkan seluruh strategi kemenangan tergantung kepada faktor ini.

Amat mustahak bagi PH untuk meyakinkan rakyat dan seluruh segmen pengundi bahawa PH adalah 'Kerajaan Menanti' yang 'viable' dan kredibel!

PH punya gandingan kepimpinan yang mantap, antara lama dan baru dan berpengalaman dan pelbagai latar-belakang politik, profesional dan juga dalam pentadbiran.

PH membawa naratif baru perjuangan yang segar "Membangun Semula Negara" dan "Mensejahterakan Rakyat" setelah dizalimi bebanan oleh kerajaan UBN yang boros, bolot dan bazir serta merompak dan mencuri wang rakyat.

Setelah dikenal pasti apa pun rencana dan pelan, berdasarkan maklumat dan penelitian, lalu diperaga kebolehan dan



ANALISIS

DR DZULKEFLY AHMAD

keupayaan PH untuk menawan Putrajaya dalam PRU-14 nanti, maka semua peringkat kepimpinan mesti patuh dan memperkuat kesepaduan PH.

Cadangan di luar kerangka

Lalu setelah rancangan untuk mengisytiharkan gandingan bakal Perdana Menteri dan Timbalan PM dibuat, jangan hendaknya ada pula cadangan-cadangan lain yang dibuat secara bersilang dan menyongang, walaupun dianggap munasabah.

Sama ada di segi urusan pengagihan kerusi; parlimen dan negeri, mahupun perihal calon PM dan TPM yang hampir diputuskan, membuat inisiatif baru atau melontar cadangan di luar kerangka yang diputuskan dalam muafakat PH mesti dielakkan. Musuh menanti ruang dan peluang. Musuh amat licik dan pantas.

Segala komunikasi dan cadangan alternatif yang terbit dari individu mahu pun kelompok atau mana mana parti tertentu, yang berpotensi mencetuskan suasana 'polemik, perbalahan dan kebrantakan' di kalangan ahli, pendukung dan akhir rakyat dan pengundi, mestilah di tanggap sebagai negatif dan ditangani segera.

Bahkan ia juga boleh diertikan sebagai tindakan 'subversif dan sabotaj' dan akhirnya sebagai sebahagian makar jahat lawan dan musuh politik PH. Pastinya ia akan melemahkan kesepaduan PH dan merobek keutuhan PH dikacamata rakyat dan pengundi yang mahu menyaksikan PH sebagai Pakatan yang utuh, padu dan wibawa.

Sementara pimpinan PH tidak punya kuasa dan pengaruh untuk menggagalkan persempadanan semula SPR, pimpinan PH bertanggungjawab sepenuhnya supaya tidak menjejaskan persepsi baik rakyat terhadap 'kerajaan menanti' ini.

Jangan sesiapa diizinkan bertindak di luar batasan dan kerangka disiplin serta semangat muafakat politik PH yang sama-sama kita bina, atas apa pun hujah dan alasan.

■ **Dr Dzulkefly Ahmad ialah Pengarah Strategi AMANAH.**

PPBM desak benarkan pemerhati bebas PRU14

Oleh DALIA ISMAIL

Foto MOHD SYAFIQ ISKANDAR

SHAH ALAM: Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) mendesak kerajaan membenarkan agensi Pertubuhan Bangsa Bersatu (PBB) dan Sekretariat Komenwel hadir ke Malaysia sebagai pemerhati pada pilihan raya umum ke-14 (PRU14) kelak.

Presidennya Tan Sri Muhyiddin Yassin dalam ucapannya pada Perhimpunan Agung PPBM berkata, langkah ini penting bagi mengelak penyelewengan dan penipuan yang mungkin berlaku sepanjang tempoh PRU diadakan.

"Kita mesti tolak politik kotor BN yang semakin kerap memainkan isu perkauman.

"Isu perkauman adalah modal terakhir untuk menakut-nakutkan pengundi supaya tidak mengundi Pakatan Harapan (PH)," ujarnya di hadapan 983 perwakilan membabitkan 157 bahagian pada perhimpunan agung PPBM kali pertama yang diadakan di IDCC Shah Alam, dekat sini, 30 Dis lalu.

Justeru, beliau mengingatkan rakyat agar tidak terus terperangkap dalam permainan politik kotor BN yang hanya menggunakan isu perkauman semata-mata

ta untuk menutup kelemahan mereka.

"Kita tidak sekali-kali menggunakan isu kaum dan agama semata-mata untuk meraih undi," ujarnya.

Majlis perasmian perhimpunan agung parti komponen PH itu turut dihadiri Presiden Keadilan Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, Presiden AMANAH Mohamad Sabu, Pengerusi DAP Tan Kok Wai, wakil badan-badan bukan kerajaan (NGO) serta para pemerhati.

Muhyiddin juga berkata, sudah tiba masanya PH memberitahu rakyat mengenai tawaran pakatan politik itu jika diberi mandat menerajui pentadbiran negara.

"Gagasan kita untuk wujudkan sebuah kerajaan yang lebih bersih, beramaniah dan berintegriti; reformasi institusi secara menyeluruh untuk menjalankan tadbir urus negara dengan adil dan demokratik; serta pembelaan terhadap hak asasi rakyat seperti dijamin Perlembagaan," ujarnya yang mahu rakyat membina gelombang untuk menumbangkan BN.

Muhyiddin turut berkata perjuangan partinya, berpegang kepada prinsip membela rakyat dan mempertahankan hak seluruh rakyat Malaysia.

"PPBM akan terus berpegang dengan



Tun Mahathir memukul tabuh tanda merasmikan perhimpunan agung PPBM sambil diiringi Muhyiddin dan Mukhriz.

prinsip membela dan memperjuangkan hak rakyat sebagaimana yang termaktub dalam Perlembagaan Malaysia.

"Kedudukan istimewa orang Melayu - dan anak negeri Sabah dan Sarawak serta hak yang sah untuk semua kaum akan dipertahankan.

"Begitu juga hak individu untuk mengamalkan agama masing-masing seperti

mana dijamin oleh Perlembagaan, " tegas beliau.

Pada mesyuarat agung itu, bekas Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang Datuk Seri Mohd Sharif Omar dipilih sebagai pengerusi tetap manakala timbalan pengerusi tetap disandang Datuk Azimi Daim.

PH kesan maklumat meragukan dalam daftar pemilih

TUN Dr Mahathir Mohamad mahu Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) memberikan penjelasan terhadap persempadanan kawasan pilihan raya dan daftar pemilih meragukan yang bakal digunakan dalam pilihan raya umum (PRU) akan datang.

Ketika menyampaikan ucapan sebelum merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) di IDCC Shah Alam, beliau berkata kajian dilakukan Pakatan Harapan (PH) mendapati senarai pengundi dalam PRU13 lalu telah dimanipulasi bagi digunakan untuk PRU akan datang.

Menurutnya, terdapat senarai pemilih yang tidak mempunyai alamat, alamat tanpa rumah, rumah tiada berpenghuni,

nama individu yang sama di seluruh negeri dan terdapat rumah yang diduduki dua atau tiga kaum berlainan pada satu masa.

"Nama (pemilih) yang popular 'Ismail' dan 'Fatimah' - sebanyak 804 Ismail bin Ibrahim; 763 Fatimah binti Abdullah; 670 Abdullah bin Ismail; 654 Ismail bin Ahmad; 608 Ismail bin Abdullah; 551 Ismail bin Awang.

"Fatimah binti Ismail terdapat 206 di Kedah, 230 (Kelantan) 104 (Pahang dan 360 di Terengganu.

"Sebuah rumah ada tiga kaum menetap di situ. Rumah tiada langsung tetapi di rumah yang tiada itu ada penghuni. Ada rumah tiada nama

jalan, mereka duduk 'atas angin'," ujar beliau.

Beliau memberi contoh sebuah rumah di Taman Melati, Nilai, Negeri Sembilan yang mempunyai 16 orang penghuni dengan dua orang Melayu, 13 orang India dan seorang Cina duduk serumah manakala sebuah rumah di Taman Kenangan dalam Dun yang sama diduduki dua Melayu dan 12 orang India.

"Oleh kerana itu sekarang ini, kita tidak boleh dapat senarai pengundi 2017 daripada SPR kerana mereka kata tidak ada fail (penyelewengan).

"Saya perlu dedahkan perkara ini, saya

nak tanya SPR kenapa ada senarai pengundi seperti ini?" soalnya yang mendapat tepukan gemuruh di kalangan 983 perwakilan.

Pengerusi PH itu juga membangkitkan peningkatan jumlah pemilih yang mendadak di kawasan parlimen Pekan yang bakal ditandingi Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak.

Pemilih di kawasan parlimen Pekan, katanya meningkat daripada 35,832 pengundi pada 1999 kepada 80,000 pengundi pada 2013.

Justeru beliau kluatir PRU14 akan hanya menjadi sandiwara semata-mata.

PPBM muktamad putuskan kerjasama dengan Pas

PARTI Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) secara rasmi mengumumkan keputusan menamatkan rundingan kerjasama dengan Pas.

Timbalan Presidennya Datuk Seri Mukhriz Mahathir dalam ucapan penggulungan pada mesyuarat agung pertama parti itu 30 Dis lalu berkata, keputusan itu diambil kerana kedua-dua belah pihak gagal mencapai kata sepakat disebabkan Pas menolak kerjasama dengan Pakatan Harapan

(PH).

"Sebagai pengerusi jawatankuasa rundingan kerusi, saya berpeluang berunding dengan pelbagai pihak termasuk Pas.

"Pemimpin tinggi Pas kebelakangan ini mesra Umno. Mereka menyatakan nak tanding 100 kerusi Parlimen dan berpuas hati jika menang 40 kerusi Parlimen. (Jumlah ini) tidak mampu tubuh kerajaan hanya nak jadi kuasa penentu apabila keputusan belah bagi

antara PH dan BN," jelas beliau.

Langkah politik ini, katanya menunjukkan kepimpinan Pas tidak berprinsip dan tidak mempunyai kekuatan moral untuk menolak kleptokrasi.

Beliau turut menyentuh pendirian pemimpin Pas yang tidak menyokong penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) bagi menyiasat skandal penjualan tanah milik Felda kerana menganggap isu itu mampu diselesaikan dengan mudah.

"Maka dengan itu PPBM buat keputusan untuk putus rundingan dengan Pas malah kita sanggup berhadapan tiga penjurong dengan Pas.

"Kita yakin usaha gigih kita tarik sokongan rakyat untuk menang majoriti undi akan memihak kepada PH," ujarnya.

Mukhriz juga berkata, rundingan pembahagian kerusi dengan parti komponen PH masih lagi berlangsung.

54 Parlimen, 92 Dun tidak selamat buat BN


KUALA LUMPUR: Presiden Persatuan Anak Peneroka Felda Kebangsaan (Anak) Mazlan Aliman yakin 54 kerusi parlimen dan 92 kawasan Dewan Undangan Negeri (Dun) di Felda tidak lagi menjadi 'kawasan selamat' untuk BN.

Malah beliau berkata, bekas Perdana Menteri yang kini Pengerusi PPBM Tun Dr Mahathir Mohamad berjaya menarik sokongan ribuan warga Felda.

"Kerjasama erat melalui badan petugas (taskforce) Anak-PPBM dengan aktiviti utama Jelajah Semarak Kasih Felda telah mendapat sambutan hebat masyarakat Felda.

"Insyallah kesedaran warga Felda khususnya generasi baru Felda, akan membuka ruang dan peluang pembentukan kerajaan baru yang telus dan beramanah," kata beliau.

Jelas Mazlan, pelan pemulihan 100 Felda yang digariskan 'task-



force' itu akan memberi keutamaan terhadap isu hutang dan pendapatan peneroka, rumah generasi baru Felda, dasar belia dan wanita, yang tentu sekali diharapkan dapat mengembalikan Felda ke landasan yang betul.

"Pemulihan Felda, FGV, KPF dan Yayasan Felda serta pembangunan sosio ekonomi; melalui kepakaran

anak anak peneroka sendiri, yang sedia berbakti, pastinya bakal memberi harapan baru yang dinanti-nantikan," katanya lagi.

Dalam kenyataan yang sama Mazlan mengucapkan tahniah dan syabas kepada PPBM atas kejayaan menganjurkan perhimpunan agung tahunan kali pertama pada 30 Dis lalu.

Calon PM: Anwar mahu pemimpin Keadilan berlapang dada

Oleh **HUSIN MAHAT**

KUALA LUMPUR: Penasihat Umum Keadilan Datuk Seri Anwar Ibrahim meminta para pemimpin parti itu berlapang dada dalam membincangkan isu calon perdana menteri dan mahu rundingan diadakan dengan semua pihak agar PH tidak dilihat terburu-buru dalam memilih bakal peneraju negara jika dipilih mentadbir Putrajaya.

Pengarah Komunikasi Keadilan dalam satu kenyataan berkata, pihaknya mengambil maklum laporan media yang memetik sumber berkaitan pandangan pemimpin parti itu terhadap cadangan Perdana Menteri PH.

"Bagi pihak pimpinan parti, saya ingin menegaskan bahawa PKR (Keadilan) hanya meminta ruang untuk membincang dan membina konsensus di dalam isu ini," katanya.

Menurut Fahmi, sebelum ini soal calon Perdana Menteri interim ada dibincang dan kini timbul cadangan nama Tun Dr Mahathir Mohamad untuk dipertimbangkan.

Ketua Umum PKR Datuk Seri Anwar Ibrahim sendiri meminta agar pimpinan berlapang dada serta berunding dengan semua

pihak termasuk NGO agar Pakatan Harapan tidak kelihatan terburu-buru.

Fahmi Fadzil berkata tindakan itu dapat membuktikan komitmen mereka kepada prinsip ketelusan.

"Isu utama di sini adalah mempertahankan agenda perubahan yang wajib berlaku dalam negara, bukan dengan hanya merubah Perdana Menteri sedia ada tetapi dengan reformasi menyeluruh," katanya.

Isu berhubung calon perdana menteri PH menjadi hangat apabila beberapa nama diketengahkan bagi jawatan itu oleh para pemimpin gabungan PH.

Walaupun Anwar dianggap sebagai calon popular, namun hukuman penjara dan halangan perundangan membatasi pencalonan beliau menyebabkan idea 'perdana menteri interim' ditimbulkan.

Presiden Pas Datuk Seri Abdul Hadi Awang menghangatkan suasana apabila mendakwa menamakan calon perdana menteri bertentangan dengan ajaran Islam.

Pandangan beliau bagaimanapun disanggah beberapa tokoh agama dan politik apatah lagi Pas sendiri pernah menamakan pemimpin veteran Umno Tengku Razaleigh Hamzah sebagai calon perdana menteri menjelang pilihan raya umum (PRU) ke-13.



Fahmi
Fadzil

Mengapa Shahril pendam setahun penjualan tanah Felda?

KUALA LUMPUR: Mengapa Pengerusi Felda Tan Sri Shahril Samad mengambil masa setahun untuk membuat laporan polis berhubung kehilangan hak milik tanah Felda di Jalan Semarak setelah mengetahuinya pada Jan 2017 dan memaklukkannya kepada Perdana Menteri bulan berikutnya, soal Ahli Parlimen Pokok Sena Datuk Mahfuz Omar. Malah skandal kehilangan tanah Felda itu berlaku pada 2014 tetapi hanya disedari ketika Shahril menggantikan Tan Sri Isa Samad pada Jan 2017.

Sehubungan itu, Mahfuz mempersoalkan ketelusan laporan kewangan Felda untuk tahun 2015 dan 2016 yang tidak memaklumkan tentang penjualan tanah tersebut.

"Adakah laporan kewangan tahun tersebut masih lagi mengandungi laporan milikan aset tanah dan bangunan Felda Jalan Semarak yang sudah pun kehilangan pemilikan daripada Felda selepas dijual kepada syarikat pemaju projek KLVC sejak tahun 2014 lagi?"

"Ini bermakna laporan tersebut tidak diaudit secara telus sehingga menyembunyikan kehilangan aset dan wang RM270

juta bagi kawasan berkeluasan 6.57 hektar di Jalan Semarak secara tipu," sambungnya.

Kata Mahfuz, laporan polis hanya dibuat pada 12 Dis tahun lalu dengan menamakan syarikat yang memegang surat kuasa wakil penuh ke atas tanah-tanah itu, namun nama bekas Pengerusi Felda Tan Sri Isa Samad tidak disebut dan apakah sebenarnya yang mahu disembunyikan daripada pengetahuan umum.

"Tan Sri Shahril dalam kenyataan beliau berkata kerajaan dan Felda cuba berusaha dalam tempoh tersebut untuk mengembalikan tanah tersebut dengan melakukan kaveat di pejabat tanah Wilayah Persekutuan.

"Kenyataan beliau itu seolah-olah kalau dapat semula tanah tersebut maka akan ditutup penyalahgunaan kuasa yang berlaku dalam penjualan tanah Felda tanpa bayaran sekupang pun kepada Felda.

"Sekarang tanah tersebut masih belum lagi dikembalikan kepada Felda. Rakyat sedang menanti bagaimana penghujung kisah tanah Felda Jalan Semarak dan apa yang pasti tanah tersebut bukan lagi milik Felda," ujar beliau.

Najib puji Hadi selepas Pas serang PH

PUTRAJAYA: Presiden Pakatan Harapan (PH) Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail yakin pujian Perdana Menteri terhadap Datuk Seri Abdul Hadi Awang adalah sebagai membalas serangan Pas terhadap PH, termasuk dalam cadangan melantik perdana menteri sementara.

"Sebab itu dia ada puji-pujian," kata Presiden Keadilan itu kepada pemberita di Istana Kehakiman, 2 Jan lalu.

Najib dalam perutusan tahun 2018 baru-baru ini menyelar pembangkang kerana tidak menjalankan tugas sebagai pembangkang.

Sebaliknya, beliau berkata Pas diterajui Abdul Hadi menunjukkan contoh politik yang baik untuk negara.

"Inilah politik lebih matang yang membina negara kita, bukan cuba merobohkannya; ia membantu menyatukan kita, bukan memecahkan kita; dan ia menumpukan kepada apa yang kita ada bersama, dan bukannya menjadikan kepelbagaian kita sebagai suatu kelemahan bagi kerajaan, kepelbagaian kita adalah kekuatan kita, dan kita tidak akan berhenti mempertahankannya," kata Najib.

Wan Azizah turut mempersoalkan kritikan Pas terhadap cadangan PH melantik perdana menteri sementara jika menang.

"Jadi Pas hendak mengekalkan perdana menteri sekarang, nampak gaya mereka cenderung BNlah," tambah beliau.

Setiausaha Agung PAS, Datuk Takiyuddin Hassan sebelum ini mendakwa sebarang cadangan melantik perdana menteri sementara oleh PH adalah tidak berperlembagaan.

Ia di sebalik spekulasi PH mahu menamakan Tun Dr Mahathir Mohamad dan Wan Azizah Wan Ismail sebagai perdana menteri dan timbalan perdana menteri sementara jika gabungan itu berjaya membentuk kerajaan pada pilihan raya umum akan datang.

Kerugian rizab asing besar berbanding forex

KUALA LUMPUR: Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad menolak penjelasan Menteri Kewangan Kedua, Datuk Seri Johari Abdul Ghani mengenai kerugian rizab asing Bank Negara antara 2013 dan 2015.

Katanya, Johari tidak menjelaskan punca kehilangan AS\$39.6 bilion (RM161 bilion) sepanjang tempoh berkenaan.

"Namakan apa sekalipun, hakikatnya bahawa pengurusan rizab kita kerugian lebih tujuh kali ganda jumlah yang kita hilang 30 tahun lalu.

"Dan kerugian itu disebabkan urusniaga dolar AS untuk membeli ringgit. Sekiranya ini bukan disebabkan oleh urusniaga, maka apa yang menyebabkan rizab itu hilang? Ini YB Johari Ghani belum jawab," katanya dalam catatan terbaru di blog, lapor Malaysiakini.

Tun Mahathir dan Johari mula bertikam lidah sejak awal Disember tahun lalu berhubung kerugian pertukaran asing Bank Negara sekitar awal 1990-an (RM31.5 bilion), dan kerugian rizab asing bank pusat itu antara 2013 dan 2015.

Tun Mahathir, yang diheret ke Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) berhubung kerugian tukaran mata wang asing itu, berhujah bahawa kerugian antara tahun 2013 dan 2015 juga wajar disiasat.

Johari menegaskan bahawa kerugian RM161 bilion bukan disebabkan oleh salah urus, tidak seperti kerugian forex yang disebabkan oleh spekulasi mata wang.

Beliau berkata spekulasi mata wang itu mirip dengan perjudian dan di luar mandat Bank Negara.

Sedangkan, menurut Johari, kerugian

antara 2013 dan 2015 itu adalah untuk memudahkan kecairan, dan mengurangkan ketidakseimbangan dalam penawaran dan permintaan ringgit, yang adalah sebahagian daripada pengurusan pasaran pertukaran asing.

Dalam catatan blog 2 Jan lalu, Tun Mahathir yang juga Pengerusi Pakatan Harapan berkata urus niaga pertukaran asing di antara tahun 2013 dan 2015 tentulah "telah gagal berulang kali" memandangkan nilai ringgit berbanding dengan dollar AS masih rendah.

Bagi rekod, kadar pertukaran semasa adalah RM4.0325 berbanding AS\$1.00.

"Kerugian besar mungkin disebabkan pengurusan yang normal. Tetapi jumlah besar mestilah terlibat untuk menjadi sebegitu besar. Tidak semestinya Bank Negara mengi-

kuti trend aliran dana keluar dari Malaysia.

"Sebenarnya, tugas Bank Negara adalah menghentikan aliran keluar, bukan untuk meningkatkan aliran keluar. Satu-satunya sebab Bank Negara mencairkan pegangan mata wang asing dalam rizabnya adalah untuk menyokong nilai ringgit dengan membeli mata wang negara itu," katanya.

Menurut Tun Mahathir, berikutan Krisis Kewangan Asia 1997, Malaysia menghentikan dagangan rizab asing untuk meningkatkan nilai ringgit apabila kerugian mencecah RM11 bilion, dan ia menjadi jelas bahawa dasar itu tidak berfungsi.

Walau bagaimanapun, antara tahun 2013 dan 2015, beliau berkata bahawa Malaysia tidak menghentikan urusniaga berkenaan sehingga kerugiannya mencecah RM161 bilion.

Mengapa Isa Samad kebal sangat?

Oleh **HUSIN MAHAT**

KUALA LUMPUR: 'Kekebalan' bekas pengerusi Felda Tan Sri Isa Samad dalam menghadapi pelbagai skandal membabitkan agensi tersebut menimbulkan tanda tanya umum sehingga Pengerusi Biro Undang-undang AMANAH (Kanun) Mohamed Hanipa Maidin melontar soalan, ilmu apa yang digunakan tokoh veteran Umno itu?

Mengulas skandal terbaru membabitkan Isa iaitu penjualan tanah milik Felda di Jalan Semarak, Kuala Lumpur, Hanipa melahirkan kehairanan mengapa sehingga kini Isa belum lagi dipanggil polis sedangkan semasa urusniaga itu berlaku, Isa menjawat pengerusi Felda dan pengerusi Felda Investment Corporation (FIC), syarikat milik Felda yang diberi tanggung jawab memajukan tanah strategik Felda itu.

"Ada laporan polis dibuat, polis

kata mamat ni (Isa) ada di luar negara dan hanya akan diambil keterangan bila dia dah balik ke Malaysia.

"Lepas tu, menular foto mamat ni dah balik ke Malaysia dan siap boleh pengerusikan mesyuarat Umno (Teluk Kemang) lagi tapi masih tak dipanggil polis.

"Yang 'best'nya dia boleh kata, 'saya masih belum dipanggil polis'. Tak tahu ilmu apa dia pakai hingga polis macam tak boleh nampak dan kesan dia," ujar Hanipa sinis.

Malah sambung Hanipa, polis dalam satu kenyataan terbaru hanya akan memanggil Isa minggu berikutnya bagi diambil keterangan.

"Lihatlah betapa seriusnya pihak berkuasa!" ujar beliau.

Hanipa turut mempertikaikan kenyataan pihak polis yang hanya akan menyiasat kes penjualan meragukan tanah Felda itu di bawah Seksyen 420 Kanun Kesek-

saan (KK) dan kes pemalsuan dokumen di bawah Seksyen 471 KK.

Malah tambah beliau, kes ini sepatutnya disiasat di bawah kesalahan pecah amanah (criminal breach of trust) di bawah Seksyen 405, 408 dan 409 KK yang boleh membawa kepada hukuman penjara, sebatan dan denda.

"Bukankah beliau (Isa) ialah pengerusi Felda dan Pengerusi FIC yang terlibat dalam transaksi tersebut?" ujar Hanipa.

Apa yang lebih mengejutkan, tambah Hanipa, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dilapor media mendapati tiada unsur rasuah dan salah guna kuasa dalam kes penjualan atau pindah milik tanah Felda itu sebaliknya hanyalah kes kelemahan tadbir urus.

"Apa gamaknya ilmu yang dipakai oleh mantan pengerusi Felda ni macam kebal semacam-lah!" soal Hanipa.

Guan Eng saran Pas saman NST

KUALA LUMPUR: Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang disaran menyaman New Straits Times (NST) jika benar akhbar itu memutar belit kenyataannya berhubung Kabinet Melayu-Islam.

Setiausaha Agung DAP, Lim Guan Eng berkata, tindakan ini perlu dilakukan kerana penafian Pas berhubung perkara itu adalah tidak memadai.

"Sekiranya dia (Abdul Hadi) tidak berani saman NST, ia bukan sahaja menyakitkan hati orang bukan Islam (iaitu) orang bukan Melayu dan orang bukan Islam, malah masyarakat bukan Islam dan bukan Melayu berasa terancam," katanya di petik Buletin Mutiara.

NST sebelum ini melaporkan bahawa Abdul Hadi mahukan kabinet negara Dianggotai hanya pemimpin Melayu be-

ragama Islam.

Ketua Penerangan Pas Pusat Nasrudin Hassan bagaimanapun menafikan laporan itu, sambil bertegas bahawa akhbar terbabit melaporkan secara salah kenyataan Ahli Parlimen Marang berkenaan yang disiarkan Harakahdaily pada 22 Dis lalu.

Guan Eng yang juga Ketua Menteri Pulau Pinang sebelum ini menyifatkan kenyataan Abdul Hadi itu sebagai 'perkauman dan ekstrem' selain bercanggah dengan Perlembagaan serta boleh mengundang perpecahan di kalangan rakyat.

"Dengan mengambil sikap ekstremis dan perkauman keras seperti itu, Abdul Hadi bukan sahaja akan menakutkan Sabah dan Sarawak, malah mungkin membawa kepada perpecahan Malaysia," tegasnya.

Mengapa menteri senyap bila negeri BN tambak laut?

GEORGETOWN: Kerajaan negeri Pulau Pinang mempersoalkan sikap dwi-standard kerajaan pusat khususnya Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar berhubung projek tambakan laut di negeri itu.

Ketua Menteri Lim Guan Eng berkata, bantahan kerajaan terhadap projek tambakan laut di negeri itu hanyalah serangan bersifat politik menjelang pilihan raya.

"(Kerajaan) membenarkan penambakan

laut di Kedah dan Johor tetapi tidak di Pulau Pinang.

"Ini semua semacam serangan politik untuk kempen pilihan raya," katanya dilapor Buletin Mutiara.

Guan Eng mengulas kenyataan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar berhubung projek tambakan laut di Pulau Pinang.

Dr Wan Junaidi baru-baru ini menyifatkan projek tambakan laut di Pulau Pinang

mempunyai banyak implikasi dan bukan terhad kepada sumber marin dan kehidupan nelayan.

Menjawab kritikan menteri berkenaan, Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan berkata, pihaknya akan mendedahkan rekod projek tambakan laut negeri lain selain Pulau Pinang yang dibenarkan kerajaan pusat.

Dalam perkembangan berkaitan, Timbalan Ketua Menteri Dr P Ramasamy turut

mengulas kenyataan Wan Junaidi yang dianggap sebagai 'berat sebelah'.

"Junaidi tak patut buang masa untuk mengeluarkan kenyataan berat sebelah tentang projek di Pulau Pinang. Apatah lagi pilihan raya umum hanya beberapa bulan sahaja lagi.

"Saya yakin itu hanyalah gimik pilihan raya untuk mengekalkan kerusi parlimen dan kerusi-kerusi dewan undangan negeri di Balik Pulau," katanya.

PPBM adalah parti rakyat

Oleh DALIA ISMAIL Foto MOHD SYAFIQ ISKANDAR

SHAH ALAM: Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) adalah 'parti rakyat untuk rakyat', justeru calon yang akan bertanding bagi parti itu pada pilihan raya umum akan datang adalah calon rakyat yang mahu melawan regim kleptokrasi BN.

Pengerusinya, Tun Dr Mahathir Mohamad dalam ucapan dasarnya pada Mesyuarat Agung Pertama parti itu, 30 Dis lalu berkata, usaha untuk menggembelng rakyat bagi menghadapi BN perlu dibuat bersama parti-parti gabungan dalam Pakatan Harapan (PH).

"Saya ingin tegaskan parti PPBM adalah parti rakyat untuk rakyat sebenarnya. Kami bukan berjuang untuk kepentingan pengerusi, presiden atau kepimpinan tertinggi.

"Kita bukan tubuh parti ini supaya sipolan-sipolan itu dapat apa yang diidamkannya. Kita tubuh parti ini untuk jatuhkan Najib, Umno dan BN.

"Saya ingin ulangi parti PPBM ini ditubuhkan untuk satu tujuan sahaja iaitu untuk mencapai matlamat rakyat supaya dijatuhkan kerajaan kleptokrasi pimpinan Najib," ujarnya.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi PH menegaskan, parti pimpinannya tidak mungkin dapat mengalahkan BN sekiranya bersendirian tanpa menyertai parti-parti dalam gabungan PH.

"Untuk menang kita perlu bergabung dengan parti-parti yang berhaluan sama. Sekarang kita sudah tubuh PH iaitu gabungan tiga parti lain.

"Tiap satu daripada parti dalam PH akan diberi sebilangan dari kawasan pilihan raya.

"Dalam kebanyakan kawasan ini calon

yang bertanding adalah dari parti lain dalam PH. Tetapi kita perlu tentukan calon dari parti lain ini mendapat kemenangan," ujar beliau.

Ini kerana, jelas Tun Mahathir, calon PPBM hanya boleh menang jika ahli dan penyokong tiga parti lain dalam PH juga NGO memberi sokongan.

Menurut beliau, jika PPBM tidak menyokong calon PH di kawasan lain, calon parti itu pasti tidak akan mendapat sokongan dari tiga parti lain dalam PH.

Tambah Tun Mahathir lagi, untuk mencapai matlamat PH menubuhkan BN, parti-parti dalam gabungan itu tidak boleh bersendirian pada pilihan raya umum kali ini.

Tanpa gabungan yang mantap, jelas beliau, tiada satu pun parti dalam PH akan dapat menewaskan BN yang mempunyai 13 parti komponen.

Sehubungan itu, beliau menasihati parti-parti gabungan PH agar mengetepikan perasaan masing-masing supaya dapat bergabung dan menolong semua parti dalam PH bagi meraih kemenangan.

"Mendapat kawasan untuk parti bertanding sahaja tidak memadai walaupun semua parti gabungan menyokong.

"Tak kurang penting populariti parti dan calon dalam kalangan orang ramai yang tidak menyertai mana-mana parti yang akan mengundi di kawasan tertentu. Menolak pilihan mereka akan mengundang kekalahan," tegasnya di hadapan 983 perwakilan yang hadir dan juga pemerhati.

Turut hadir pada majlis perasmian itu ialah Presiden Keadilan Datuk Seri Wan Azizah Wan Ismail, Presiden AMANAH Mohamad Sabu dan Pengerusi DAP Tan Kok Wai.



Mukhriz menunjukkan mesej pesanan telefon bimbunya kepada Tun Mahathir.

Tun Mahathir menaikkan bendera PPBM sambil diiringi Presiden PPBM Tan Sri Muhyiddin Yassin.



Muhyiddin menyampaikan ucapan.



ayat untuk rakyat



Mesyuarat Agung PPBM sedang berlangsung.



Tun Mahathir menjawab soalan pemberita di sesi sidang media.



Kok Wai, Mohamad dan Tan Sri Sanusi Junid di majlis perasmian.



Para perwakilan mengangkat tangan menyokong pencalonan.



Timbalan Setiausaha Agung DAP, Teresa Kok, Dr Wan Azizah dan Tun Siti Hasmah Mohd Ali turut hadir.



Pengerusi Tetap Datuk Seri Mohd. Shariff Omar menyaksikan Timbalan Pengerusi Tetap Datuk Azimi Daim melafazkan angkat sumpah jawatan.

Isu calon Perdana Menteri usah jadi jarum

TIMBALAN Ketua Pemuda AMANAH Nasional, Faiz Fadzil mengingatkan isu siapa calon Perdana Menteri sejourus Pakatan Harapan mendapat mandat di Putrajaya tidak harus menggugat fokus dalam menjatuhkan rejim Umno-BN.

Menurutnya, sesiapa sahaja yang disepakati sebagai Perdana Menteri masih terikat dengan manifesto dan polisi Pakatan Harapan.

"Kita juga harus faham pelantikan Perdana Menteri tertakluk kepada kriteria yang ditetapkan Perlembagaan Persekutuan.

"Saya mendukung keluhuran undang-undang dan oleh itu, penamaan Perdana Menteri oleh Pakatan Harapan tidak seharusnya



Faiz Fadzil

nya menjadi jarum dalam lipatan kepada perpaduan gabungan

AMANAH, Bersatu, DAP dan PKR," katanya.

Mengulas tentang kemungkinan Tun Dr Mahathir sebagai calon Perdana Menteri, beliau berpendapat hal tersebut bergantung pada konsensus Pakatan Harapan.

"Apa sahaja tindakan yang akan dibuat oleh mana-mana individu sebagai Perdana Menteri selepas ini termasuk Tun Mahathir sekali pun tidak boleh secara bersendirian.

"Ini negara yang akan berpegang pada Manifesto Pakatan Harapan dan menjunjung Perlembagaan negara. Kita menjanjikan pemansuhan GST, memulangkan kembali subsidi kepada rakyat dan melaksanakan pendidikan percuma.

"Itu akan dilaksanakan kerajaan

Pakatan Harapan. Tidak kisahlah siapa Perdana Menteri. Yang penting Pakatan Harapan mempunyai pemimpin yang mampu menarik semua orang," tegasnya ketika ditemui akhbar mingguan Amanah di Shah Alam, 3 Januari lalu.

Peguam berkenaan berkata, calon Perdana Menteri yang diketengahkan Pakatan Harapan turut mesti berupaya menarik segenap latar sosial dan ekonomi masyarakat termasuk segmen golongan pentadbir dan ahli perniagaan.

"Kelompok itu juga perlu yakin dengan calon yang dipilih oleh Pakatan Harapan. Bagi saya, itu yang dipertimbangkan oleh Majlis Presiden Pakatan Harapan," ujarnya.

Sehubungan itu, Faiz menasihatkan isu pemilihan Perdana

Menteri tidak harus melekakan Pemuda Pakatan Harapan khususnya dalam usaha menggandakan gerak kerja menyebarkan tawaran gabungan parti pembangkang itu kepada segenap lapisan rakyat.

"Saya lebih fokus kepada usaha menyedarkan orang muda betapa pentingnya keluar mengundi.

"Tidak guna kita berkonflik siapa yang harus menerajui negara kalau orang muda lebih 3 juta masih tidak peduli untuk mendaftar sebagai pemilih. Itu yang merisaukan kita," tegasnya lagi.

Untuk rekod masih terdapat 3.8 juta rakyat negara ini berusia 21 hingga 39 tahun setakat pertengahan tahun 2017 lalu yang masih belum mendaftar sebagai pemilih.

Tahun getir ekonomi anak muda

Oleh ARIF ATAN

Tirai tahun baharu 2018 menyaksikan Perdana Menteri tanpa muka tidak malu tampil selamba dalam program Bicara 4 Mata yang disiarkan di stesen RTM dan TV3, 3 Januari lalu.

Sibuk bercakap tentang jangkitan 30 tahun akan datang, realiti dihadapi majoriti anak muda yang dijertu kenaikan menggila kos sara hidup pada masa ini seperti disapu di bawah permaidani.

Segala yang diucap murni dan muluk-muluk belaka hingganak menyebut tentang kelulusan mikro kredit menggunakan Alibaba dikenali sebagai 310 dalam program dikendalikan selebriti Datuk Aznil Nawawi itu.

Presiden Umno berkenaan juga galak menyimpan angan-angan mahu Malaysia menjadi 20 negara terunggul dan teratas di dunia ketika menyentuh gagasan Transformasi Nasional 2050 (TN50).

Begitu juga pelaksanaan cukai barang dan perkhidmatan (GST) yang Najib anggap hasilnya disalurkan kepada rakyat secara terus kepada golongan sasaran seperti Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M).

Dalam dalihnya untuk menghalalkan penarikan subsidi minyak sebelum ini, Najib menyebut tanpa langkah subsidi bersasar, golongan kaya turut menikmati subsidi bahan api.

Hakikatnya, GST dan tindakan kerajaan Umno-BN menghapuskan riwayat subsidi petrol dan diesel mengoyak poket majoriti rakyat terutama anak muda yang



dihimpit pelbagai komitmen.

Bagi pasangan muda yang baharu menimang cahaya mata, kos susu bayi dan lampin pakai buang sahaja mencecah ratusan ringgit sebulan. Jika si isteri bekerja, kos pengasuh sahaja memakan hampir satu suku gaji bulanan ketika kenaikan gaji tahunan relatif kecil.

Hidup yang kini sudah bertiga pula memaksa si ayah memikirkan kediaman sendiri. Kadar sewa rumah yang lazimnya naik saban tahun bukan situasi yang selesa terutama bagi golongan berpendapatan RM3,000 ke bawah berbeza Najib yang dikhabarkan pernah mendapat "derma" berbilion ringgit.

Dakwaan Pengarah Ekonomi, Perdagangan dan Integrasi Serantau Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa Malaysia, Firdaus Rosli pada Disember tahun lalu pula kononnya taraf hidup rakyat lebih tinggi gagal melihat sisi lebarnya jurang ekonomi di negara ini.

Mudah membuat rumusan taraf hidup rakyat sekarang lebih tinggi atas alasan ramai membeli kenderaan jenama asing dan gemar makan di luar termasuk di restoran mewah tentulah bercanggah dengan realiti dialami majoriti rakyat di negara ini.

Padahal, kita pun tahu pecah berita tentang adik beradik di utara tanah air yang terpaksa men-

gambil upah mencari kepaik bagi menampung duit belanja buka persekolahan selain cerita pasangan adik beradik di PPR Lembah Subang, Selangor yang bersekolah sesi pagi dan petang perlu bergilir menggunakan kasut yang sama!

Lebih 400,000 pekebut kecil dan penoreh getah di seluruh negara yang sedang mengharungi musim hujan sejak November tahun lalu pula tentunya tidak berkereta jenama asing apa lagi menjamu selera di restoran mewah.

Demikian juga anak muda yang sarat pelbagai jenis hutang termasuk perlu melunaskan hutang pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) sehingga menyaksikan 20 daripada 100 peminjam terpalit dengan rekod kewangan buruk akibat disenaraihitamkan PTPTN.

Bahkan 60 peratus daripada 94,408 kes muflis yang dilaporkan sejak 2013 sehingga Ogos tahun lalu mengikut data Jabatan Insolvensi terdiri daripada mereka berusia 25 dan 44 tahun.

Tiga jenis hutang menjadi punca mereka terjerumus muflis iaitu pinjaman kereta, peribadi, kediaman dan pinjaman perniagaan.

Justeru, 2018 sebenarnya tahun getir bagi kedudukan ekonomi sebahagian besar rakyat khususnya anak muda. Namun, sejauh mana 14.6 juta pemilih termasuk golongan muda tegas bersuara di peti undi dengan menolak Umno-BN pada pilihan raya akan datang menjadi penentu sama ada keadaan menjadi lebih baik atau buruk sepanjang tahun ini.

Sampaikan mesej ke akar umbi

TIMBALAN Ketua Pemuda Pakatan Harapan Selangor, Abbas Azmi mengingatkan jentera pilihan raya memaksimumkan gerak kerja dalam tempoh tiga bulan pertama ini dengan menemui seramai mungkin pengundi.

Menurutnya, gelombang anak muda yang menolak Umno-BN sudah ada tetapi perlu lebih digembleng bagi mengelak bakal pengundi keliru dengan pihak yang tidak komited memperjuangkan suara rakyat.

"Tugas Pemuda Pakatan Harapan untuk menggembeng kesedaran golongan belia untuk menumbangkan Umno-BN supaya dapat membuat keputusan yang betul.

"PRU-14 ini pastinya berlaku pertandingan tiga penjuru. Di Selangor ini, Pas pengacau besar untuk kita pertahankan kerajaan negeri sedia ada," bidas Ketua Pemuda AMANAH Selangor berkenaan.

Ditanya tentang cabaran pertembungan tiga penjuru dan lebih di Selangor pada Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) nanti, Abbas berkata, rakyat tidaklah terlalu naif untuk membuat pilihan.

"Apa yang paling penting, kita mesti sampaikan mesej bahawa yang betul-betul per-



Abbas Azmi

juangkan rakyat adalah Pakatan Harapan.

"Perlu diakui, kita berada dalam negara demokrasi yang mnenberi peluang kepada sesiapa sahaja untuk bertanding termasuk Pas, PSM, Bebas dan Berjasa. Terbuka pada semua untuk meletakkan calon.

"Namun, permuafakatan politik antara parti pembangkang itu yang akan meyakinkan rakyat untuk mengambil alih kuasa daripada Umno-BN.

"Terbukti pada PRU 2008 lalu, ketika Khir Toyo memegang tampuk kuasa segala-galanya sebagai Menteri Besar tetapi Selangor akhirnya bukan lagi kubu Umno-BN lagi," tambahnya lagi.

Jadilah satu titik permulaan kepada perubahan

Melangkah ke tahun 2018 menuntut mahasiswa untuk meneliti kembali peranan mereka sebagai agen perubahan masyarakat yang lebih sejahtera pada masa depan.

Pengerusi Mahasiswa AMANAH Nasional, Muhammad Khuzairi Mazlan berpendapat usia, kudrat dan akal cerdas yang dimiliki oleh golongan penuntut tidak harus hanya menumpukan pada kepentingan diri semata-mata.

Berada di universiti sebenarnya mempunyai ruang untuk mahasiswa menggiatkan aktiviti keintelektualan dalam segenap bidang selain memastikan pengajian berjalan lancar berbanding apabila bekerja kelak yang dihambat kekangan masa.

"Kita sebagai mahasiswa mempunyai masa yang panjang untuk berfikir bagaimana kita boleh menjadi satu titik permulaan bagi satu perubahan.

"Sejarah telah menyaksikan kebangkitan perubahan berpunca daripada suara anak muda khususnya mahasiswa sebagai



Khuzairi (duduk dua dari kiri) bersama anggota Mahasiswa AMANAH Nasional dan mantan Pengerusi sayap itu, Ahmad Fadhi Umar Aminolhuda di Wisma AMANAH.

golongan intelek dan yang mendambakan perubahan lebih baik," ujarnya ketika dihubungi akhbar mingguan *Amanah*, 4 Januari lalu.

Beliau berkata, mahasiswa tidak harus menghadkan potensi diri masing-masing ketika pelbagai pengalaman dapat diraih di luar dewan kuliah dan kelas tutorial.

"Mahasiswa tempatnya bukan sekadar di dewan kuliah dan kelas-kelas pengajian semata-

mata, tetapi tugasnya juga adalah di medan masyarakat.

"Keadaan negara pada masa ini semakin membarah dengan pelbagai skandal yang sudah tidak dapat ditutupi oleh pemerintah.

"Negara dan rakyat semakin hari hilang arahnya akibat kerakusan sang penguasa kleptokrasi yang sedang memimpin negara kita yang tercinta ini," ujarnya.

Mengulas tentang Pilihan

Raya Umum ke-14 (PRU-14) yang bila-bila masa sahaja akan dilaksanakan awal tahun ini, Khuzairi mengajak mahasiswa untuk turut sama berperanan sebagai anggota masyarakat sivil yang menginginkan demokrasi sihat.

"Tahun 2018 adalah tahun pilihan raya. Golongan mahasiswa juga tidak terlepas daripada membuat keputusan bagi menentukan siapa pula bakal memimpin



negara ini.

"Saya menyeru kepada semua mahasiswa ambillah semangat tahun 2018 ini untuk kita bersama menggapai dan mencapai satu kata untuk perubahan. Masanya sudah tiba untuk mahasiswa membuat perubahan," ujarnya.

Sehubungan itu, beliau menasihatkan mahasiswa supaya berperanan sebagai sang pencerah yang menjunjung kebenaran dan keadilan tanpa bertuhankan kezaliman.

"Jangan kita lesu dengan buaian kemewahan, yang sudah diulit kesenangan masa dan yang kaya diulit keberadaan harta benda.

"Kita semua perlu berganding bahu dengan masyarakat di luar kampus masing-masing dengan menjadi generasi mahasiswa yang betul-betul ampuh menangkis segala bentuk kezaliman," tambahnya lagi.

Kenaikan harga minyak: Mahasiswa juga tidak terkecuali



Tirai tahun baharu 2018 dibuka dengan kenaikan petrol dan diesel yang turut memberi tempas kepada mahasiswa. Foto FB Prihatin Politik

MASIH lagi bersetuju bahawa mahasiswa tidak perlu menghiraukan isu semasa lantaran kononnya akan mengganggu tumpuan terhadap pengajian?

Kekerapan harga minyak naik dengan tirai tahun baharu 2018 juga menyaksikan petrol dan diesel masing-masing melambung ke 3 sen dan 6 sen seliter sebenarnya turut memberi tempas kepada mahasiswa di kampus.

Hal itu turut diakui Presiden Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM), Muhammad Khair Sujud (**gambar**) lantas menggesa kerajaan mengkaji semula langkah mengembalikan subsidi bagi bahan

bakar.

Menurutnya, langkah itu penting supaya beban yang ditanggung rakyat akibat kenaikan berterusan harga minyak tidak semakin menggunung.

"Harga minyak merupakan satu perkara yang sangat sensitif kepada rakyat. Oleh itu, kerajaan perlu peka mengenai perkara ini.

"PKPIM merasakan sudah tiba masanya kerajaan mengembalikan subsidi bahan bakar bagi mengurangkan beban kepada rakyat yang sedang dihimpit masalah kenaikan kos sara hidup," katanya dalam satu kenyataan.

Pertubuhan itu bimbang kenaikan berterusan harga minyak akan menyumbang kepada peningkatan drastik harga barangan keperluan harian di pasaran.

Hal ini, tegas Khair, sudah pasti memberi impak negatif kepada seluruh rakyat termasuklah golongan mahasiswa, generasi muda dan rakyat berpendapatan rendah bagi menampung keperluan harian.

"Tuntutan kami jelas agar kerajaan dapat menurunkan harga minyak serta mengembalikan semula subsidi bagi bahan bakar.

"Jangan tunggu tarikh pilihan raya baru tuntutan ini dipenuhi bagi memperoleh populariti undi sedangkan rakyat terus menderita dan dihimpit kesusahan," katanya lagi.



Menghayati jihad bisnes, wakaf korporat

Lengkap berserta Bibliografi dan Indeks, buku Allahyarham Tan Sri Muhammad Ali Hashim perlu ditelaah mahasiswa dalam menghayati makna tentang jihad bisnes dan waqaf korporat yang dirintis bekas Ketua Pegawai Eksekutif Johor Corporation (JCorp) ini.

Dijemput Ilahi pada 31 Oktober tahun lalu, buku setebal 409 halaman ini ibarat khazanah pemikiran ekonomi beliau yang diwariskan kepada generasi hari ini untuk dicermati dan diteladani.

Menganggap bahawa usaha membina kuasa ekonomi ummah sebagai teras sistem ekonomi Khalifah, penulis terbukti telah menggilap budaya korporat dan usahawan handalan berpandukan nilai Islam.

Tampil dalam 10 bab, bukan sekadar iltizam penulis diabadikan bahkan strategi perniagaan dan pembaharuan berorganisasi turut dikongsikan.

Bahkan menyerlahkan sisi intelektual Allahyar-




ham Muhammad Ali, tokoh yang berjaya mengambil alih KFC Holdings Malaysia Bhd pada 2006 ini turut menyedari

pentingnya jihad politik dalam melihat pemeraksanaan ekonomi umat tercapai.

Beliau dalam bab terakhir Pascakata mengingatkan pentingnya kematangan dan hikmah berpolitik khasnya dalam kalangan Melayu-Muslim kerana budaya politik yang merosakkan hanya akan memusnahkan kepentingan ekonomi Melayu, Islam dan negara.

Semoga lebih ramai mahasiswa disuntik dengan semangat memajukan Jihad Bisnes dan Waqaf Korporat dalam pertempuran dunia perniagaan yang diselubungi kerakusan memaksimumkan keuntungan.



Program seni-budaya Paksi 2018

ALHAMDULILAH waktu berlalu dan kini kita memasuki 2018. Umur meningkat – bukan sahaja kerana tahun bertukar tetapi umur meningkat setiap hari dan setiap saat, kita semakin dewasa dan semakin tua, insya Allah kita tidak sia-siakan waktu yang dikurniakan Allah swt kepada kita – menjelang tibanya saat kita dimatikan!

Okey, sengaja nak sebut sedikit beberapa perancangan seni-budaya PAKSI di awal tahun 2018 ini. Pertama, kita akan aktifkan semula Baca Puisi Bumbung (BPB) di Institut Darul Ehsan (IDE), Shah Alam, yang kita hentikan sementara beberapa bulan lalu.

Program bulanan ini kita rancang akan dimulakan pada Rabu 17 Januari. Nasser cadangkan tahun ini kita fokus kepada tema Sasterawan Negara. Satu cadangan yang baik, dan disambut baik oleh Bahrin bagi pihak IDE. Kita akan mulakan dengan Shahnnon Ahmad, sempena kebetulan kita pun sedang mengingati dia, yang kebetulan baru saja meninggalkan kita 26 Disember lalu.

Memang Shahnnon bukan seorang penyair. Walaupun dia ada juga menulis beberapa puisi, seperti dia juga ada menulis skrip drama, tetapi puisi dan drama bukanlah bidang kreatif dia. Shahnnon lebih mahir dalam penulisan novel dan cerpen.

Begitu juga beberapa Sasterawan Negara yang lain. Keris Mas, Arenawati, Abdullah Hussein dan S.Othman Kelantan juga bukan penyair. Tetapi sebagai Sasterawan Negara kita tetap meraikan mereka dalam siri Baca Puisi Bumbung 2018 ini. Dan kali ini kita bukan saja buat persembahan puisi, tetapi kita juga buat wacana.

Malamnya baca puisi, petangnya kita

berwacana; dan wacana adalah mengenai tokoh SN yang menjadi pilihan bulan berkenaan. Untuk 17 Januari ini Wacana Pemikiran Shahnnon akan bermula jam 2.00 petang. Nasser bercadang menjemput SN Anwar Ridhwan untuk membicarakan "Pemikiran kritis Shahnnon dalam novel-novel pilihan".

Sesi kedua wacana ialah mengenai novel SHIT. Kami membuat jemputan terbuka kepada sesiapa saja yang berminat, khasnya pengkaji-pengkaji novel, untuk tampil membicarakan novel kontroversi yang pernah mencetuskan fenomena sosio-politik masyarakat kita pada era Reformasi 1999 ini. (Yang berminat, sudi-lah hubungi saya melalui Messenger Fb: Shamsudin Osman).

Selepas Shahnnon, Februari nanti BPB bercadang memfokus Keris Mas, Sasterawan Negara pertama, tetapi jarang-jarang kita raikan dia. Insya Allah Paksi dan IDE akan meraikan Keris Mas anak kelahiran Bentong, Pahang, Februari ini.

Kawan-kawan daripada Pahang marilah kita bersama-sama mengisi program bagi meraikan Keris Mas. Tak semestinya yang dalam siri BPB sahaja. Boleh juga kita buat aktiviti di Bentong. Atau di Janda Baik, mengambil sempena latar novel 'Rimba Harapan'.

Dan tahun ini Bahrin mengajak Paksi tambah satu lagi aktiviti bulanan di IDE, iaitu Tonton dan Sembang Filem. Satu aktiviti yang sangat digemari Nasser. Sebelum inipun Nasser pernah beberapa kali menganjurkan sesi Sembang Filem Paksi, bertempat di galeri Xin Art Space, Jalan Jelatek, tetapi dihentikan buat seketika kerana sebab-sebab tertentu.

Insya Allah kita akan aktifkan semula Sembang Filem ini di IDE, bermula Sabtu 20 Januari, 10 pagi. Filem yang kita pilih

ialah 'Ranjau Sepanjang Jalan', iaitu adaptasi daripada novel Shahnnon Ahmad, yang diterbitkan oleh Tan Sri Kamarul Ariffin. Sekiranya kita boleh dapatkan filem tersebut. Kalau tidak, kata Nasser, mungkin kita dapatkan 'Rice People', versi Cambodia daripada novel yang sama.

Akan program yang dicadangkan oleh pihak Exco Kebudayaan Selangor untuk dibuat aktiviti puisi dan teater di pokok TAP, yakni bagi menghidupkan peristiwanya "Teater Atas Pokok (TAP)" yang dipentaskan 16-17 April 2016 itu – Paksi masih menunggu peruntukan kewangan yang dijanjikan mereka sejak akhir 2016.

Sekiranya mereka mengotakan janji itu, Paksi bersedia untuk melaksanakannya bila-bila masa sahaja. Insya Allah!

Di samping itu, satu daripada hasil Deklarasi Kuala Kangsar (DKK) yang dianjurkan Paksi bersama dengan Universiti Sultan Azlan Shah (USAS) bermula April 2017 itu, akan mulai menyemarakkan seni-budaya kebangsaan, di Kuala Kangsar, pada 24 Januari (Rabu) ini.

Acaranya ialah Baca Puisi Bulanan (juga), yang akan dibuat di suatu dataran di tengah-tengah bandar Kuala Kangsar. Ini adalah kerjasama dengan Majlis Perbandaran Kuala Kangsar (MPKK). Tema acara pertama ini ialah Puisi Lawan Rasuah.

Sebenarnya ada beberapa aktiviti yang telah dipersetujui dalam mesyuarat DKK antara Paksi dan ZK (Ziarah Karyawan pimpinan Yassin Salleh), bersama dengan MPKK dan USAS, November lalu. Baca Puisi Bulanan itu satu daripadanya. Satu lagi yang sedang dalam persediaan sekarang ialah pementasan "Teater Nabi Yusuf", yang dijangka dibuat April atau Mei depan.



TEKAD BUDAYA
DINSMAN

Pementasan ini dibuat bersempena dengan festival khas Kuala Kangsar menyambut 100 tahun Masjid Ubudiah, iaitu salah sebuah masjid yang penting di negara ini, kerana keunikan bentuk atau rekabentuknya yang cantik dan menjadi ikon pelancongan Perak.

Aktiviti lain bersama USAS dan MPKK akan diumumkan dari semasa ke semasa.

Sementara itu Deklarasi Kuala Kangsar (DKK) juga akan diaktifkan di beberapa tempat lagi pada tahun ini. Kebetulan Timbalan Presiden Paksi, Kassim Muhammad, memilih untuk memfokus Kelantan. Program pertamanya telah berlangsung 9 Disember lalu, di Balai Kartun Rossem, di Peringat, iaitu bicara buku "Mencari Kewajaran Islam di Malaysia".

Insya Allah sekitar Februari nanti, inisiatif kawan-kawan seniman-budayawan Kelantan – Rossem, Anbakri dan Ct Puspa, akan dianjurkan suatu pertemuan para seniman-budayawan Kelantan, membincangkan aktiviti-aktiviti seni-budaya yang boleh dibuat bersama. Saya melihat ini selaras dengan gerakan DKK dan juga Tekad Budaya.

Dan satu lagi yang ingin saya sebut ialah satu program berkonsepkan Seni & Masyarakat yang pernah dibuat di Kuala Kubu Baru, Oktober 2015, "Tiga Hari Bersama A.Samad Said". Ini sedang diusahakan oleh Bendahari Paksi, MD Ridzuan, bersama dengan Yb Lee Kee Hiong, untuk dibuat di Pulau Pinang.

Insya Allah. Bersama-sama kita do'akan.

Harapan itu lawannya kekecewaan dan putus asa

Oleh **ABU FIRDAUS**

HARAPAN, seperti juga amanah mempunyai makna yang mendalam dan apabila dihayati pasti ia memberi semangat kepada mereka yang berjuang.

Ini kerana perkataan harapan menunjukkan kepercayaan kepada pendokongnya bahawa ada ruang untuk mencapai kejayaan. Di dalamnya terkandung perasaan optimis. Ia menjadi pendorong kepada kehidupan perjuangan. Namun, harapan tidak boleh berdiri sendiri untuk mencapai kejayaan. Ia perlu diiringi dengan sikap realistik dan daripada situ barulah para pejuang dapat mengorak langkah berikhtiar dengan membaca suasana politik secara tepat, melakukan perancangan dan bertindak melaksanakan.

Sementara perkataan amanah pula mengemudikan nilai integriti. Nilai di mana rakyat dapat memberi kepercaya-



Pimpinan AMANAH berperanan besar dalam menubuhkan gabungan mega pembangkang, Pakatan Harapan.

yaan dan serentak itu menaruh harapan. Lawan kepada amanah adalah khianat. Daripada pengkhianatan inilah lahir pelbagai penyakit politik dalam negara. Termasuklah korupsi, kolusi, kronisme dan nepotisme.

Lawan kepada harapan pula ialah kekecewaan dan putus asa. Jika seseorang itu kecewa dan putus asa, tentu tidak ada makna baginya lagi dalam berjuang. Usaha dan ikhtiar adalah sesuatu yang sia-sia. Justeru betapa pentingnya nilai harapan,

bukan saja kepada pendokong Pakatan Harapan tetapi juga pada rakyat negara ini.

Adanya perkataan harapan dalam Pakatan Harapan dan istilah amanah dalam Parti Amanah Negara bukanlah sekadar melengkapkan nama parti dan gabungannya tetapi ia turut membawa nilai tersendiri ke dalamnya.

Bagi mereka yang terlibat dengan penubuhan awal Pakatan Harapan dan AMANAH tentunya mempunyai kisah masing-masing bagaimana perkataan-perkataan itu dipilih untuk dijadikan nama parti dan gabungannya.

Sehingga ini, Pakatan Harapan belum dapat didaftarkan walaupun permohonan untuknya telah lama dibuat. Parti AMANAH dapat ditubuhkan setelah nama asalnya, Parti Progresif Islam ditolak hingga membawa kepada penggunaan Parti Pekerja-pekerja Malaysia untuk dijadikan AMANAH.

BERSAMBUNG KE MUKA 21

Tahun baharu untuk pemuka baharu

A GAK lama juga tiada aksi tunjuk perasaan diadakan pada ambang tahun baru. Kali terakhir seingat saya adalah pada 31 Disember 2013, malam menjelang 2014 dengan isu sekitar harga minyak dan kos sara hidup. Tiga tahun juga Dataran Merdeka mahupun Sogo sunyi tanpa sebarang aksi sehinggalah malam ambang tahun baru 2018 pada minggu lalu.

Biar pun kecil dan tidak sebingit 2013 dahulu, kuncinya adalah aksi itu ada dan orang memperkatakannya. Ibarat sungai yang dahulunya subur namun lama kontang tiba-tiba mengalir semula. Kalau terus dijaga, pasti akan meriah kembali. Hasilnya juga pasti lumayan.

Dengan begitu, 2018 membuka tirai. Dari situ, mungkin kita boleh menilai apa yang bakal tersaji untuk kita dalam tahun pilihan raya ini. Apabila anak muda parti membuka tirai 2018 dengan memaparkan aksi politik dalam ruang awam sedemikian, ertinya mereka juga sudah menyusun diri masing-masing untuk kembali ke hadapan.

Tanpa penglibatan gedebe politik yang lebih senior, mereka menyusun aksi sendiri yang tentu sekali memakan banyak tenaga dan persefahaman untuk dizahirkan. Dari situ, tidak salah untuk kita positif dengan kemungkinan bahawa biar apa pun keputusan yang dibuat oleh pemimpin tua, anak muda akan tetap ke hadapan tanpa menoleh ke belakang. Dan memang sewajarnya demikian.

Pengalaman pun mengajar bahawa tenaga anak muda itu selalunya lahir dari kemelut dan solidariti. Lazimnya demonstrasi, apatah lagi yang disusuli dengan



Rakyat menyambut tahun baharu dengan terus mendesak Perdana Menteri letak jawatan.

tangkapan selalunya menjadi tonik buat gerakan anak muda untuk lebih bertena-ga. Aksi mereka pada ambang 2018 tersebut diharap akan menerbitkan tenaga dan keazaman baharu untuk menghadapi tahun penting ini.

Antara lain, saya juga menyedari bahawa kebanyakan teman-teman yang membarisi kepimpinan pemuda parti, dan bakal diturunkan untuk bertanding dalam pilihan raya akan datang ini juga pasukan muda-muda belaka. Calon-calon muda ini diturunkan di tempat-tempat yang boleh tahan sengitnya, namun hanya berbekalkan sokongan teman-teman sebaya. Tiada gedebe politik senior yang memayungi mereka. Biar mencabar, ini suatu yang bagus.

Apa yang bakal muncul dalam 2018 ini, pastilah kebanyakannya akan datang dari

main-main utama politik, gedebegedebe senior yang setiap hari menghiasi dada akhbar. Malah hujung minggu ini juga aura-ura kuat mengatakan bahawa Pakatan Harapan akhirnya akan memuktamadkan calon Perdana Menteri mereka. Dari situ pun kita boleh jangka lagi polemik panjang yang bakal dibincangkan dalam segenap ruang siang dan malam.

Biar demikian, tidak salah kalau di sebalik nama-nama besar Dr Mahathir, Anwar, Wan Azizah, Azmin, Abang Mat, Muhyiddin, Rafizi dan ramai lagi dalam senarai yang sama, kita intai nama-nama baru yang sedang muncul dan naik.

Tidak salah kalau 2018 ini kita beri ruang kepada nama-nama seperti Faiz Fadzil, Syed Saddiq, Syazni Munir, Syukri Razak, Ashraf Mustaqim, Anis Syafiqah, Young

Syefura, Fahmi Zainol, Sheikh Omar, dan ramai lagi untuk turut diberi perhatian. Mereka ini saya anggap sebagai orang yang sedang menggagas harapan sebenar. Di sebalik kabut dan sensasi politik hari ini yang tidak lama akan menghilang, mereka sedang mengorak langkah sendiri untuk masa hadapan.

2018 harus dijadikan tahun untuk melihat sinar baharu dalam politik kita. Generasi pemuka masa hadapan ini memerlukan ruang dan peluang. Mereka adalah api-api kecil yang suatu hari nanti akan marak dan besar, sebesar obor lama yang selama ini telah menerangi perjalanan panjang politik kita. Tinggal lagi jangan dibiarkan mereka menyala tanpa ada udara dan minyak yang cukup, sehingga terpadam tanpa kita sendiri sedari. Selamat tahun baru.

Harapan itu lawannya kekecewaan dan putus asa

DARI MUKA 20

WALAUPUN Pakatan Harapan belum dapat didaftarkan tetapi ia merupakan satu realiti politik, seperti kata pengurusinya, Tun Dr Mahathir Mohamad ketika menyampaikan ucapan dasarnya dalam Perhimpunan Agung Pertama PPBM pada penghujung tahun 2017.

AMANAHA berperanan besar dalam menubuhkan Pakatan Harapan. Malah sebelum AMANAHA ditubuhkan pun, pengasas-pengasasnya telah bergerak dalam satu pertubuhan yang mana di dalamnya ada perkataan harapan iaitu Gerakan Harapan Baru.

Sebaik saja AMANAHA ditubuhkan, usaha terus digerakkan bagi penubuh-

an Pakatan Harapan supaya kerjasama antara Keadilan, DAP dan AMANAHA dapat terus berjalan tanpa berleghang lagi. Dengan adanya Pakatan Harapan, hubungan Keadilan dan DAP tidak terhenti walaupun Pakatan Rakyat sudah terubur.

Usaha Pas untuk mengekalkan Pakatan Rakyat tanpa DAP telah akhirnya gagal. Walaupun pada mulanya Pakatan Harapan adalah lebih kecil daripada Pakatan Rakyat kerana keadaan AMANAHA tidaklah sebesar Pas tetapi ternyata Pakatan Harapan menjadi lebih besar berbanding Pakatan Rakyat kerana penyertaan PPBM.

Tertubuhnya PPBM dan kecergasan pengurusinya, Dr Mahathir untuk mengukuhkan Pakatan Harapan menunjuk-

kan pelbagai petanda. Antaranya ialah keadaan kerajaan Barisan Nasional pimpinan Datuk Seri Najib Tun Razak adalah begitu buruk hinggalah negarawan seperti Dr Mahathir tidak tergamak untuk menyokongnya. Beliau menaakan sistem pemerintahan yang dijalankan oleh Barisan Nasional itu adalah suatu kleptokrasi.

Dengan melawan kleptokrasi, beliau memberi harapan bahawa suatu pembaharuan dapat dilaksanakan terhadap negara. Maknanya keadaan negara hendak diubah daripada apa yang ada selama ini. Tentunya apa yang akan Pakatan Harapan tampilkan bukan saja agenda PPBM tetapi juga agenda Keadilan, DAP dan AMANAHA. Perbezaan pasti ada dan persetujuan perlu di-

capai supaya muncul agenda bersama Pakatan Harapan.

Maka oleh itu agenda Reformasi yang didokong oleh Keadilan, DAP dan Pas (termasuk bakal penyokong-penyokong AMANAHA) dalam Barisan Alternatif dan Pakatan Rakyat sejak tahun 1998 turut sama dilanjutkan oleh Pakatan Harapan.

Perjuangan ini tidak mudah. Apa yang akan diusahakan oleh Barisan Nasional untuk memusnahkan Pakatan Harapan adalah memperkecilkan ketokohan Dr Mahathir di samping menakutkan orang Melayu terhadap DAP. Dengan cara itu, mereka berharap dapat memecah-belahkan semua parti dalam Pakatan Harapan.

Walaupun seinci tanah Johor, Pakatan Harapan tetap pertahan

HUJAH simplistik Dato' Menteri Besar Johor yang mengatakan bukan masalah besar tanah Johor digadaikan kepada orang luar atas alasan ianya hanya 0.01 peratus sahaja daripada keluasan tanah Johor adalah sangat tidak patriotik dan jelas tidak cintakan negara.

Pejuang-pejuang terdahulu sanggup mempertahankan tanah tercinta sehingga ke titisan darah terakhir walau seinci tanah sekalipun.

Kini Menteri Besar Johor seolah-olah ingin menjadi petualang kepada negara dan rakyat negeri Johor.

Adakah beliau sanggup



PENDAPAT
SALAHUDDIN AYUB

melihat sekelumit tanah di Johor digadai kepada negara luar? Adakah Kerajaan Negeri Johor tidak ada idea yang lebih bernas untuk membangun negeri sehingga sanggup membiarkan tanah 0.01 peratus itu?

Johor sangat berpotensi dalam



“ Adakah beliau sanggup melihat sekelumit tanah di Johor digadai kepada negara luar? Adakah Kerajaan Negeri Johor tidak ada idea yang lebih bernas untuk membangun negeri sehingga sanggup membiarkan tanah 0.01 peratus itu? ”

pelbagai bidang yang lain seperti industri pertanian, perdagangan, perindustrian dan yang lebih terkini ialah mendepani revolusi industri keempat.

Jangan hadkan sumber hasil negeri dan potensi negeri kepada

aspek yang akan menjejaskan kedaulatan negara amnya dan negeri khususnya.

Sempena tahun 2018 yang baru berkunjung tiba, menjadi misi besar kita bersama untuk menjadikan Johor sebagai

sebuah negeri maju dan adil ekonominya kepada semua rakyat.

Salahuddin Ayub ialah Timbalan Presiden AMANAH dan Naib Presiden Pakatan Harapan.

Kisah 1MDB dan karya Imam Mawardi

BILA 1MDB membuat bayaran fasa kedua hutangnya dengan IPIC lebih awal daripada tarikh yang ditetapkan, orang ramai bukan gembira sebaliknya curiga. Mereka tertanya-tanya daripada mana “monster” ini mendapat wang untuk membayar hutang yang menelan berbilion ringgit Malaysia itu?

Satu perkara yang pasti, tidak boleh hendak disalahkan orang ramai jika mereka curiga sekalipun mereka tak suci sekalipun. Orang ramai, saya percaya, tidak mudah untuk berpuas hati meskipun berjam-jam hatta berhari-hari atau berdekad-dekad 1MDB bagi penjelasan, apatah lagi jika hanya 2 jam penjelasan.

Mana ada rasionalnya bila hutang berbilion dan selalu membukit daripada menurun dan didedah pula dengan skandal di sini sana di beberapa buah negara.

Negara-negara lain paling kurang ambil tindakan sama ada tangkap dan dakwa “the culprits”, di negara kelahiran 1MDB dengan segala skandalnya, tak ada lagi yang kena dakwa dan tak boleh cakap di Parlimen dan ada orang kata tuduhan ke atas 1MDB masih meraba-raba dan saman



DoJ (Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat) pula satu campur tangan asing!

Meskipun 1MDB nampaknya cuba “menjual” pelan rasionalisasinya, bagi Pakatan Harapan (PH) dan ramai rakyat negara ini, 1MDB ni dan sampai ke tahap “beyond repair”. Malaysia hanya tunggu kerajaan baru untuk “fix the problem”.

Tiba-tiba NST Singapura letupkan berita yang 1MDB dibantu oleh China untuk jelaskan hutang itu. Ya, China sekali lagi. Menurut NST, cara China bantu 1MDB membayar hutang itu adalah dengan dilepaskan pegangan saham 1MDB dalam dua syarikat kepada pembeli yang dikaitkan dengan perusahaan yang dimiliki oleh negara China.

Senangnya, jika dakwaan NST itu tak betul atau fitnah, samanlah akhbar tu di mahkamah Singapura. Berani tak?

Maaf, terlupa ini mungkin campurtangan asing... Lupa nak

“ Negara-negara lain paling kurang ambil tindakan sama ada tangkap dan dakwa “the culprits” , di negara kelahiran 1MDB dengan segala skandalnya, tak ada lagi yang kena dakwa dan tak boleh cakap di Parlimen dan ada orang kata tuduhan ke atas 1MDB masih meraba-raba dan saman DoJ (Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat) pula satu campur tangan asing! ”

berkecualilah.

Ada pemimpin di sini, saya perhatikan dari dulu hingga sekarang, amat gemar mencedok idea-idea pemikiran seorang alim yang menulis sebuah kitabnya yang masyhur mengenai pemerintahan (governance) bertajuk “Al-Ahkam Al-Sultoniyyah wa al-Wilayat Al-Diniyyah”.

Sementelahan saya tak kata pergantungan (reliance) kepada idea-idea atau teori-teori lama dalam pemerintahan yang dcedok daripada khazanah-khazanah lama yang dimanifestasikan daripada karya-karya para ulama silam adalah sepenuhnya salah; namun

saya percaya para ulama silam itu sendiri, jika ditakdirkan mereka masih hidup lagi di zaman ini, berkemungkinan besar akan terkejut melihat masih ada manusia di tahun 2017 mencedok idea-idea pemerintahan yang mereka tulis dalam kitab-kitab bagi keperluan di zaman mereka untuk dilaksanakan dalam abad ini.

Ulama silam seperti Imam Al-Mawardi menulis kitabnya untuk keperluan pemerintahan di zaman itu bagi berdepan dgn waqi’ (realiti) di zaman itu - beliau berkhidmat sebagai diplomat di zaman Abbasiyyah di bawah Khalifah Al-Qaim dan Al-Qadir.

Sudah tentu waqi’ atau realiti atau bentuk pemerintahan zaman itu jauh berbeda dengan

pemerintahan di abad ini dengan wujudnya misalnya perlembagaan bertulis yang mengawal urus tadbir sesebuah negara dan ibarat satu kontrak sosial antara kerajaan dan rakyatnya.

Imam Al-Mawardi sudah tentu tidak salah - beliau menjalankan tugas dan amanahnya untuk keperluan ummah di zaman itu, bukan untuk keperluan ummah di zaman ini.

Bukan apa, kadangkala hasrat kita nak tonjolkan sangat ‘pemerintahan Islam’ hingga Islam itu pula dilihat seolah-olah agama pelik, ganjil dan tak relevan yang semacam tak boleh sesuaikan dirinya dengan keadaan semasa.

Sedangkan Islam itu amat mengambil kira perkara-perkara “al-thawabit” (tetap) dan perkara-perkara yang dipanggil “al-mutaghayyirat” (anjali, berubah-berubah atau fleksibel).

Dan hakikatnya, politik (al-siyasah) itu ‘nature’nya bukan perkara yang tetap, keras dan kejung. Allah lebih mengetahui.

Mohamed Hanipa Maidin ialah Pengerusi Biro Undang-undang (Kanun) AMANAH dan Ahli Parlimen Sepang.

Kos sara hidup meningkat kesan polisi pusat

SHAH ALAM: Kenyataan bekas pegawai Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri, Isham Jalil bahawa polisi kerajaan negeri menyebabkan kos sara hidup di Selangor meningkat adalah terlalu dangkal.

Pengarah Komunikasi Strategik Pejabat Menteri Besar, Yin Shao Loong berkata, kerajaan negeri sebaliknya melaksanakan pelbagai program untuk mengurangkan beban rakyat antaranya mengecualikan cukai pintu terhadap 790,443 rumah kampung dan kos rendah dengan impak kos RM113 juta.

Katanya, fi lesen niaga juga dikecualikan terhadap 162,010 peniaga dengan kos RM19.3 juta sejak 2016 dan hanya bayaran nominal RM1,000 dikenakan bagi pemilikan tanah kediaman kepada 5,317 peneroka tanah yang tidak mampu membayar premium.

"Kerajaan negeri juga tidak pernah meminda Kaedah-kaedah Tanah Selangor 2003 dan kekal komited dengan tarif cukai tanah semasa bagi semua jenis hartanah di Selangor sejak 14 tahun lalu," jelas beliau.

Yin menambah, kenyataan Isham adalah andaian semata-mata kerana punca kos sara hidup rakyat meningkat disebabkan penarikan subsidi barangan memasak dan petrol, kemerosotan ringgit serta pengenalan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) oleh Kerajaan Persekutuan.

Shao Loong berkata, Laporan Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah 2016 oleh Jabatan Perangkaan menunjukkan penduduk Putrajaya dan Kuala Lumpur di bawah BN paling banyak mengeluarkan perbelanjaan bulanan isi rumah.

"Adakah ia berpunca daripada cukai dan kos berkaitan hartanah, perumahan dan premis perniagaan di Wilayah Persekutuan?"

"Dijangkakan, kos sara hidup rakyat bakal naik mendadak, susulan arahan Kerajaan Persekutuan mahu majikan membayar levi pekerja asing, berkuatkuasa 1 Januari 2018.

"Pastinya majikan terpaksa memindahkan kos itu kepada pengguna dan menyebabkan saiz poket rakyat terus menguncup," katanya.

Pada 26 Disember lalu, Isham mendakwa kenaikan kos sara hidup di Selangor berpunca daripada cukai dan kos berkaitan hartanah, perumahan dan premis perniagaan dikenakan Kerajaan Negeri.

Katanya, di bawah pemerintahan BN, kadar bagi cukai berkaitan hartanah dan premis perniagaan di Selangor dan Pulau Pinang tidak setinggi apa yang dikenakan sekarang.

Beliau dilapor berkata demikian pada program Ruang Bicara bertajuk 'Trend Pemikiran Pengundi Cina' terbitan *Bernama News Channel*.

Pengerusi KPK wajar letak jawatan, kata Husam

KOTA BHARU: Pengerusi Lembaga Pengarah Kompleks Perakayuan Kelantan (KPK) perlu bertanggungjawab terhadap kekalahan sekali lagi di Mahkamah Tinggi Kota Bharu, baru-baru ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Salor, Datuk Husam Musa dalam kenyataannya berkata adalah pelik jika tiada pihak yang mahu bertanggungjawab menghadapi situasi ini.

"Saya tidak tahu sama ada pengerusi dan ahli lembaga pengarah KPK berkaitan masih ingin memegang atau meletakkan jawatan mereka," katanya.

Mahkamah Tinggi Kota Bharu semalam mengarahkan KPK membayar sejumlah RM5,012,104.10 kepada AS Timber Trading kerana mengingkari kontrak.

Mengulas keputusan mahkamah itu, Husam yang juga bekas Exco Kerajaan Negeri Kelantan tidak pasti sama ada KPK mempunyai kemampuan membayar ganti rugi ini jika ia memutuskan untuk tidak merayu.

"KPK mempunyai masa 30 hari untuk merayu atas keputusan itu. Apa pun, ia merugikan rakyat Kelantan," katanya.

Beliau yang juga Pengerusi Pakatan Harapan (PH) negeri berkata, jika lembaga pengarah KPK bertindak meletakkan jawatan, ia akan memberi imej positif kepada kerajaan negeri.

"Sekurang-kurangnya Menteri Besar dan Pas Kelantan dilihat mengambil iktibar atas kelemahan KPK dan bertindak sewajarnya.

"Jika tidak, taring mereka sebagai Pengerusi dan Ahli Lembaga kelihatan begitu digeruni," katanya.

Datuk Bandar MBPP dilantik ke jawatan PBB

GEORGE TOWN: Perlantikan Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) sebagai Pengarah Eksekutif United Nations' Human Settlements Programme (UN-Habitat) amat membanggakan negeri ini kerana ia bukan calang-calang jawatan.

Ketua Menteri Lim Guan Eng berkata, pemegang jawatan itu dipilih Setiausaha Agung PBB, dibentangkan sebagai usul dan disokong oleh semua negara anggota Pertubuhan Bangsa Bersatu (PBB).

Berucap pada Majlis Angkat Sumpah Penerimaan Jawatan Ahli Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) bagi tempoh 1 Jan hingga 30 Jun 2018, Guan Eng menambah, dalam tempoh 61 tahun tiada seorang pun rakyat Malaysia sama ada di peringkat persekutuan, negeri atau tempatan dipilih ke jawatan setinggi itu.

"Saya nak ucapkan tahniah (kepada Datuk Maimunah Mohd Sharif) walaupun berat untuk melepaskan beliau," jelasnya di Dewan Bandaraya, dekat sini, 3 Jan lalu.

Selain Maimunah, turut berucap Exco



Maimunah mengiringi Guan Eng dan anggota Exco melawat pameran.

Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow.

Hadir sama anggota Exco Kerajaan Negeri dan ahli-ahli Dewan Undangan Negeri (Adun).

Kon Yeow yang juga Adun Padang Kota turut menasihati anggota pentadbiran agar terus meningkatkan mutu perkhidmatan bagi manfaat rakyat.

Menurut beliau, kerajaan negeri, MBPP dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) mesti dilihat gagah pada mata rakyat.

Pada majlis itu, Maimunah menjelaskan mengenai Buku Target MBPP 2018 iaitu makalah mengenai aspirasi pentadbirannya.

Adun Bukit Baru dipelawa sertai AMANAH

BUKIT KATIL: Ketua AMANAH Kawasan Bukit Katil, Mohd Sofi Abdul Wahab berkata, sudah sampai masanya Adun Bukit Baru Dr Md Khalid Kassim dan tiga orang kanannya memikirkan hala tuju politik yang baharu.

"Bukan jadi rahsia lagi Dr Md Khalid Kassim berperang dingin dengan Pas Kawasan Bukit Katil dan Badan Perhubungan Pas Negeri Melaka.

"Beliau sekarang ini dilihat bergerak sendiri bersama tiga penyokong kuat beliau iaitu Yusof Wahab, Yayah Md Deris dan Ibrahim Duralim," kata beliau.

Kata Sofi, semua program Dr Md Khalid diatur sendiri tanpa sokongan dan dokongan Pas negeri dan Pas Kawasan Bukit Katil.

Perkara ini terjadi katanya, selepas Dr Khalid dan ketiga-tiga pendokongnya tewas pada pemilihan parti tahun lalu.

"Berlaku pertembungan antara mereka dan pimpinan Pas Kawasan sekarang sehingga mereka semua tewas dengan perancangan kepimpinan sekarang.

"Sejak itu mereka tidak memegang apa-apa jawatan di peringkat negeri maupun kawasan.

"Hanya Pas Pusat yang menghargai ketokohan dan pengalaman Dr Khalid dengan me-

lantik Adun tunggal Pas Melaka itu menjadi AJK Pas Pusat," kata Naib Pengerusi Pakatan Harapan (PH) Melaka itu.

Menurut Sofi, Dr Khalid dan tiga orang kanannya itu sering 'diserang' pemimpin Pas negeri dan kawasan pada program-program dalaman parti dan program-program umum di surau dan markas.

"Tindakan Pas Negeri dan Kawasan itu jelas membelakangkan Pas Pusat yang melantik Dr Khalid sebagai AJK Pas Pusat.

"Sejak itu Dr Khalid dan orang-orang kanannya sangat jarang dilihat hadir pada program-program anjuran Pas Negeri dan Kawasan,

" sambung beliau.

Menurut Sofi, AMANAH membuka pintu seluas-luasnya untuk mereka demi meneruskan perjuangan Islam yang membawa rahmat ke seluruh alam.

"Perjuangan kami merentasi sempadan perkauman, agama dan ideologi.

"Dr Khalid sudah pasti dihargai dan diberikan peranan yang sesuai dengan karisma, kepakaran dan ketokohan beliau di dalam AMANAH di semua peringkat," katanya.

Tidak wajar musnah usaha kreatif anak muda

Oleh AKMAL HAZIQ

MELAKA: Tindakan Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) menghalang usaha sekumpulan anak muda mengubah kawasan bangunan bekas kilang dedak lama di Jalan Tun Ali, dekat sini bagi tujuan riadah adalah tidak wajar.

Timbalan Pengerusi AMANAH Negeri Melaka, Mohd Sofi Abdul Wahab berkata, kumpulan anak muda itu mengambil inisiatif membersihkan kawasan dipenuhi sampah dan sarang penagih itu kepada tempat rekreasi untuk anak-anak muda.

Atas usaha mereka, sebahagian permukaan dinding bangunan usang berkenaan telah dihiasi dengan lukisan grafiti hasil kreativiti anak remaja tempatan dan pelancong asing.

Usaha dilakukan sejak dua tahun lalu ternyata berhasil apabila kawasan berkenaan menjadi tumpuan ramai penggemar sukan

skateboard termasuk pelancong asing.

Ia turut menarik minat ramai pasangan pengantin pelbagai bangsa mengadakan penggambaran, malah beberapa artis tempatan juga dikatakan pernah menjalankan penggambaran video klip mereka di situ.

Difahamkan, lebih RM15,000 dihabiskan untuk menceriakan kawasan berkenaan menerusi wang yang dikumpul dari poket kalangan mereka serta sumbangan beberapa ahli politik dan tokoh perniagaan.

Semua itu dibelanjakan dengan hasrat untuk membersihkan kawasan berkenaan serta kos membeli pelbagai kemudahan riadah termasuk lampu limbah dan mesin janakuasa.

Bagaimanapun usaha yang mereka lakukan selama ini telah dimusnahkan pihak berkuasa tempatan (PBT) yang bertindak memadamkan semua lukisan grafiti, bahkan beberapa kemudahan riadah di situ turut diangkut.

Datuk Bandar Majlis Bandaraya Melaka

Bersejarah (MBMB), Datuk Zainal Hussin dilaporkan berkata, pihaknya tidak membenarkan kumpulan remaja berkenaan mencongak dinding terbabit.

Sambil menyifatkan tempat itu sebagai tidak sesuai dijadikan pusat riadah, beliau berharap kumpulan anak muda tersebut mencari lokasi baru untuk bermain skateboard kerana kawasan terbabit adalah bangunan industri lama dan berbahaya.

MBMB juga merancang untuk membuat balai seni lukis kontemporari bernilai RM40 juta di tapak berkenaan, kata Zainal dilaporkan *Sinar Harian*.

Sofi bagaimanapun berpendapat, usaha kumpulan remaja itu sepatutnya disokong dan digalakkan kerana ia membantu mencantik dan menceriakan suasana tapak kilang tinggal itu.

Kumpulan anak muda itu, katanya tidak melanggar peraturan atau mengganggu orang awam malah dapat memupuk aktiviti yang sihat di kalangan mereka.

"Cadangan saya supaya MBMB dapat mengadakan perbincangan dengan remaja terbabit bagi membangunkan tempat yang ada. Idea kreatif mereka ini sepatutnya dihargai dan dipupuk," kata beliau.

Sementara itu, Ketua Angkatan Wanita AMANAH (Awan) Melaka, Mahani Othman Basir berkata, usaha kreatif anak muda berkenaan sepatutnya dimanfaatkan bagi membantu membendung gejala tidak sihat di kalangan remaja.

"Kebanyakan remaja yang terjebak dengan gejala sosial adalah mereka yang tidak punya aktiviti, tiada tumpuan dalam kehidupan seharian. Mereka banyak menghabiskan waktu begitu sahaja, lepak bersama rakan sebaya dan mudah terjebak dengan perkara-perkara negatif," kata beliau.

Tambah Mahani, apa yang dilakukan oleh kumpulan anak muda ini perlu dihargai.

Remaja, katanya perlu diberikan bimbingan ke arah kegiatan yang lebih positif sekaligus memberikan manfaat kepada mereka.

RM9 juta wang khairat kematian belum diagih

ALORSETAR: Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Ahmad Bashah Md Hanipah perlu segera menjelaskan mengapa kerajaan negeri gagal mengagihkan wang khairat kematian kepada keluarga waris yang kini mencecah lebih RM9 juta.

Timbalan Ketua Pemuda AMANAH Kedah Abdullah Suady Ramadhan Mohd Nasir mahu Ahmad Bashah menjelaskan sama ada kerajaan negeri tidak mempunyai dana yang cukup bagi menunaikan janji kepada rakyat.

"Ataupun terdapat keraguan mahupun

kecuaian dalam pengurusan untuk menyalurkan dana yang telah dijanjikan selepas mereka memenangi pilihan raya umum yang lalu," jelasnya.

Beliau berkata, penjelasan ini amat penting kerana rakyat ingin tahu status pelaksanaan skim tersebut.

"Apakah skim khairat yang menjanjikan pembayaran sebanyak RM250 bagi setiap kes itu sudah tidak wujud lagi.

"Sekiranya ia tidak mempunyai peruntukan mahupun masalah pengurusan, maka kerajaan negeri wajar menjelaskan kepada

rakyat," ujarnya.

Sehingga kini, kerajaan negeri gagal menyerahkan sumbangan khairat kematian kepada lebih 32,000 waris simati.

Sejak 2014 hingga Julai 2017, lebih 40,000 kes kematian berlaku di negeri ini sedangkan jumlah waris simati yang menerima sumbangan kerajaan negeri hanyalah seramai 7,397.

Oleh kerana itu katanya, rakyat Kedah seharusnya menyedari bahawa sejak menerajui kepimpinan kerajaan negeri terlalu banyak janji pilihan raya yang

gagal ditunaikan BN.

"Janji mereka hendak bina Hospital Pendang pun jadi angan-angan hingga kini.

"Begitu juga ura-ura nak bina Lapangan Terbang Kulim pun tidak nampak bayang.

"Apa lagi dengan janji hendak wujudkan Bandaraya Getah di Kedah untuk beri peluang pekerjaan yang begitu banyak tidak juga menjadi kenyataan," ujarnya.

Sehubungan itu Abdullah Suady menyeru rakyat negeri ini agar melakukan perubahan pada PRU akan datang dan menolak BN yang diterajui Umno kerana gagal menunaikan janji.



HULUR SIMPATI... Pengerusi AMANAH Negeri Kedah, Datuk Dr Ismail Salleh menziarahi dua keluarga mangsa kebakaran di Jalan Kuala Kedah, 31 Dis lalu. Beliau bertanya khabar keluarga mangsa sambil menyampaikan bantuan AMANAH bagi meringankan beban musibah yang ditanggung keluarga terbabit.



PASAR PEDULI RAKYAT... AMANAH Kawasan Dungun mengadakan satu kelainan apabila mengadakan Pasar Peduli Rakyat di Pasar Malam Nibong, Dungun, 17 Dis lalu. Pelbagai barangan keperluan dapur seperti gula dan minyak masak dijual dengan harga murah kepada orang ramai. Sejumlah 200kg gula dan 100kg minyak masak habis terjual dalam masa yang singkat. Antara yang hadir di lokasi program ialah Ketua AMANAH Kawasan Dungun, Zulkifli Ali dan ahli-ahli jawatankuasa AMANAH kawasan.

Program peduli rakyat medan dekati masyarakat

PARIT BUNTAR: Program ziarah peduli rakyat yang digerakkan AMANAH Parit Buntar bertujuan mendekati rakyat khususnya mereka yang uzur dan kurang berkemampuan.

Ahli Parlimen Parit Buntar Datuk Dr Mujahid Yusuf Rawa berkata, pendekatan yang diambil AMANAH untuk sentiasa turun ke akar umbi bagi menyampaikan bantuan sudah dilaksanakan sejak AMANAH ditubuhkan di daerah ini.

"Hari ini, kita berkunjung ke beberapa rumah yang dikenal pasti ada penghuninya kurang sihat, warga emas dan ibu tunggal bagi bertanya khabar dan menyampaikan sumbangan.

"Pendekatan ini bertepatan dengan slogan Amanah, Progresif, Peduli," katanya ketika ditemui semasa menziarahi seorang warga emas yang uzur di Sungai Betul, dekat sini.

Turut bersama dalam program ziarah peduli rakyat ini ialah Ketua Pemuda AMANAH Perak Hasnul Zulkarnain Abdul Munaim, Ketua Komunikasi AMANAH Parit Buntar dan Ketua Cawangan AMANAH Sungai Betul, Abdul Razak Teridi.

Menurutnya, AMANAH menzahirkan komitmen membantu rakyat di samping berjuang menyelamatkan negara yang terbebani dengan pelbagai masalah.

Dr Mujahid menambah, AMANAH bersama rakan-rakan parti lain dalam Pakatan Harapan bertekad mahukan perubahan bagi memastikan rakyat terbela.

"PH komited bersama rakyat untuk melangkah setapak lagi bagi memastikan harapan menggunung rakyat dapat menjadi realiti.

"Kita bukan pembangkang sebaliknya kita pejuang bersama rakyat menyelamatkan negara yang sedang diruntuhkan akibat amalan kleptokrasi," katanya.



Dr Mujahid dan Hasnul menziarahi warga emas yang uzur di Kampung Sungai Betul.

Jika nak berkecuali, cakap awal-awal

BACHOK: Ahli parlimen yang berhasrat untuk berkecuali dalam isu-isu membatalkan kepentingan rakyat ketika persidangan Dewan Rakyat dicabar menyatakan pendirian sebenar semasa kempen pilihan raya umum (PRU) nanti.

Timbalan Ketua AMANAH Kawasan Bachok Datuk Ismail Ghani berkata, adalah aneh bila mereka yang dipilih rakyat untuk menjadi 'semak dan imbang' parti pemerintah bertindak berkecuali.

"Dalam sistem kita hanya ada dua pihak dan di Dewan Rakyat ahlinya hanya ada dua kategori sama ada penyokong kerajaan atau pembangkang.

"Wakil rakyat bebaspun kalau mereka tidak menyokong kerajaan, diletakkan di bahagian pembangkang," katanya ketika berucap di program Dialog Kedai Kopi (DKK) di Kampung Pauh Sembilan, dekat sini, baru-baru ini.

Turut hadir di majlis itu ialah pengerusi AMANAH negeri Datuk Wan Abdul Rahim Abdullah serta pimpinan AMANAH Kawasan Bachok.

Ismail pernah berkhidmat sebagai penolong ketua jajahan (ADO) dan kemudiannya menjawat jawatan ketua jajahan



Ismail Ghani sedang berucap di majlis Dialog Kedai Kopi (DKK) di Kampung Pauh Sembilan.

(DO) Bachok.

Tugas pembangkang, katanya bercakap bagi pihak rakyat yang teraniaya akibat dasar-dasar kerajaan dan tindakan-tindakan menyalahweng dalam pentadbiran negara.

"Dalam konteks kita sekarang, berlaku penyalahweng dalam pelbagai agensi kerajaan termasuk di peringkat tertinggi.

"Negara kita dikejutkan dengan isu 1MDB yang telah kecoh di seluruh dunia.

"Agensi-agensi utama seperti Tabung Haji, KWSP, Tabung Angkatan Tentera, Kumpulan Wang Pencen dan Felda kini penuh dengan kontroversi.

"Terbaru timbul isu tanah Felda berharga di tengah kota Kuala Lumpur bertukar tangan

tanpa perolehan satu senpun," katanya.

Beliau hairan di tengah-tengah kemelut seperti ini, wujud wakil-wakil rakyat yang berkecuali apabila diminta menolak rancangan kerajaan.

"Bagi saya ini satu pengkhianatan kepada rakyat. Seperti yang sentiasa saya diajar oleh arwah Tok Guru Nik Aziz, kita mesti membangkang kemungkaran dalam hal penyalahweng dana rakyat.

"Wakil rakyat seperti ini saya cabar bila berunding dalam pilihan raya nanti berterus terang kepada rakyat bahawa mereka akan berkecuali bila berada dalam Dewan Rakyat selepas dipilih," katanya.

Pada persidangan belanjawan akhir tahun lalu, ahli-ahli parlimen Pas dua kali bertindak berkecuali.

Pertama ketika pembangkang membuat keputusan mengundi untuk menolak bajet.

Kali kedua apabila pengundian dibuat untuk menolak perbekalan kepada Kementerian Perniagaan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna yang antara lain bertugas mengawal selia pelaksanaan GST.

Ahli Parlimen Bukit Gantang dan Rantau Panjang telah berkecuali menyebabkan pihak kerajaan menang dengan hanya satu undi.

Program Kembali ke Sekolah ringan beban persekolahan



Beramah mesra dengan penerima bantuan Kembali ke Sekolah.

LUMUT: Seramai 20 orang murid sekolah rendah dari keluarga asnaf di sekitar bandar Seri Manjung menerima bantuan pakaian dan peralatan sekolah sumbangan AMANAH Kawasan Lumut, 27 Dis lalu.

Program Kembali ke Sekolah itu diadakan di sebuah pasaraya di Seri Manjung.

Setiap pelajar diberikan had pembelian RM100 seorang.

Program dihadiri Ketua AMANAH Kawasan Lumut Badrul Bulat.

Menurut Penyelia DUN N51 Pasir Panjang merangkap Timbalan Ketua AMANAH Kawasan Lumut Yahaya Mat Nor, program ini diadakan bertujuan meringankan beban

keuangan ibu bapa dalam membiayai persekolahan anak-anak mereka.

"Dengan keadaan ekonomi yang semakin merudum, kenaikan kos sara hidup yang melampau dan peluang pekerjaan yang terhad terutama di kawasan Lumut, semakin ramai penduduk yang kurang berkemampuan untuk menampung keperluan persekolahan anak-anak.

"Program ini juga dapat memberi sokongan moral kepada ibu bapa dan murid-murid," kata Yahaya.

Menurutnya, rogram ini akan diteruskan lagi bagi mengeratkan hubungan AMANAH dan masyarakat.

Bantu sekolah pondok tingkat piawai keselamatan



Sejumlah 15 pondok di Madrasah Muhammadiyah terbakar hangus.

KOTA BHARU: Sekolah-sekolah pondok yang kebanyakannya didirikan sebelum wujudnya piawai keselamatan untuk pusat-pusat pendidikan perlu dibantu supaya institusi tradisional ini tidak terdedah kepada risiko kebakaran atau bencana lain.

Ketua Wanita Pakatan Harapan (PH) Kelantan Norashidah Jaafar berkata sumbangan besar kepada negara yang telah dilakukan oleh sekolah-sekolah pondok harus dibalas dengan perhatian khusus oleh pihak berkuasa.

"Kerajaan PH setelah mendapat mandat rakyat pada PRU14 nanti perlu meletakkan agenda ini sebagai keutamaan.

"Kita sudah tidak mampu untuk menanggung kesedihan apabila berlaku tragedi demi tragedi kepada institusi warisan yang amat berharga ini," katanya kepada media selepas mengetuai lawatan ke Madrasah Muhammadiyah Pondok Beta Hilir, dekat sini, baru-baru ini.

Lawatan yang disertai para pemimpin utama Wanita PH Kelantan itu mengunjungi isteri pengasas pondok berkenaan Wan Halimah Bakar.

Penyelesaian kepada masalah spesifikasi keselamatan sekolah-sekolah pondok kata Norashidah hanya boleh diselesaikan jika pihak kerajaan mengambil tanggung jawab penuh.

"Tidak cukup dengan akta-akta yang di-



Norashidah menyampaikan sumbangan kepada Wan Halimah.

wujudkan bagi mengawal institusi-institusi pendidikan biasa.

"Ini kerana kedudukan kewangan sekolah pondok amat terhad dan pembinaannya pula dibuat pada zaman di mana aspek-aspek keselamatan berkaitan teknologi baru seperti elektrik dan penggunaan dapur gas belum wujud," katanya.

Walau bagaimanapun, beliau menyeru orang ramai khususnya ibu bapa yang menghantar anak-anak mereka ke sekolah pondok dan agama rakyat turut prihatin terhadap masalah keselamatan.

"Kepada mereka yang ada kepakaran perlu memberi nasihat kepada pentadbir-pentadbir, manakala golongan yang berkemampuan perlu menyumbang bagi menaik taraf sistem keselamatan supaya

setanding dengan pusat-pusat pendidikan yang diiktiraf," katanya.

Wanita PH turut menyampaikan derma khas sempena lawatan itu.

Pada kejadian 28 Disember lalu, 14 pondok kediaman di Madrasah Muhammadiyah musnah dalam kebakaran yang berlaku bermula jam 7.45 malam.

Kepada mereka yang ingin turut menderma bolehlah berhubung terus dengan pihak pentadbir di talian 012 984-5040 (Mudir) dan 019 9060874 (Naib-Mudir) serta 013 4427096 (Pejabat).

Penderma boleh memasukkan terus ke akaun madrasah 0301 0002 3647 11 (Bank Muamalat) atau 0355 0420 0001 616 (BSN).

Wanita PH Kelantan mahu ramai calon wanita

KUBANG KERIAN: Kehadiran calon-calon wanita dari semua parti anggota Pakatan Harapan (PH) perlu diberi pertimbangan serius menjelang pilihan raya umum (PRU) akan datang.

Pengerusi Wanita PH Kelantan Norashidah Jaafar berkata, isu berkenaan adalah antara topik utama dalam perjumpaan pihaknya dengan pengerusi PH Kelantan, Datuk Husam Musa.

"Bagi kita perkara ini perlu diberi perhatian awal supaya pihak wanita boleh mengemukakan dengan cermat cadangan-cadangan calon yang sesuai.

"Ini kerana pihak pimpinan tentulah memerlukan masa yang cukup untuk meneliti calon-calon yang kita kemukakan," katanya ketika ditemui selepas pertemuan wanita PH Kelantan dengan Datuk Husam Musa di Pejabat AMANAH Kubang Kerian, dekat sini, baru-baru ini.

Sejak awal penubuhan AMANAH, katanya soal penyertaan wanita dalam kumpulan pembuat keputusan di semua peringkat organisasi begitu ditekankan.

"AMANAH sejak awal menerima



Delegasi Wanita PH Kelantan bergambar dengan Husam setelah pertemuan di Pejabat AMANAH Kubang Kerian.

konvensyen beberapa badan antarabangsa yang mahu penyertaan sekurang-kurangnya 30% wanita dalam kumpulan berkenaan.

"Dalam konteks penyertaan wanita sebagai calon pilihan raya di negara ini, hampir semua parti menerimanya tanpa

masalah.

"Dengan penubuhan PH yang merupakan parti berinspirasi masa depan, perkara ini tentulah perlu menjadi agenda utama," katanya.

Untuk waktu ini katanya, memang kita sedar masyarakat masih sukar menerima

jumlah calon wanita yang ramai dalam pilihan raya.

"Dalam perbincangan tadi, kita diberitahu oleh Datuk Husam tentang usaha yang sedang dilakukan oleh kerajaan negeri Pulau Pinang untuk mewujudkan Adun yang dilantik selain yang dipilih melalui pilihan raya.

"Datuk Husam berharap cadangan ini akan memberi laluan kepada lantikan Adun-Adun wanita yang lebih ramai dalam dewan negeri.

"Kita berharap PH setelah memerintah nanti memberi pertimbangan serius kepada cadangan ini," katanya.

Berkenaan imej pergerakan wanita yang kini mengikut parti masing-masing, beliau berkata satu formula perlu disegerakan.

"Kita mahu ada imej bersama atas nama PH dan bukan lagi atas nama parti masing-masing.

"Datuk Husam bersetuju untuk membawa persoalan ini kepada pihak pimpinan tertinggi walaupun hasrat untuk mendaftarkan satu simbol belum berjaya," katanya.

Jalan keluar buat 'haters' PH dan Mahathir

KETIKA gendeng pilihan raya umum ke-14 (PRU-14) sudah dipalu dan dijangka berbaki beberapa bulan sahaja lagi untuk Datuk Seri Najib Razak membubarkan Parlimen, suara-suara kritikal semakin jelas ketika Pakatan Harapan (PH) diuar-uarkan menamakan Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai calon Perdana Menteri.

Penolakan ini mudah difahami memandangkan mantan Perdana Menteri selama 22 tahun itu amat sinonim dengan rantaian tragedi duka aktivis-aktivis oposisi ketika beliau di puncak kuasa. Permohonan maaf yang dilontar kelmarin juga - walau dituntut ramai pihak sebelum itu - telah diperlekeh sebagai 'tidak ikhlas' dan 'maaf orang politik'.

Terkini telah bergerak kerja-kerja propaganda membandingkan kepimpinan Najib dan kepimpinan Mahathir ketika keduanya memimpin jemaah menteri. Barisan Nasional (BN) dan Pas kelihatan mahu menjustifikasi Najib lebih baik, sementara organ penerangan PH dilihat terus menyerang kebobrokan Najib, walau tidak atau belum lagi masuk ke 'mode' mempertahankan Mahathir.

Dilema pastinya menyelubungi pihak yang tolak BN, Najib dan Pas, tetapi tidak setuju dengan PH dan Mahathir. Kelompok mahasiswa dan aktivis yang tersangkut di tengah-tengah ini wujud dan

masih tetap di situ. Sekali-sekala memunculkan diri dalam protes dan forum-forum awam.

Boikot undi

Keadaan ini berlarutan lama dan telah muncul pun gerakan-gerakan kempen ke arah undi rosak dan boikot undi yang dimaklumi umum, pasti memenangkan BN. Lantas bagaimana? Nah, mari kita berbincang dan melontar pandangan.

Sekurang-kurangnya buat bekal dan pertimbangan aktivis-aktivis di luar yang masih belum menentukan destini perjuangan. Kalau pun sudah terlewat, jauh lebih baik dari terus bergundah-gulana sekadar meluahkan di muka buku. Mudah-mudahan mampu menggarap tenaga yang berbaki untuk melengser BN dan memancang reformasi menyeluruh.

Cadangan ini mungkin sukar, tapi berbaloi jika dijayakan; iaitu, ditubuhkan sebuah parti politik baharu, dipimpin orang muda dan bercitra nasional. Sebuah parti politik dengan garapan idea bernegara yang lebih ampuh dan berpengaruh daripada Mahathir dan Najib.

Parti ini pula mesti sekurang-kurangnya bertanding sebanyak 112 kerusi Parlimen dalam PRU-14 dan menyasarkan pembentukan kerajaan di peringkat

Persekutuan. Maaf, ini bukan olok-olok, apa lagi cadangan yang main-main sifatnya.

Masa sudah tidak banyak dan rakyat memerlukan ketumbukan politik yang meyakinkan. Kalau sekadar bergerak atas nama NGO dan bertanding beberapa Parlimen atas tiket bebas, itu bukan kerja serius. Malah tidak berpadanan dengan nilai aktivisme dan semangat perubahan yang membuak-buak. Isu kewangan pastinya tidak menjadi masalah asalkan sahaja mampu diyakinkan publik dengan dasar dan tawaran polisi unik dan holistik.

Pesimis

Ketika Emmanuel Macron menubuhkan *La République En Marche!* (LaREM), sosok itu tidak merintis jalan mudah. Bukan sedikit yang pesimis, apa lagi yang bertindak untuk menggagalkan. Kesemua cabaran ditempuh dengan semangat perlawanan jitu. Membina pasukan yang betul. Membentuk sukarelawan yang aktif. Tidak menyerah, apa lagi mengaku kalah. Bulan demi bulan bergerak dengan keterbatasan kewangan, namun akhirnya Macron dan LaREM dipilih majoriti rakyat Perancis dengan kemenangan penuh bergaya.

Nah, mengapa sebagai pemimpin



muda PH aku mengusulkan pandangan ini? Kerana aku tidak mahu bakat muda dan tenaga berpengalaman ini terbazir dan akhirnya mengekalkan BN - tanpa mereka sedari. Aku mahu setiap inci langkah yang terhayun akhirnya membebaskan rakyat. Setidak-tidaknya, kalau HARAPAN gagal untuk meleraikan BN dari pautan kuasa, ada saingan politik lain yang mampu mengibarkan bendera perubahan di peringkat Persekutuan. Berjuang dan membentuk kerajaan baharu pasca PRU-14. Baik, aku selesai mencadang.

Sekarang apa kata kalian? Berani sahut saranan ini?

■ **Penulis ialah Naib Ketua Pemuda AMANAH Nasional dan Pengarah Mobilisasi Pemuda HARAPAN Malaysia.**

Menjawab Eric See-To mengenai hutang negara

“Jumlah hutang negara kurang mengikut KDNK, tetapi rakyat merasa beban daripada pembayaran faedah yang semakin tinggi...”

Oleh **HASSAN SAZALI**

TIMBALAN Pengarah Komunikasi Strategik Barisan Nasional, Eric See-To baru-baru ini menulis berkaitan hutang negara.

Beliau menyatakan jumlah hutang negara tidak akan mengakibatkan negara muflis seperti mana yang disuarakan oleh penyokong-penyokong Dr Mahathir.

Dakwaan Eric ini sememangnya benar, kadar jumlah hutang negara ia itu pada 50.7% tidak akan mengakibatkan negara muflis.

Jika demikian, negara lain seperti Singapura atau Jepun yang mempunyai kadar hutang negara masing-masing pada 112% dan 250% sudah pasti muflis terlebih dahulu.

Walaupun bagaimanapun, Eric harus sedar bahawa kadar hutang negara yang meningkat dari RM362 bilion pada tahun

2009 kepada RM687 bilion pada 2017 memberi kesan yang signifikan kepada belanjawan kerajaan.

Meskipun berdasarkan nisbah debt-to-GDP kekal sama iaitu pada kadar 51%, kesannya dapat dilihat pada jumlah perbelanjaan pembayaran faedah hutang tersebut.

Pada 2009, pembayaran kadar faedah mengikut perbelanjaan operasi hanyalah sekitar 9.1%. Jumlah ini meningkat kepada 13.1% pada tahun 2017 iaitu peningkatan kira-kira 4% dari jumlah keseluruhan perbelanjaan operasi.

Pada 2018, jumlah hutang negara dianggarkan meningkat kepada RM722 bilion ataupun kira-kira 50% KDNK negara, namun kos pembayaran faedah dijangka kekal serupa iaitu pada kadar 13.2% mengikut perbelanjaan operasi.

Peningkatan kos pembayaran faedah hutang ini sememangnya memberi kesan kepada perbelanjaan pembangu-

nan negara. Pada 2009, perbelanjaan pembangunan negara adalah sekitar 24% daripada keseluruhan belanjawan kerajaan.

Namun kini, perbelanjaan pembangunan negara berkurangan hampir 10% kepada 14% pada tahun 2018 yang merupakan jumlah terendah dalam tempoh 10 tahun kebelakangan ini.

Harus diingatkan perbelanjaan pembangunan merupakan pelaburan jangka masa panjang yang akan memacu pertumbuhan ekonomi negara. Perbelanjaan ini akan digunakan untuk membina hospital, sekolah, sistem pengangkutan dan sebagainya yang memberikan manfaat kepada orang ramai.

Eric tidak perlulah berbangga dengan pengurangan jumlah hutang negara mengikut KDNK tatkala rakyat merasa beban dek pembayaran faedah yang semakin meningkat. Kadar hutang isi rumah juga masih tinggi pada 84.6%

pada 2017 berbanding pada tahun 1997 iaitu hanya sekitar 43%.

Bukan sahaja kadar hutang isi rumah semakin meningkat, kadar tabungan juga rendah iaitu hanya 0.9% mengikut laporan Jabatan Perangkaan Malaysia 2014. Penurunan 0.5% dari 1.4% pada tahun 2013 mengikut laporan yang dikeluarkan oleh Institut Penyelidikan Khazanah.

Sejujurnya, Eric harus menasihati kerajaan agar berbelanja dengan berhemah pada tahun ini seperti mengurangkan peruntukan kepada JASA, BTN dan mana-mana agensi berkaitan yang tidak bermanfaat kepada orang ramai agar defisit RM40 bilion tahun ini dapat dikurangkan pada tahun-tahun yang akan datang.

■ **Hassan Sazali ialah pembaca FMT.**

What the World Bank and IMF say about Malaysian economy

“The higher estimates for Malaysia are thus in tandem with international developments and have little to do with either better policies or improved economic fundamentals.”

By **LIM KIT SIANG**

IN past week the World Bank and the IMF have issued reports and statements concerning the Malaysian economy. The IMF released a brief statement entitled IMF Staff Completes 2018 Article IV Visit to Malaysia while the World Bank published its report in the Malaysia Economic Monitor.

The IMF note highlighted in highly nuanced language, in summary form, the outcome of the Annual Article IV Consultations with the Government.

The highlights made reference to recent economic performance and revised forecasts for the current year and expected growth in 2018. The revisions in the estimated and projected GDP growth rates for Malaysia are thus in step with revisions that the IMF has made for almost all countries since it issued its earlier estimates and forecasts.

Beyond the reference to growth prospects the statement took up a number of other policy concerns. It made veiled statements about the need for “higher revenues”—alerting all and sundry that taxes will have to be raised; it reminded the need to implement the adjustment programs outlined in the 11th Five Year Plan; etc. meaning that reform policies are not being implemented. The statement is thus a rap on the Government’s knuckles.

It is not inappropriate to read between the lines from the following:

“In the medium term, fiscal policy should follow a gradual consolidation path, and the composition of adjustment could be improved to make it more revenue based and to make room for the structural reforms and increased social spending for inclusive growth. Medium term fiscal targets should be better communicated.”

The statement contains cautionary remarks that urge the Government to pay heed to the downside risks it faces for which it is ill prepared.

Note the following statement: “...while downside risks include policy uncertainty in advanced economies and tighter global

financial conditions. Going forward, striking the right balance in policies will be key.”

This is further emphasized by: “In the medium term, fiscal policy should follow a gradual consolidation path, and the composition of adjustment could be improved to make it more revenue based and to make room for the structural reforms and increased social spending for inclusive growth”.

These are interim conclusions. The Fund will undoubtedly issue a fuller report in which it will for certain spell out its concerns in greater detail.

The Prime Minister in his remarks commenting on the IMF Statement, limited himself to boasting about the revised growth rate.

He chose to wholly ignore the nuanced rebuke about the failure to implement reform measures and made a not-too-cryptic point about the need to tighten fiscal policy and take up structural reforms. By taking this stance, the Prime Minister is acting in a highly irresponsible manner.

The World Bank’s latest Malaysia Economic Monitor is a report commissioned and paid for by the Government. It attempts to take an overview look at recent economic developments in the Malaysian economy.

It too presents revised macro-economic growth estimates and forecasts reflecting revisions to global numbers that take account of changes in the global economy.

However, the Prime Minister has been quick in making claims implying that the somewhat higher GDP growth is wholly attributable to the efforts of his administration.

What is particularly noticeable is the fact that neither the Prime Minister nor the mainstream aka the fake news media chose to ignore the main thematic findings presented in the Malaysia Economic Monitor.

Based on data collected by the Department of Statistics, the Bank reported that the rising cost of living is having a disproportionate impact on lower-income hou-

seholds in Malaysia, with those in urban areas the hardest hit. The poorest households have been disproportionately affected by the build-up of inflationary pressures over the past years with higher relative increases in food prices.

The report points out that the higher inflation experienced by low-income households has been further compounded by the persistent deterioration in the affordability of housing since 2012, as a result of a undersupply of affordable homes, particularly acute in the highly-urbanized areas of the country.

The report points to the need for better targeted social assistance, a point also made in the IMF’s note. These mildly stated criticisms and policy failures have not been taken up by the Prime Minister who has been quick to mouth feel-good remarks often taken out of context. The mainstream media aka the fake news media have failed in its duty to report faithfully and fully.

Illustrative of such selectivity is provided by The Star in its reporting. In an On-Line posting it carried a story entitled: World Bank: Malaysia to achieve high-income nation status as early as 2020 (www.the-star.com.my/news/nation/2017/12/16/world-bank-malaysia-high-income-status-by-2020/#sATharQ25LYjprd2.990).

The Star made no attempt to make any cautionary statements pointing out that the World Bank’s presentation was a simulation and hypothetical in nature. There are many caveats and no one should under-rate that all forecasts for GDP growth in the near term as precarious.

Witness the recent revisions. Much will depend on how the US, Chinese and EU economies perform. The US faces uncertainties e.g. the impact of Federal Reserve interest rate adjustments; China must tackle its debt issues; the EU must worry about BREXIT – there are many uncertainties in the Middle East.

These impact on Malaysian economic growth prospects. And for Malaysia there are the further uncertainties associated with the value of the Ringgit once the

Federal Reserve raises interest rates leading to an outflow from the Malaysian market of short term foreign funds.

Second: The notion that Malaysia will “cross” the high-income bar by 2020 is false. Note the Chart which shows a static cut off at US\$12,236. This figure changes annually in accordance with the Atlas methodology. This figure NEVER gets projected because of the nature of how the number gets calculated. The bottom line is: the bar is NOT STATIC.

In this regard the Bank in making this prediction has acted less than responsibly. It has chosen to ignore its very own Atlas methodology. It would almost seem as if it is dancing to the piper’s tune!

Beyond the assessments offered by the Fund and the Bank, Moody’s (the rating service) in its recent Global Credit Research noted that Malaysia has “a relatively high but stable government and household debt burden.”

It further noted: “Malaysia is also exposed to a potential sharp and lasting negative change in external financing conditions, given the country’s reliance on foreign financing.”

Moody’s goes on to point out that Malaysia’s reserves are insufficient to meet maturing external long-term debt repayments and short-term debt. It cautions that Malaysia’s household debt levels — while stable — pose downside risks to growth. The general tone of Moody’s assessment, while not negative, appears to urge caution.

The likelihood of Malaysia crossing over to join the ranks of the high-income group of countries by 2020 is remote. It is all the more unlikely given the inability of this scandal driven government making the hard but necessary policy corrections recommended by both the Fund and the Bank. These concerns should be noted by the electorate as it makes its choices in the GE14 due in the near term.

■ **Lim Kit Siang is MP of Gelang Patah and DAP Parliamentary Leader**

2018: Dunia tanpa kebencian

DUNIA mengenali perkataan 'aman', 'damai' atau 'peace' dalam berbagai bahasa. Peperangan diisytiharkan atas nama mahu membawa keamanan dan dalam proses itu meninggalkan berjuta mayat bergelimpangan dan negara yang hancur musnah.



PENDAPAT
DR MUJAHID YUSOF RAWA

adalah punca utama, mengapa kalau begitu agama menjadi simbol dan retorik peperangan, mengapa supremasi kaum menjadi dendangan dan paluan perang? Bukankah Perang Salib meletakkan simbol agama sebagai dorongan? Bukankah Hitler mendoktrinkan untuk

kegemilangan bangsa Aryan sebagai paluan perangnya?

Saya boleh bersetuju dengan Graham bahawa tujuan konflik adalah isu sumber dan untuk mobilisasi rakyat ke arah isu agama dan kaum digunakan. Dengan kata lain agama dan ketaksuban kaum bukanlah dipercayai sebagai objektif tetapi hanyalah dieksploitasi untuk tujuan lebih besar iaitu mengekalkan kuasa yang ada.

Oleh kerana agama dan sentimen kaum itu lebih dekat di hati orang awam dan lebih mudah 'disamakan' menjadi objektif utama, maka jadilah agama dan kaum itu sebagai 'sebab' untuk melancarkan peperangan. Walhal ia sebenarnya hanyalah topeng!

SEBAB KONFLIK

Saya tetap menamakan agama dan kaum sebagai sebab konflik dan permusuhan kerana tabiat intrinsik agama adalah untuk mencapai kedamaian dan hidup secara rukun antara berbagai agama yang wujud. Saya tidak fikir ada agama yang secara intrinsiknya mendedahkan dirinya menjadi punca kemusnahan dan kerosakan atau fasad.

Tujuan besar agama atau 'maqasid ad din' adalah membaiki kerosakan, memastikan keadilan tertegak dan memuliakan manusia. Jika kita berpendapat 'agama' menyuruh kita berperang maka hakikat agama itu sendiri telah hilang identitinya dan apabila identiti agama hilang, ia tidak layak dipanggil agama lagi. Mereka yang berkata 'perang kerana agama' sebenarnya berkata 'perang kerana hawa nafsu!' Itulah wajah sebenar mereka.

Satu lagi sebab mengapa pihak tertentu khususnya yang berkuasa dan idamkan kuasa tergoda menggunakan agama dan kaum ialah adanya faktor azali iaitu 'permintaan dan penawaran'. Sepanjang sejarah, ada kelompok 'penunggang agama dan kaum' yang menawarkan 'khidmat' mereka. Mereka sebenarnya tidak mewaikili agama atau kaum tetapi hanyalah 'pedagang agama' yang menjaja atas nama Jesus atau Muhammad atau Buddha atau Shiva.

Mereka sebenarnya memperdagangkan agama untuk tujuan dunia tetapi oleh kerana ia diramu dengan wajah agama dan simbolnya maka orang ramai terpuak. Suasana ini digambarkan oleh Nabi Muhammad s.a.w. sebagai suasana 'fitnah' bahawa seseorang itu tidak dapat membezakan antara suruhan agama dan

larangannya sehingga Nabi menyebut:

"Siang menjadi mukmin, malam menjadi kafir, adakalanya malam menjadi mukmin dan siang menjadi kafir..." malah Nabi menyebut sebabnya amat jelas: "Seseorang menjual agamanya dengan (harga tertentu) dengan tujuan mendapat habuan dunia yang sedikit." (Hadis riwayat Muslim)

Hadis di atas sering dikaitkan dengan berbagai fitnah yang dimaksudkan dengan makna 'ujian' di akhir zaman kerana nipisnya iman. Ia betul, tetapi hasrat utama hadis ini pada penghujungnya adalah untuk memberi peringatan golongan yang disebut khusus iaitu dia menjual agamanya untuk tujuan dunia yang sedikit.

Orang awam yang nipis imannya dengan berbagai maksiat sukar menjustifikasi dengan alasan agama tetapi golongan agamawan, pendita, paderi mahupun ulama, mereka ada kemampuan berhujahkan alasan agama. Mereka lebih layak dalam hadis ini dikaitkan dengan 'menjual agama' bukan untuk maksiat zina atau minum arak tetapi menggunakan agama sebagai bahan jualan.

Selagi kelompok ini ada di pasaran para penguasa mendapati bekalan yang cukup untuk menyemarakkan semangat bagi mencapai hasrat merebut sumber. Maka berlakulah 'peperangan atas nama agama'.

Ada juga usaha untuk menggunakan nama agama dengan mensongsangkan agama daripada makna penghayatan kedamaian kepada permusuhan. Caranya adalah dengan mendoktrinkan pengasingan dan isolasi tanpa disedari seperti teori konspirasi, mengkategorikan kerakyatan kepada harbi dan zimmi serta sentiasa prejudis sesama warganegara. Tanpa disedari 'pedagang agama' menimbulkan sikap pengasingan diri sedikit demi sedikit ke atas pengikutnya dalam realiti masyarakat majmuk.

Ini semua dilakukan atas nama Islam merujuk kepada hukum-hukum fiqh yang tidak kontekstual tetapi sekadar tekstual. Dari penghayatan agama yang sepatutnya menghasilkan peribadi inklusif, hormat sesama insan, 'hidup beragama' menjadi eksklusif, isolasi dan hubungan kebencian.

PENYELESAIAN

Jika agama dan kaum hanyalah eksploitasi untuk tujuan merebut sumber, kita hanya perlu menyelesaikan dua perkara demi mencapai kedamaian. Pertama menguruskan perebutan sumber dan mengembalikan erti keberagamaan sebenar.

Mengurus sumber dunia mesti dimulakan dengan set minda yang jelas, iaitu dunia harus berpindah daripada penggunaan sumber yang semakin kehabisan kepada sumber yang lebih lestari atau 'sustainable'.

Sumber tenaga guna semula mampu mengelakkan kebergantungan sumber tenaga fosil yang dijangka akan sampai

tahap kekurangan walaupun tidak kehabisan total dalam 2030. Usaha pembangunan dalam kerangka pemikiran lestari atau Sustainable Development Growth (SDG) mengurangkan stres faktor sumber yang semakin kehabisan lantaran mampu mengelakkan peperangan perebutan sumber.

Bagi menangani isu agama, kita perlu kembali kepada makna beragama yang sebenar yang sarat dengan erti kedamaian, kemanusiaan dan membela keadilan tanpa mengenal batas kaum dan agama. Tiada siapa yang eksklusif dalam soal dosa pahala. Keilmuan adalah kelebihan untuk menyampaikan kepada orang ramai dengan hikmah dan menyebarkan erti kemanusiaan dan rahmat Islam. Keilmuan bukan alasan untuk menghukum atau mengukurkan sesiapa sesuka hati. Kaedah daripada kalangan agamawan sebegini menyumbang kepada agama diradikalisasikan dan punca kepada perpecahan dalam masyarakat.

Jambatan kedamaian ialah dengan berdialog dan menghentikan cacian antara agama dan kaum. Kita tidak boleh membiarkan cacian dan makian antara kaum dan agama menjadi norma budaya kita malah perlu dianggap perbuatan tidak bertamadun ini sebagai satu jenayah.

Islam sarat dengan mesej hidup rukun dan damai antara agama. Malah perkataan Islam adalah dari makna salam iaitu damai. Mesej Islam yang harmonis diucapkan dalam ucapan salam. Allah menuntut hambanya dengan membalas ucapan baik dengan sesuatu yang lebih baik atau seumpamanya.

Peribadi muslim sejati ialah peribadi yang suka buat baik dan melarang membuat kerosakan. Begitu juga Allah melarang membunuh satu nyawa manusia sesuka hati kerana perbuatan tersebut adalah seumpama kita membunuh seluruh nyawa manusia di bumi. Memelihara satu nyawa melalui kedamaian di bumi. Memelihara satu nyawa melalui kedamaian adalah seumpama kita menghidupkan nyawa manusia keseluruhannya.

Penghayatan di atas adalah perjuangan besar untuk memacakkan panji kedamaian. Dalam dunia yang penuh konflik dan berdarah, mesej 2018 ini adalah besar makna dan nilainya. Dunia akan lebih aman tanpa perebutan sumber yang semakin kehabisan dan menuju kepada bingkai fikir Pembangunan Lestari.

Kepada penunggang agama dan kaum, mesej ini adalah amaran agar jangan bermain dengan api kelak ia akan membakar diri sendiri. Pilihlah kedamaian pasti tiada yang dianiyai. Selamat Tahun Baru 2018.

"Harapan Untuk Semua"

Datuk Dr Mujahid Yusof ialah Naib Presiden AMANAH dan Ahli Parlimen Parit Buntar.



Dr Ismail (tiga dari kiri) dan Sulaiman (kiri) menyampaikan beg sekolah kepada seorang pelajar.

Bila ikan kembung mahal dari getah, **AMANA**H bantu penoreh

SIK: "Cuba bayangkan harga ikan kembung di negeri ini sekitar RM16 sekilo, sedangkan harga getah sekerap RM2.10 sekilo dan terpaksa pula dibahagi dua dengan tuan kebun.

"Untuk mendapat sekilo ikan kembung, penoreh getah terpaksa mendapatkan 16 kilo getah sekerap," kata Ketua AMANAH Kawasan Sik Sulaiman Ibrahim.

Beliau menambah, lebih menyedihkan apabila hari hujan, penoreh getah tidak dapat keluar menoreh.

"Apabila mereka tidak dapat keluar untuk menoreh, sudah tentu pendapatan tidak ada.

"Duit saku untuk sekolah anak dan juga belanja dapur tidak

ada. Akhirnya beban ini semakin menghimpit dan menyebabkan keluarga penoreh getah berada dalam kesempitan," jelas Ibrahim.

Menyadari kesempitan hidup yang dialami para penoreh getah dan penduduk kampung pedalaman, AMANAH Kawasan Sik berusaha meringankan beban yang ditanggung keluarga terabit khususnya menjelang sesi persekolahan.

Meneruskan agenda 'peduli rakyat', AMANAH Kawasan Sik menyumbangkan beg sekolah kepada 155 pelajar dan waris yang hadir di Pejabat Operasi AMANAH kawasan baru-baru ini.

Sejumlah 167 penerima yang tidak dapat hadir kerana

ketiadaan kenderaan ataupun ke kebun untuk menoreh, tetap menerima bantuan beg sekolah melalui ketua-ketua AMANAH cawangan berdekatan.

Hadir sama pada majlis penyerahan bantuan itu ialah Pengerusi AMANAH Kedah, Datuk Dr Ismail Salleh.

Setiap keluarga menerima bantuan beg bagi dua orang anak.

Dr Ismail ketika ditemui berkata, ramai yang hadir terpaksa bercuti menoreh getah semata-mata bagi menerima sumbangan ini manakala ada yang tidak hadir kerana mahu menoreh bagi mendapatkan pendapatan.



Para petugas AMANAH menyediakan beg sekolah untuk diagihkan kepada pelajar.



Sebahagian pelajar dan waris yang hadir untuk menerima beg sekolah.



Mendaftar diri di kaunter pendaftaran.

Awan Perlis bantu pelajar asnaf kembali ke sekolah



Che Mazlina (tengah) bersama sebahagian pelajar yang menerima bantuan pakaian sekolah.

KANGAR: Menyedari kos sara hidup yang semakin membebankan kebelakangan ini, AMANAH Negeri Perlis menghulur bantuan bagi meringankan beban keluarga asnaf dan kurang mampu menjelang sesi persekolahan tahun ini.

Ketua Awan Perlis Che Mazlina Che Yob (**gambar**) berkata, bantuan itu diberikan kepada pelajar-pelajar terpilih di sekitar kawasan Dun Santan.

Mereka menerima sumbangan pakaian dan alat kelengkapan sekolah.

Menurut Che Mazlina, kebanyakan ibu bapa dan waris pelajar yang menerima sumbangan amat terharu kerana belum pernah menerima sumbangan persekolahan sebelum ini.

Sumbangan yang diberikan, kata beliau sedikit sebanyak dapat meringankan beban ibu bapa terbabit.

Awan Perlis, katanya sering mengadakan program



kebajikan bagi membantu golongan tidak bernaib baik sejak AMANAH ditubuhkan.

AMANAH tambah beliau, tetap meneruskan agenda peduli rakyat melalui pelbagai bentuk sokongan yang mampu diberikan kepada masyarakat yang memerlukan.

Sehubungan itu, Che Mazlina menyeru penduduk negeri ini untuk bersama Pakatan Harapan (PH) bagi memastikan

perubahan tampuk pemerintahan kerajaan negeri menjelang pilihan raya umum akan datang.

"Membiarkan Umno dan BN meneruskan pemerintahan untuk tempoh lima tahun lagi, akan menyebabkan kehidupan rakyat semakin melarat," tegas beliau.

Tambah beliau, PH Perlis telah menyediakan pelbagai tawaran menarik bagi rakyat negeri ini.



Che Mazlina membantu mengacu pakaian sekolah untuk seorang pelajar.



KEMBALI KE SEKOLAH... AMANAH Kawasan Dungun menganjurkan program peduli rakyat dengan memberi sumbangan persekolahan kepada 20 pelajar sekolah dari keluarga asnaf di sekitar kawasan Dewan Undangan Negeri (Dun) Suria, Dungun. Hadir pada program Kembali ke Sekolah itu ialah Ketua AMANAH Kawasan Dungun Zulkifli Ali dan ahli-ahli jawatankuasa AMANAH kawasan. Program membeli belah itu berlangsung di sebuah pasaraya di bandar Dungun.

PROMOSI TERBARU!!

JOM IKLAN DENGAN AKHBAR AMANAH

SERENDAH (SATU MUKA) **RM 500**

TEMUI 50 RIBU PEMBACA ANDA SEKARANG

APA YANG ANDA AKAN DAPAT JIKA BERIKLAN DENGAN KAMI?

- 1) Mencapai pembaca sehingga ke Singapura, Sabah dan Sarawak.
- 2) Percuma akhbar **AMANAH** setiap keluaran.

UNTUK TEMPAHAN ATAU MAKLUMAT LANJUT:
011 32334322 (EN HAKIM)

10 SPR perkukuh politik berasas kaum

15 Kerugian rizab asing besar berbanding forex

1MDB Development Berhad

22 Kisah 1MDB dan karya Imam Mawardi



Bantu sekolah pondok tingkat piawai keselamatan ms26

PP18978/03/2016(034450)

Amanah

BIL 84 | 7 - 13 JANUARI 2018

WAKTU SOLAT

BAGI ZON KUALA LUMPUR DAN KAWASAN-KAWASAN YANG SEWAKTU DENGANNYA.



SUMBER: JAKIM

TARIKH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
07.01.2018	5:51	6:01	7:20	1:22	4:45	7:19	8:33
08.01.2018	5:51	6:01	7:21	1:23	4:45	7:19	8:33
09.01.2018	5:52	6:02	7:21	1:23	4:45	7:19	8:34
10.01.2018	5:52	6:02	7:21	1:23	4:46	7:20	8:34
11.01.2018	5:52	6:02	7:22	1:24	4:46	7:20	8:34
12.01.2018	5:53	6:03	7:22	1:24	4:47	7:21	8:35
13.01.2018	5:53	6:03	7:22	1:25	4:47	7:21	8:35

Azam tahun baru 2018:

TURUN NAJIB, TUKAR KERAJAAN

laporan penuh muka 2 dan 8

PERHIMPUNAN

'Turun Minyak Turun Najib' di ibu negara dan ucapan tahun baru Presiden AMANAH menjelang tahun baru 2018 menyatakan azam untuk menjatuhkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak pada Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) dan menukar kerajaannya.

Perhimpunan protes bertemakan warna putih itu menuntut supaya kerajaan mengembalikan subsidi minyak serta menetapkan harga siling petrol RON95 dan diesel masing-masing pada harga RM1.90 dan RM1.80 seliter.

Mahfuz terajui gelombang kedua tinggalkan Pas

TINDAKAN Ahli Parlimen Pokok Sena, Datuk Mahfuz Omar mengisytiharkan dirinya sebagai Ahli Parlimen Bebas disifatkan adalah gelombang kedua keluarannya ahli dan pemimpin dari Pas. Pengerusi AMANAH Negeri Kedah, Datuk Dr

Ismail Salleh berkata, tindakan berani Mahfuz sebagai penutup tirai 2017 akan menjadikan PH Kedah semakin mantap dan kukuh di samping memberikan tamparan hebat kepada Pas.

Beliau mendakwa, ekoran tindakan Mahfuz akan menyebabkan lebih ramai ahli Pas yang berani untuk meninggalkan parti itu.

Ikuti surat Mahfuz kepada Pas di muka 9



Lakaran wajah Najib dengan imej koruptor menjadi latar belakang perhimpunan "Turun Turun" menjelang sambutan tahun baru 2018 di ibu negara.

Natural Safe Effective

DR. OLIVE BODY CARE

OTHER PRODUCTS:

- SOAPS
- BODYSKRUBS
- SERUMS
- DEODORANT
- SUNSCREEN
- TEA SUPPLEMENTS

- HANDMADE
- NO HARMFUL CHEMICALS
- PARABEN FREE
- HALAL

Contact Info:
 TEL: +6013 754 9335
 EMAIL: drolivebodycare@gmail.com
 WEBSITE: www.drolivebodycare.wixsite.com/drolivebodycare